




UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Hospital
Al-Sultan Abdullah

LAPORAN TAHUNAN

HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH

2022



Isi Kandungan

Perutusan

- Naib Canselor 4
- Pengarah 5

Misi, Visi, Nilai Teras, Piagam Pelanggan

6

Objektif dan Polisi Kualiti

7

1.0

Laporan Eksekutif

9

1.1	Latar Belakang HASA, UiTM	10
1.2	Carta Organisasi HASA	16
	• Pengurusan Eksekutif	18
	• Majlis Pengurusan Hospital	19
	• Jawatankuasa Pengurusan Hospital	20
1.3	Prestasi Hospital	
	• Statistik hospital	21
1.4	Laporan Khas	
	• Majlis Perasmian Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM	40
	• Perkhidmatan Pesakit Bayaran Penuh (PPBP)	45

2.0

Perkhidmatan Pengurusan

49

2.1	Jabatan Pengurusan dan Sumber Manusia	50
2.2	Jabatan Kewangan	66
2.3	Jabatan di bawah Pejabat Pengarah	
	• Jabatan Komunikasi Korporat	77
	• Jabatan Peningkatan Kualiti dan Keselamatan Pesakit	83
	• Jabatan Penyelidikan, Jaringan Industri dan Inovasi	95
	• Pejabat Polis Bantuan	102
	• Pejabat Undang-undang	109

3.0

Perkhidmatan Klinikal



115

3.1	Jabatan Perubatan	116
3.2	Jabatan Pembedahan	126
3.3	Jabatan Kardiovaskular dan Pembedahan Torasik	132
3.4	Jabatan Perubatan Kecemasan	142
3.5	Jabatan Ortopedik & Traumatologi	149
3.6	Jabatan Oftalmologi	156
3.7	Jabatan Otorinolaringologi	160
3.8	Jabatan Anestesiologi & Rawatan Intensif	166
3.9	Jabatan Pediatrik	171
3.10	Jabatan Obstetrik dan Ginekologi	175
3.11	Jabatan Perubatan Penjagaan Utama	183
3.12	Jabatan Radiologi	189
3.13	Jabatan Perubatan Pemulihan	196
3.14	Jabatan Psikiatri	202
3.15	Jabatan Perubatan Kesihatan Awam	208
3.16	Jabatan Makmal Diagnostik Klinikal	216
3.17	Jabatan Patologi Forensik	223
3.18	Jabatan Etika dan Undang-Undang Perubatan	228
3.19	Pusat Perkhidmatan Onkologi	231
3.20	Pusat Perkhidmatan Nefrologi	237
3.21	Pusat Perkhidmatan Pergigian	242
3.22	Pusat Perkhidmatan Kardiologi	246
3.23	Pusat Perkhidmatan Pembedahan Plastik	255
3.24	Unit Rawatan Harian	260
3.25	Unit Kawalan Infeksi	264
3.26	Klinik Warga	267
3.27	Klinik Eksekutif	271

4.0

Perkhidmatan Sokongan Klinikal



277

4.1	Jabatan Kejururawatan	278
4.2	Jabatan Farmasi	288
4.3	Jabatan Maklumat Pesakit	296
4.4	Jabatan Sajian & Dietetik	303
4.5	Jabatan Kerja Sosial Perubatan	309
4.6	Jabatan Infrastruktur	316
4.7	Jabatan Infostruktur	320
4.8	Unit Penyeliaan Penolong Pegawai Perubatan	326

5.0


Sidang Editorial



331

6.0

Sekalung Penghargaan



339

Perutusan

Profesor Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor

Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA



Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA), UiTM telah mula beroperasi sejak bulan April 2021 dengan menyediakan perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan kepada warga awam. Sudah pasti saya dan seluruh warga UiTM berasa amat bangga atas kejayaan yang telah dicapai ini. Pengoperasian hospital ini sekali gus membuktikan bahawa UiTM mampu bersaing dengan institusi-institusi bertaraf global yang lain dalam melahirkan ilmuwan dan pakar dalam bidang perubatan.

Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang berdaya saing dan mementingkan kecemerlangan akademik, inovasi, sosial dan pengiktirafan antarabangsa, pewujudan HASA sebagai sebuah lagi Hospital Pengajar Universiti (HPU) yang lengkap dengan fasiliti rawatan terkini serta infrastruktur berteknologi tinggi memainkan peranan yang amat penting bagi membuktikan potensi besar UiTM untuk terus menyumbang kepada kelangsungan sektor penjagaan kesihatan yang berdaya maju di negara ini. Kita amat bertuah kerana mempunyai kerajaan yang sentiasa peka dan menyokong penuh perkhidmatan yang mampu meningkatkan taraf kesihatan, kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat.

Saya yakin, HASA akan sentiasa meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan, memberi fokus dalam bidang penyelidikan dan inovasi serta memanfaatkan kepakaran dan fasiliti yang ada demi memastikan masyarakat menerima perkhidmatan yang terbaik dan menyeluruh. Bagi pihak universiti, sukacita saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada warga HASA kerana sentiasa menjalankan tugas yang diamanahkan dengan penuh integriti. Semoga HASA terus mengecapi kecemerlangan dan menjadi pemangkin kepada agenda pembangunan negara khususnya dalam bidang perubatan.

Syabas juga saya ucapkan kepada Sidang Editorial, ketua-ketua jabatan dan semua pihak yang terlibat menjayakan penerbitan Buku Laporan Tahunan Hospital Al-Sultan Abdullah 2022. Saya yakin dokumentasi lengkap ini akan menjadi sumber rujukan penting yang memberi manfaat kepada semua pihak sekali gus mencitrakan peranan dan fungsi yang telah dimainkan oleh HASA sepanjang tahun 2022.

Wabillahi taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.

Sekapur Sireh

Profesor Dr. Sazzli Shahlan Kasim

Pengarah
Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA),
Universiti Teknologi MARA



Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Ucapan syabas buat Sidang Editorial dan semua ketua jabatan/ unit di atas komitmen menyempurnakan penerbitan Buku Laporan Tahunan Hospital Al-Sultan Abdullah 2022. Buku laporan tahunan ini merupakan satu dokumentasi lengkap yang disediakan sebagai satu perkongsian maklumat bagi memberikan gambaran menyeluruh tentang fungsi dan peranan HASA melalui pelaksanaan program dan aktiviti sepanjang tahun 2022.

1 April 2022 menyaksikan negara kita memasuki fasa peralihan ke endemik dan HASA tidak terkecuali turut terlibat menjayakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). Kejayaan program ini telah membawa negara memasuki Fasa Peralihan ke Endemik seterusnya secara tidak langsung memberikan kesan positif kepada ekonomi negara melalui pembukaan semula sempadan. Sukacita saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada warga HASA kerana sentiasa berganding bahu menjalankan tugas yang diamanahkan dengan penuh integriti demi memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan sentiasa ditingkatkan bersandarkan kecemerlangan, sinergi dan integriti di samping menekankan prinsip tadbir urus yang baik dan cekap.

Kejayaan dan pencapaian cemerlang yang telah kita kecapai sepanjang tahun 2022 tidak akan dapat direalisasikan jika kita tidak mempunyai modal insan yang berkemampuan tinggi serta mempunyai nilai profesionalisme yang baik. Dengan kerjasama semua pihak, saya yakin kita mampu memenuhi ekspektasi pelanggan dan harapan tinggi pemegang taruh terhadap HASA dengan melaksanakan tanggungjawab yang diberi.

Wabillahi taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.



Misi

Mempertingkatkan kemanusiaan melalui pembangunan profesional, penyelidikan berkesan dan penyampaian penjagaan kesihatan terkini.



Visi

Menjadikan Hospital Al-Sultan Abdullah sebagai sebuah pusat penjagaan kesihatan akademik terkemuka dunia.

Objektif

Menjadi pusat penjagaan kesihatan akademik yang terulung.

Memupuk penjagaan kesihatan ihsan yang berkualiti.

Menjuarai penyelidikan terkehadapan.

Menginovasikan sistem kewangan kesihatan yang efektif dan mampan.

Nilai Teras



Kecemerlangan
Mengamalkan kualiti piawai dalaman yang standard bagi memenuhi keperluan dan jangkaan pemegang taruh.



Sinergi
Bekerjasama rapat untuk memaksimumkan produktiviti yang memberi manfaat kepada industri dan masyarakat.



Integriti
Memupuk nilai kejujuran, hormat dan ketelusan untuk mencapai standard profesionalisme yang tinggi.

Piagam Pelanggan



- Mengutamakan kepuasan pelanggan melalui penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan mencapai standard.
- Menyediakan fasiliti yang kondusif, selamat, bersih dan selesa.
- Memaklumkan kepada pelanggan mengenai tatacara maklum balas dan pengendalian aduan.
- Memberi layanan dan perkhidmatan yang profesional, mesra serta cekap tanpa mengira jantina, umur, agama, bangsa, fahaman politik atau status ekonomi.





Polisi Kualiti Hospital Al-Sultan Abdullah Universiti Teknologi MARA

Hospital Al-Sultan Abdullah Universiti Teknologi MARA komited dalam penyampaian perkhidmatan rawatan perubatan yang cekap, berintegriti, efektif dan efisien kepada setiap pesakit berasaskan profesionalisme dan standard piawaian etika perubatan.

Selaras dengan usaha meningkatkan taraf mutu perkhidmatan, pihak Hospital Al-Sultan Abdullah Universiti Teknologi MARA akan sentiasa melakukan penambahbaikan secara berterusan demi memenuhi kepuasan pelanggan dan kepatuhan yang konsisten berlandaskan sistem pengurusan kualiti hospital, akta-akta, peraturan-peraturan, pekeliling-pekeliling dan garis panduan yang berkaitan.

Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) Universiti Teknologi MARA akan sentiasa memastikan kakitangan HASA terus komited dalam mempertingkatkan pengetahuan mengenai pendidikan kesihatan, penyelidikan dan inovasi terkini, sekaligus memastikan pesakit cakna terhadap kepentingan penjagaan kesihatan dan menjaga imej HASA agar sentiasa terpelihara di samping mewujudkan suasana harmoni dan hubungan baik antara kakitangan HASA dengan orang awam.







1.0

Laporan Eksekutif



Penubuhan Fakulti Perubatan

Pembangunan Hospital Pengajar UiTM teretus pada tahun 1995 apabila Menteri Pelajaran Malaysia mencadangkan penubuhan Fakulti Perubatan sekiranya Institut Teknologi MARA (ITM) mahu dinaik taraf kepada universiti. Penubuhan Fakulti Perubatan ini penting untuk meningkatkan jumlah doktor-doktor bumiputera di Malaysia. Pada tahun 2002, selepas menjadi sebuah universiti dikenali dengan nama Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kementerian Pendidikan Malaysia telah meluluskan penubuhan Fakulti Perubatan.

Fakulti Perubatan UiTM secara rasminya ditubuhkan pada bulan November 2002 oleh Kementerian Pendidikan dan mula beroperasi di Kampus UiTM Jalan Othman, Petaling Jaya, Selangor. Bermula 01 Disember 2002 hingga 14 Mac 2004, Profesor Dr. Abdul Rahim Mohd Noor dilantik sebagai Dekan dan diberi tanggungjawab untuk menyelia fakulti ini. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Dekan Fakulti Sains Kesihatan UiTM.

Pada 15 Mac 2004, Profesor Dato' Dr. Khalid Yusoff dilantik sebagai Dekan menggantikan Profesor Dr. Abdul Rahim Mohd Noor. Beliau berkhidmat sebagai Dekan sehingga 01 September 2013. Sepanjang menjawat jawatan sebagai Dekan, Fakulti Perubatan pesat berkembang dan pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh beliau bagi memastikan fakulti ini mempunyai fasiliti yang cukup di samping mampu mengeluarkan graduan yang berdaya saing dan bertaraf global.

Untuk rekod, pengambilan pertama 20 pelajar perubatan diterima pada bulan Jun 2003. Mereka menamatkan pengajian dan lulus pada bulan April 2008. Jumlah pengambilan pelajar telah semakin meningkat di mana menjelang tahun 2011, fakulti makin rancak membuat pengambilan pelajar dengan kadar sekitar 250 pelajar untuk setiap tahun.



UiTM Kampus Selayang secara rasminya diberi hak untuk beroperasi pada 21 Januari 2010

Pembangunan Fakulti Perubatan di UiTM Kampus Selayang dan Sungai Buloh

Dalam usaha untuk memberikan latihan klinikal kepada pelajar-pelajar Fakulti Perubatan, UiTM telah menandatangani satu Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi menempatkan pelajar-pelajar perubatan ini di hospital-hospital dan poliklinik-poliklinik kerajaan. Dua buah hospital telah dicadangkan untuk menempatkan pelajar-pelajar perubatan ini menjalani latihan mereka iaitu di Hospital Selayang dan Hospital Sungai Buloh, Selangor. Pada 17 Julai 2006, Kementerian Pengajian Tinggi telah mengarahkan UiTM supaya pembangunan Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian di Sungai Buloh dilaksanakan segera. Sehubungan itu, projek pembinaan Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian telah berjalan sebagaimana yang dijadualkan di kawasan berhampiran Hospital Sungai Buloh. Fakulti Perubatan pada awalnya beroperasi untuk sementara di Aras 20, Menara 1, Bangunan Sains dan Teknologi di kampus induk UiTM Shah Alam. Operasi fakulti di bangunan ini juga dilengkapi dewan bedah, pusat sumber anatomi, komputer dan makmal pelbagai disiplin.

Pada tahun 2010, kakitangan pentadbiran dan pelajar perubatan tahun 4 dan 5 telah berpindah ke kampus baru iaitu UiTM Kampus Selayang. UiTM Kampus Selayang secara rasminya diberi hak untuk beroperasi pada 21 Januari 2010. UiTM Kampus Sungai Buloh telah siap dibina pada tahun 2012 dan semua staf pentadbiran dan akademik Fakulti Perubatan telah berpindah dari UiTM Kampus Shah Alam ke Sungai Buloh di mana pelajar perubatan tahun 3 dipindahkan ke Kampus Sungai Buloh dan aktiviti penyelidikan juga dijalankan di sana.

Walaupun fakulti beroperasi di UiTM Kampus Selayang dan Sungai Buloh, aktiviti pengajaran pra-klinikal masih dijalankan di UiTM Kampus Shah Alam. Pengajaran pra-klinikal merangkumi kuliah dan seminar anatomi, fisiologi, mikrobiologi, biokimia, farmakologi dan patologi am. Pengajaran pendedahan klinikal awal (ECE) untuk pelajar pra-klinikal juga dilakukan di UiTM Shah Alam yang mana pelajar-pelajar klinikal tersebut kebanyakannya bertugas di Hospital Selayang, Hospital Sungai Buloh dan Hospital Teluk Intan. Mereka juga menghadiri klinik kesihatan kerajaan termasuk Klinik Kesihatan Taman Ihsan dan Klinik Kesihatan Sungai Buloh untuk pemeriksaan kesihatan masyarakat dan penjagaan primer.

Projek pembinaan bermula pada 17 April 2017 dengan anggaran kos berjumlah RM599 juta.

Operasi di UiTM Kampus Selayang dan Kampus Sungai Buloh

Selain berperanan dalam aktiviti pengajaran, fakulti juga mengembangkan peranan menerusi perkhidmatan klinik sendiri. Operasi awal iaitu Klinik Pakar di UiTM Kampus Selayang dibuka untuk orang ramai dan selepas itu Pusat Latihan Klinikal (CTC) memulakan kliniknya dengan menawarkan perkhidmatan rawatan untuk pesakit bagi masyarakat di Sungai Buloh.

Untuk rekod, UiTM Kampus Selayang secara rasminya diberi hak untuk beroperasi pada 21 Januari 2010. Klinik Rawatan UiTM pada awalnya dibuka pada tahun 2010 di Kampus UiTM Sungai Buloh dan pada tahun 2014 di Kampus UiTM Selayang dengan matlamat utamanya adalah untuk menawarkan perkhidmatan penjagaan primer yang komprehensif untuk masyarakat setempat. Ia dikendalikan oleh Pakar Perubatan Keluarga yang juga pensyarah Perubatan Penjagaan Primer dan juga menggunakan khidmat sarjana pascasiswazah dalam bidang Perubatan Keluarga calon UiTM.

Antara perkhidmatan yang ditawarkan ialah Klinik Pakar (beroperasi mengikut jadual janji temu, pesakit baru diterima melalui rujukan yang dibuat oleh doktor (dari kemudahan kesihatan swasta atau kerajaan) dan Klinik Penjagaan Primer (berfungsi secara 'walk in' dan tidak perlu janji temu atau surat rujukan terlebih dahulu).

Pada tahun 2016, CTC dinamakan secara rasmi sebagai Pusat Pakar Perubatan UiTM (PPUiTM) dan kekal beroperasi di UiTM Kampus Sungai Buloh. PPUiTM menawarkan perkhidmatan kardiologi, pernafasan, gastroenterologi, perubatan umum, pembedahan umum, ortopedik, perubatan pemulihan, oftalmologi, obstetrik dan ginekologi, pediatrik, dermatologi dan perkhidmatan penjagaan primer.

PPUiTM dilengkapi dengan peralatan untuk perkhidmatan perubatan dan rawatan dengan kelengkapan 88 buah katil, tiga buah kompleks klinik, empat buah bilik bedah, sebuah unit pengimejan, makmal diagnostik klinikal serta perkhidmatan sokongan klinikal lengkap seperti perkhidmatan kejururawatan, dietetik dan fisioterapi. PPUiTM Kampus Sungai Buloh memberi fokus kepada perkhidmatan untuk Klinik Pesakit Dalam dan Pesakit Luar. Bangunan PPUiTM menempatkan bahagian perkhidmatan untuk orang awam (PPUiTM) dan juga bahagian perkhidmatan pakar perubatan swasta (berbayar) iaitu *UiTM Private Specialist Centre* (UPSC).



Pembinaan Hospital Pengajar UiTM

Bagi menampung jumlah pelajar perubatan yang kian bertambah, UiTM telah memohon kepada kerajaan untuk membina sebuah hospital pengajar tersendiri dan tidak perlu bergantung kepada Hospital Sungai Buloh dan Hospital Selayang. Pada tahun 2008, Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) bersetuju secara prinsip untuk membina sebuah Hospital Pengajar di UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam.

Dengan persetujuan itu, proses penyediaan dokumen perjanjian Hospital Pengajar UiTM melibatkan KPT, UKAS, JKR, UiTM & TR1plc bermula di mana ianya melibatkan penyediaan 50 jilid dokumen. Tanggal 18 Februari 2016 menyaksikan persetujuan dicapai antara pihak Kementerian Pengajian Tinggi, UiTM dan TR1plc (syarikat konsesi) bagi projek pembinaan Hospital Pengajar Universiti di lokasi UiTM Selangor Kampus Puncak Alam. Proses pematuhan penyediaan kewangan SUKUK oleh TR1plc & Kementerian Kewangan bermula pada 19 Februari 2016 hingga 10 April 2017.

Majlis serah tapak telah diadakan pada 11 April 2017 dan projek pembinaan bermula pada 17 April 2017 dengan anggaran kos berjumlah RM599 juta. Pembinaan Hospital Pengajar Universiti ini diletakkan di bawah projek Inisiatif Pembiayaan Swasta (PF) UiTM dengan tempoh konsesi selama 25 tahun.



Tadbir Urus Hospital UiTM

Tanggal 19 Februari 2020 menjadi detik yang bersejarah apabila Pusat Pakar Perubatan UiTM tidak lagi diletakkan di bawah tadbir urus Fakulti Perubatan. Pemisahan tadbir urus ini adalah bersempena dengan pewujudan Hospital Pengajar Universiti (dikenali Hospital UiTM) yang akan beroperasi di Puncak Alam. Walaupun Hospital UiTM beroperasi di Puncak Alam, namun perkhidmatan di PPUiTM Kampus Sungai Buloh dan Selayang masih berjalan seperti biasa dan nama 'PPUiTM' dikekalkan serta diletakkan di bawah Pusat Tanggungjawab Hospital UiTM.



Perkhidmatan Hospital UiTM (HUiTM)

Sebagai sebuah universiti awam terbesar dalam negara, UiTM bukan sahaja menyediakan pendidikan tinggi bertaraf dunia kepada bumiputera malah turut menawarkan perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan bertaraf global kepada masyarakat melalui HUiTM yang beroperasi di UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam. Projek pembinaan HUiTM bermula pada 11 April 2017 dan siap pada tahun 2020. Hospital ini berkapasiti 400 buah katil, dilengkapi kompleks akademik dan perubatan untuk kapasiti 750 orang pelajar, makmal komputer interaktif, makmal kemahiran klinikal serta wad simulasi. Dengan keluasan tapak 46 ekar, reka bentuk binaan bangunan ini berinspirasi elemen molekul air zam-zam (khasiat dan penawar pelbagai penyakit).

HUiTM menawarkan perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan kepada lebih 1.5 penduduk Selangor dan Perak Selatan. Hospital ini dilengkapi dengan pelbagai kepakaran dan subkepakaran berteknologi tinggi yang menawarkan perkhidmatan perubatan yang moden dan canggih untuk pesakit. Antara perkhidmatan yang disediakan ialah rawatan kecemasan dan trauma, rawatan kritikal, perubatan dalaman, kardiologi, pembedahan am, pembedahan plastik dan rekonstruksi, pembedahan kardiotorasik, ortopedik, rawatan ibu hamil, rawatan untuk bayi, remaja dan orang dewasa serta perubatan onkologi, geriatrik, perubatan forensik, kesihatan mental, rehabilitasi serta dialisis.

Majlis Penyerahan Hospital UiTM (HUiTM) oleh Menteri Pengajian Tinggi

Pada 23 Mac 2021, Majlis Penyerahan Hospital UiTM telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi. HUiTM memulakan operasi pada 05 April 2021 dengan menyediakan perkhidmatan kepada warga awam secara berperingkat melibatkan perkhidmatan Klinik Pakar Perubatan, Klinik Pakar Wanita & Kanak-kanak, Klinik Pakar Pembedahan & Ortopedik dan Klinik Pakar Psikiatri.



HUiTM memulakan operasi pada 05 April 2021 dengan menyediakan perkhidmatan kepada warga awam.



Majlis Perasmian Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA), UiTM

Pada 23 Julai 2022 bersamaan 23 Zulhijah 1443H, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang merupakan Tuanku Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM) berkenan mencemar duli merasmikan Hospital Al-Sultan Abdullah (sebelum itu dikenali sebagai Hospital UiTM Puncak Alam).



HASA kini mengorak langkah sebagai sebuah hospital pengajar terulung dan memangkin pembangunan *Medical City*



Turut berangkat ke UiTM sempena perasmian Hospital Al-Sultan Abdullah adalah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin. Hadir sama dalam Majlis Perasmian Hospital Al-Sultan Abdullah adalah Menteri Pengajian Tinggi, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Kewangan, YB Senator Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin Shari dan Naib Canselor UiTM, YBhg. Prof Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor.

Sedekad pengalaman menyediakan perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan di Pusat Pakar Perubatan UiTM (PPUiTM), Sungai Buloh dan Selayang dengan dibarisi doktor-doktor pakar multi-disiplin dan petugas kesihatan yang berpengalaman dan profesional, HASA kini mengorak langkah menjadi sebuah hospital pengajar terulung dan memangkin pembangunan *Medical City* bagi kawasan utara Selangor. Aspirasi ini bakal menterjemahkan idea dan inovasi kepada produk, proses dan perkhidmatan baru yang mampu meningkatkan impak kepada ekonomi secara berpanjangan dan memberi manfaat kepada masyarakat.

1.2 Carta Organisasi HASA



Jabatan Klinikal

Jabatan Perubatan

Jabatan Kardiovaskular dan Pembedahan Torasik

Jabatan Ortopedik & Traumatologi

Jabatan Otorinolaringologi

Jabatan Pediatrik

Jabatan Perubatan Primer

Jabatan Perubatan Pemulihan

Jabatan Perubatan Kesihatan Awam

Jabatan Patologi Forensik

Pusat Perkhidmatan Onkologi

Pusat Perkhidmatan Pergigian

Unit Rawatan Harian

Unit Kawalan Infeksi

Klinik Warga

Jabatan Pembedahan

Jabatan Perubatan Kecemasan

Jabatan Oftalmologi

Jabatan Anestesiologi & Rawatan Intensif

Jabatan Obstetrik & Ginekologi

Jabatan Radiologi

Jabatan Psikiatri

Jabatan Makmal Diagnostik Klinikal

Jabatan Etika & Undang-undang Perubatan

Pusat Perkhidmatan Nefrologi

Pusat Perkhidmatan Kardiologi

Pusat Perkhidmatan Pembedahan Plastik

Pusat Perkhidmatan Dewan Bedah

Jabatan Peningkatan Kualiti dan Keselamatan Pesakit

Jabatan Penyelidikan, Jaringan Industri, dan Inovasi

Pejabat Undang-undang

Jabatan Komunikasi Korporat

Pejabat Polis Bantuan



Jabatan Sokongan Klinikal

Jabatan Kejururawatan

Jabatan Farmasi

Jabatan Maklumat Pesakit

Jabatan Kerja Sosial Perubatan

Jabatan Infrastruktur

Jabatan Infostruktur

Unit Penyeliaan Penolong Pegawai Perubatan

Unit *Casemix*



Jabatan Pentadbiran & Sumber Manusia

Bahagian Pentadbiran & Governan

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia

Bahagian Pembangunan Perniagaan

Unit Spiritualiti dan Kaunseling



Jabatan Kewangan

Bahagian Pengurusan Belanjawan dan Kewangan Korporat

Bahagian Pengurusan Perolehan

Bahagian Pengurusan Bayaran

Bahagian Pengurusan Harta Benda

Bahagian Pengurusan Akaun

Bahagian Pengurusan Hasil Klinikal

Bahagian Pengurusan Pendaftaran Pesakit

Pengurusan Eksekutif



PROFESOR DR. SAZZLI SHAHLAN KASIM
Pengarah



**PROFESOR MADYA DR.
AHMAD IZUANUDDIN
ISMAIL**
Timbalan Pengarah
(Klinikal)



DR. IZZAT ISMAIL
Timbalan Pengarah
(Sokongan Klinikal)



**EN. MOHD RIZAL
NORDIN**
Timbalan Pengarah
(Pengurusan)



**PUAN NOOR ALZURA
ALANG IDRIS**
Timbalan Pengarah
(Kewangan)

Majlis Pengurusan Hospital

Pengerusi

Prof. Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor
Naib Canselor

Ahli Tetap

1. **Prof. Datin Dr. Suzana Sulaiman**
Timbalan Naib Canselor (Akademik)
2. **Prof. Dr. Mohd Sazili Shabibi**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
3. **Prof. Ts. Dr. Norazah Abd. Rahman**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. **Prof. Dr. Mohamad Hariri Abdullah**
Timbalan Naib Canselor
(Jaringan Industri, Komuniti & Alumni)
5. **Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Haji Mohd Fozi Ali**
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
6. **Tuan Haji Muhamad Nizam Nordin**
Pendaftar
7. **Tuan Haji Mazlan Hashim**
Bendahari
8. **Prof. Dr. Haidar Dziauddin**
Penasihat Undang-undang
9. **Prof. Dr. Ahmad Sazali Hamzah**
Rektor UiTM Cawangan Selangor
10. **Prof. Dr. Sazzli Shahlan Kasim**
Pengarah Hospital
11. **Prof. Madya Dr. Fazah Akhtar Hanapiah**
Dekan Fakulti Perubatan

Setiausaha

En. Mohd Rizal Nordin
Timbalan Pengarah Pengurusan

Jawatankuasa Pengurusan Hospital




1.3 Prestasi Hospital

Statistik Pesakit Dalam


1. Jumlah Katil Rasmi dan Operasi di Hospital Al-Sultan Abdullah dan PPUiTM, Sg Buloh bagi Tahun 2022




Hospital Al-Sultan Abdullah



PPUiTM, Sg Buloh



2. Jumlah Kemasukan Pesakit Dalam Hospital Al-Sultan Abdullah dan PPUiTM, Sg Buloh bagi Tahun 2018 - 2022



Kemasukan Pesakit Dalam bagi HASA, Puncak Alam Mengikut Bulan untuk Tahun 2022

BULAN	KEMASUKAN	DISCAJ
JAN	455	461
FEB	448	418
MAR	586	563
APR	608	619
MEI	656	610
JUN	741	729
JUL	760	757
OGOS	852	820
SEPT	861	866
OKT	933	895
NOV	914	901
DIS	932	939
JUMLAH	8,746	8,578

Kemasukan dan Discaj Pesakit Dalam bagi PPUiTM, Sg Buloh Mengikut Bulan untuk Tahun 2022

BULAN	KEMASUKAN	DISCAJ
JAN	455	461
FEB	448	418
MAR	586	563
APR	608	619
MEI	656	610
JUN	741	729
JUL	760	757
OGOS	852	820
SEPT	861	866
OKT	933	895
NOV	914	901
DIS	932	939
JUMLAH	8,746	8,578

Kemasukan Pesakit Mengikut Pecahan Wad

Hospital Al-Sultan Abdullah

FASILITI\ BULAN	JAN	FEB	MAR	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
Wad 3A		2	4	9	9	20	8	11	7	19	19	9	117
Wad 6A	125	125	124	164	163	190	177	207	207	216	199	250	2,147
Wad 6D	74	61	100	106	142	114	127	150	151	141	136	147	1,449
Wad 7A					63	97	102	138	131	161	146	127	965
Wad 8B	35	67	109	96	75	89	99	88	92	99	105	95	1,049
Wad 8C	59	50	70	54	60	66	76	80	77	97	91	82	862
Wad 8D	111	85	102	91	108	94	96	100	95	103	118	129	1,232
Wad 9A			8	11	-	-	-	-	1	3	2	-	25
Bilik Bersalin	38	41	38	50	7	40	45	44	65	53	60	46	527
Pediatric Intensive Care Unit (PICU)					-	4	1	11	6	9	7	6	44
Neonatal Intensive Care Unit (NICU)	9	9	17	14	16	17	17	7	15	20	18	22	181
Intensive Care Unit (ICU)	4	8	14	13	13	10	12	16	14	12	13	18	147
Wad VIP												1	1
JUMLAH	455	448	586	608	656	741	760	852	861	933	914	932	8,746

PPUiTM, Sg Buloh

FASILITI\ BULAN	JAN	FEB	MAR	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
Wad 1	84	77	93	62	83	98	87	94	81	75	102	74	1,010
Wad 2	42	29	16	29	37	48	37	50	43	35	40	28	434
Coronary Care Unit (CCU)	17	16	11	14	24	23	25	25	28	18	21	28	250
Intensive Care Unit (ICU)	3	8	3	0	7	2	2	2	5	0	5	2	39
Cardiac Intensive Care Unit (CICU)	1	1	0	4	0	1	0	1	3	0	0	0	11
Cardiac Rehabilitation Ward (CRW)	13	10	14	7	9	15	16	6	9	10	15	13	137
JUMLAH	160	141	137	116	160	187	167	178	169	138	183	145	1,881

3. Peratusan Kadar Penggunaan Katil (BOR) dan Purata Jangka Masa Tinggal (ALOS) Pesakit Dalam

KADAR PENGGUNAAN KATIL MENGIKUT BULAN UNTUK TAHUN 2022 HASA

FASILITI/ BULAN	JAN	FEB	MAR	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
Wad 3A		25.0%	17.7%	45.8%	26.6%	47.2%	30.7%	48.4%	16.7%	33.9%	43.9%	42.8%
Wad 6A	48.6%	56.6%	48.9%	62.3%	64.7%	81.0%	73.4%	79.5%	85.0%	88.0%	85.2%	91.2%
Wad 6D	56.1%	26.7%	36.8%	47.8%	50.8%	52.8%	58.7%	69.0%	70.3%	72.6%	67.8%	66.2%
Wad 7A					32.1%	51.5%	57.3%	64.5%	69.2%	73.4%	73.2%	73.8%
Wad 8B	22.1%	54.1%	68.1%	63.5%	50.0%	60.2%	58.6%	78.7%	72.2%	72.1%	78.8%	80.7%
Wad 8C	33.6%	43.8%	67.9%	59.8%	61.0%	75.3%	78.1%	86.1%	83.0%	84.2%	86.0%	83.5%
Wad 8D	68.1%	72.3%	80.0%	74.0%	79.4%	82.0%	86.8%	89.5%	84.0%	88.0%	87.7%	88.2%
Wad 9A			10.7%	6.8%	-	-	-	20.7%	81.3%	87.7%	98.3%	92.3%
Bilik Bersalin	42.7%	49.1%	53.2%	65.8%	64.5%	58.3%	64.5%	71.0%	99.2%	76.6%	80.8%	61.7%
<i>Pediatric Intensive Care Unit (PICU)</i>					96.8%	91.7%	87.1%	74.2%	35.0%	46.0%	63.3%	69.2%
<i>Neonatal Intensive Care Unit (NICU)</i>	50.0%	81.3%	69.4%	116.7%	83.9%	68.3%	75.8%	91.1%	72.5%	54.0%	64.2%	69.2%
<i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	51.6%	51.8%	83.1%	42.8%	44.6%	64.4%	67.7%	71.4%	57.1%	57.6%	65.2%	58.6%
Wad VIP											13.3%	6.7%
JUMLAH	45.9%	51.4%	53.0%	53.9%	56.6%	66.3%	67.5%	72.8%	73.6%	75.8%	77.7%	77.4%

KADAR PENGGUNAAN KATIL MENGIKUT BULAN UNTUK TAHUN 2022 PPUiTM, Sg Buloh

FASILITI/ BULAN	JAN	FEB	MAR	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
Wad 1	32.3%	42.1%	37.9%	40.1%	50.5%	54.7%	54.5%	63.4%	57.5%	54.2%	50.2%	42.6%
Wad 2	26.1%	21.6%	15.1%	30.8%	44.3%	28.6%	26.3%	40.5%	33.3%	22.7%	23.3%	20.5%
<i>Coronary Care Unit (CCU)</i>	47.9%	60.7%	53.6%	52.7%	63.4%	52.7%	39.8%	52.7%	58.9%	41.4%	47.2%	53.8%
<i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	16.9%	17.9%	24.2%	10.8%	34.7%	28.2%	23.4%	29.8%	20.8%	32.3%	31.7%	17.7%
<i>Cardiac Intensive Care Unit (CICU)</i>	33.3%	27.4%	19.4%	26.1%	22.6%	20.4%	38.7%	27.4%	21.7%	24.7%	13.3%	17.2%
<i>Cardiac Rehabilitation Ward (CRW)</i>	59.7%	59.8%	52.4%	50.8%	77.4%	60.5%	62.9%	75.8%	75.0%	56.5%	67.5%	72.6%
JUMLAH	32.5%	34.8%	29.7%	35.5%	47.8%	41.5%	40.5%	49.7%	44.7%	38.2%	37.2%	34.1%

PURATA JANGKA MASA TINGGAL PESAKIT DALAM MENGIKUT BULAN UNTUK TAHUN 2022 HASA

FASILITI/ BULAN	JAN	FEB	MAR	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
Wad 3A		4.7	3.7	5.5	4.7	4.5	4.8	6.9	6.0	3.0	4.2	5.5	4.7
Wad 6A	1.7	2.5	2.2	2.1	2.2	2.1	2.2	2.0	2.1	2.2	2.2	1.9	2.1
Wad 6D	2.7	1.3	1.4	1.5	1.5	1.5	1.6	1.6	1.4	1.7	1.5	1.5	1.6
Wad 7A					3.2	2.9	2.8	2.7	2.9	2.7	2.8	3.0	2.8
Wad 8B	3.5	4.5	3.3	3.1	4.0	4.0	3.5	4.4	4.1	4.5	4.0	4.5	3.9
Wad 8C	3.0	5.0	5.0	4.9	5.1	5.6	5.4	5.0	5.4	4.7	4.6	4.7	4.9
Wad 8D	3.6	4.4	4.4	4.1	4.2	4.2	4.6	4.5	4.3	4.5	3.9	3.5	4.2
Wad 9A			6.6	2.9	-	-	-	6.4	4.8	4.6	4.6	4.4	4.6
Bilik Bersalin	1.1	1.0	1.0	1.0	1.1	1.0	1.0	1.1	1.0	1.0	1.1	1.0	1.0
<i>Pediatric Intensive Care Unit (PICU)</i>					30.0	4.2	4.5	4.0	2.0	2.7	3.6	3.8	3.8
<i>Neonatal Intensive Care Unit (NICU)</i>	5.2	9.1	4.5	7.8	5.2	2.7	3.9	9.4	4.8	2.6	4.1	3.8	4.7
<i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	5.8	2.9	4.0	4.3	3.5	3.1	4.7	4.6	4.0	6.0	6.9	3.7	4.3
Wad VIP											4.0	2.0	3.0
JUMLAH	2.7	3.0	2.9	2.8	2.9	2.8	2.9	3.0	2.8	2.9	2.9	2.8	2.9

PURATA JANGKA MASA TINGGAL PESAKIT DALAM MENGIKUT BULAN UNTUK TAHUN 2022 PUIiTM, Sg Buloh

FASILITI/ BULAN	JAN	FEB	MAR	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
Wad 1	2.1	2.8	2.4	3.3	3.9	3.1	2.7	3.0	3.0	3.5	2.3	2.6	2.9
Wad 2	2.6	3.0	3.0	4.6	5.3	3.1	3.3	3.4	3.6	3.5	2.5	3.0	3.4
<i>Coronary Care Unit (CCU)</i>	4.2	3.5	3.5	3.2	4.2	2.7	2.2	2.3	2.5	3.3	3.2	2.5	3.1
<i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	4.2	1.5	1.5	2.6	3.9	5.0	3.2	4.1	3.1	40.0	4.8	3.7	6.5
<i>Cardiac Intensive Care Unit (CICU)</i>	4.8	3.5	3.5	3.4	4.7	4.2	6.5	3.4	4.3	5.1	6.0	2.9	4.4
<i>Cardiac Rehabilitation Ward (CRW)</i>	2.3	2.7	2.7	2.7	3.6	2.1	1.8	2.4	2.5	2.5	1.8	2.5	2.5
JUMLAH	2.6	2.9	3.0	3.5	4.3	3.0	2.8	3.2	3.0	3.6	2.4	2.7	3.1



10 Sebab Utama Kemasukan Wad

Hospital Al-Sultan Abdullah

BIL.	KOD	DIAGNOSIS	PERATUSAN	0% - - - - - 50%
1.	J09 – J18	<i>Influenza and Pneumonia</i>	10.4%	
2.	O60 – O75	<i>Complication of Labour and Delivery</i>	4.8%	
3.	J40 – J45	<i>Chronic Lower Respiratory Diseases</i>	4.4%	
4.	A00 – A09	<i>Intestinal Infectious Diseases</i>	3.5%	
5.	O20 – O29	<i>Other Maternal Disorders Predominantly Related to Pregnancy</i>	3.4%	
6.	J00 – J06	<i>Acute Upper Respiratory Infections</i>	2.9%	
7.	O30 – O48	<i>Maternal Care Related to the Fetus and Amniotic Cavity and Possible Delivery Problems</i>	2.4%	
8.	O80 – O84	<i>Delivery</i>	2.4%	
9.	P50 – P61	<i>Haemorrhagic and Haematological Disorders of Fetus and Newborn</i>	2.3%	
10.	L00 – L08	<i>Infections of the Skin and Subcutaneous Tissue</i>	2.1%	

PPUiTM, Sg Buloh

BIL.	KOD	DIAGNOSIS	PERATUSAN	0% - - - - - 50%
1.	I20 – I25	<i>Ischaemic Heart Disease</i>	50.0%	
2.	I30 – I52	<i>Other Forms of Heart Disease</i>	21.3%	
3.	Z00 – Z13	<i>Persons Encountering Health Services for Examination and Investigation</i>	4.3%	
4.	Z40 – Z54	<i>Persons Encountering Health Services for Specific Procedures and Health Care</i>	2.5%	
5.	E70 – E90	<i>Metabolic Disorders</i>	1.7%	
6.	J09 – J18	<i>Influenza and Pneumonia</i>	1.7%	
7.	Z80 – Z99	<i>Persons with Potential Health Hazards Related to Family and Personal History and Certain Conditions Influencing Health Status</i>	1.5%	
8.	R00 – R09	<i>Symptoms and Signs Involving the Circulatory and Respiratory Systems</i>	1.4%	
9.	J80 – J84	<i>Other Respiratory Diseases Principally Affecting the Interstitium</i>	1.2%	
10.	I10 – I15	<i>Hypertensive Diseases</i>	1.1%	



10 Sebab Utama Kematian

Hospital Al-Sultan Abdullah


BIL.	KOD	DIAGNOSIS	PERATUSAN	0% ----- 50%
1.	C78	Secondary Malignant Neoplasm of Respiratory and Digestive Organs	10.4%	
2.	A41.9	Severe Sepsis in Shock	4.8%	
3.	J18	Pneumonia, Organism Unspecified	4.4%	
4.	P95	Fetal Death Of Unspecified Cause	3.5%	
5.	A41.9, R68.8	Septic Shock with Multiorgan Failure	3.4%	
6.	I24	Other Acute Ischaemic Heart Disease	2.9%	
7.	J69	Pneumonitis Due to Solids and Liquids	2.4%	
8.	R99	Other Ill – Defined and Unspecified Causes of Mortality	2.4%	
9.	I46	Cardiac Arrest	2.3%	
10.	J18.9, Y95	Pneumonia, Nosocomial Condition	2.1%	

PPUiTM, Sg Buloh

BIL.	KOD	DIAGNOSIS	PERATUSAN	0% ----- 50%
1.	I21	Myocardial Infarction	50.0%	
2.	A41.9	Severe Sepsis in Shock	21.3%	
3.	I50	Advanced Heart Failure	4.3%	
4.	J18	Pneumonia, Organism Unspecified	2.5%	
5.	J81	Pulmonary Oedema	1.7%	
6.	I26	Pulmonary Embolism	1.7%	
7.	I25	Chronic Ischaemic Heart Disease	1.5%	
8.	I27	Other Pulmonary Heart Disease	1.4%	
9.	I44	Atrioventricular and Left Bundle – Branch Block	1.2%	
10.	I46	Cardiac Arrest	1.1%	



Jumlah Kedatangan Pesakit Luar dari Tahun 2018 sehingga 2022



Jumlah Pesakit Luar Mengikut Disiplin

BIL.	DISIPLIN/ BULAN	JUMLAH
1.	<i>Adolescent</i>	44
2.	<i>Addiction Psychiatric Clinic</i>	27
3.	<i>Anaesthesia</i>	368
4.	<i>Audiology</i>	1364
5.	<i>Breast Clinic</i>	906
6.	<i>Child and Adolescent</i>	224
7.	<i>Cholorectal</i>	12
8.	<i>Chronic Pain</i>	95
9.	<i>Clinical Psychology</i>	511
10.	<i>Clinical Psychology -Virtual</i>	11
11.	<i>Combine Obs Endocrine Clinic</i>	122
12.	<i>Counseling</i>	55
13.	<i>Dermatology</i>	2889
14.	<i>Diabetic Educator Clinic</i>	360
15.	<i>Dietetik</i>	405
16.	<i>Endocrine</i>	2143
17.	<i>Endocrine - Virtual</i>	42
18.	<i>Family Planning</i>	168
19.	<i>Fertility</i>	370
20.	<i>Gastroenterology</i>	1878
21.	<i>General Ophthalmology</i>	6303
22.	<i>General Psy Clinic</i>	2399
23.	<i>General Psy Clinic (Virtual)</i>	315
24.	<i>Geriatric</i>	150
25.	<i>Geriatric - Virtual</i>	47
26.	<i>Geriatric Psy and Aging Centre Clinic</i>	81
27.	<i>Gynae Clinic</i>	1851
28.	<i>Gynaecology</i>	17
29.	<i>Haematology</i>	389
30.	<i>Haematology Daycare</i>	45
31.	<i>Hand Orthopaedic</i>	257
32.	<i>Hematology</i>	31
33.	<i>Infection Disease</i>	10
34.	<i>Lipid</i>	41
35.	<i>Low Carbo Clinic</i>	72
36.	<i>Maternofetal Medicine Clinic</i>	843
37.	<i>Memory Clinic</i>	3
38.	<i>Nephrology</i>	1235
39.	<i>Neurology</i>	1132
40.	<i>Neurology - Virtual</i>	47
41.	<i>Neuropsy</i>	11
42.	<i>Obstetrics & Gynaecology (ANC)</i>	4367
43.	<i>Occupational Therapist</i>	4335
44.	<i>Oncology</i>	458
45.	<i>Oncology Daycare</i>	254

Hospital Al-Sultan Abdullah

BIL.	DISIPLIN/ BULAN	JUMLAH
46.	<i>Optometri</i>	69
47.	<i>ORLHNS - Balance & Vestibular Clinic</i>	91
48.	<i>ORLHNS - General</i>	3178
49.	<i>ORLHNS - Laryngology</i>	166
50.	<i>Orthopaedic</i>	4360
51.	<i>OSH Clinic</i>	151
52.	<i>Paediatric Clinic (MO)</i>	1135
53.	<i>Paediatric Development</i>	349
54.	<i>Paediatric Echo</i>	43
55.	<i>Paediatric Endocrine</i>	455
56.	<i>Paediatric General</i>	469
57.	<i>Paediatric Respiratory</i>	361
58.	<i>Paediatric Rheumatology</i>	60
59.	<i>Paeds Surgery</i>	84
60.	<i>Palliative Care</i>	67
61.	<i>Palliative Care - Virtual</i>	70
62.	<i>PBM</i>	4
63.	<i>Peers Group</i>	15
64.	<i>Perinatal Mental Health</i>	65
65.	<i>Phlebotomy</i>	580
66.	<i>Phlebotomy OSH Clinic</i>	27
67.	<i>Phlebotomy Staff Clinic</i>	860
68.	<i>Physiotherapist</i>	9270
69.	<i>Physio-Urogynae</i>	145
70.	<i>Plastic Surgery</i>	724
71.	<i>Post Natal</i>	104
72.	<i>Psychiatric</i>	1222
73.	<i>Psychiatric - Virtual</i>	78
74.	<i>Rehab Specialist</i>	956
75.	<i>Respiratory</i>	2164
76.	<i>Rheumatology</i>	435
77.	<i>Shoulder Clinic</i>	152
78.	<i>Speech Language Therapist</i>	1760
79.	<i>Speech Therapy</i>	319
80.	<i>Spine Clinic</i>	705
81.	<i>Sports and Arthroscopy</i>	370
82.	<i>Staff Clinic</i>	1415
83.	<i>Subspecialised Clinical Psychology</i>	1294
84.	<i>Subspecialised Clinical Psychology (Virtual)</i>	100
85.	<i>Surgery</i>	3033
86.	<i>Transplant Clinic</i>	209
87.	<i>Urogynae</i>	341
88.	<i>Urology</i>	42
89.	<i>Wound Clinic</i>	411
JUMLAH		74,595

Jumlah Pesakit Luar Mengikut Disiplin

PPUiTM, Sg Buloh

BIL.	DISIPLIN/ BULAN	JUMLAH
1.	Adolescents	12
2.	Cardiology	5337
3.	Cardiac Rehab Clinic	231
4.	Cardiac Rehab Program	732
5.	CRP Assessment	1
6.	Cardiovascular Thoracic Surgery	899
7.	COVID Care	28
8.	Diabetic Educator	122
9.	Dietitian	418
10.	Direct Observation Consultation (D.O.C)	132
11.	Empower Sustain Clinic	330
12.	Endocrine	1029
13.	Fever	1607
14.	Heart Failure	513
15.	Health Screening	108
16.	INR	890
17.	Klinik Berhenti Merokok	3
18.	Lipid	23
19.	Occupational Therapy	958
20.	Occupational Medicine Health	50
21.	Obesity	5
22.	Physiotherapy	1290
23.	Phlebotomy	5929
24.	Post COVID Rehab	120
25.	Post COVID Programme	108
26.	Post Graduate (Follow-Up) ECAU/K3	44
27.	Post PCI	167
28.	Primary Care Walk-in (PG Student)	105
29.	Primary Care Walk-in (PG Student) ECAU	5625
30.	Primary Care Follow-Up (PG Student) K3	58
31.	Primary Care Follow-Up (PG Student) K2	10039
32.	Primary Care Specialist (DOC) ECAU	2
33.	Rehabilitation Medicine	437
34.	Respiratory & Sleep	766
35.	Rheumatology	222
36.	Specialist Primary Care Medicine	1838
37.	Staff & Student	1589
38.	Valve	4
39.	Virtual Cardiovascular Thoracic	164
40.	Virtual Diabetic Educator	18
41.	Virtual Lipid	1
42.	Wound Clinic	238
JUMLAH		42,192



Perkhidmatan Klinik Secara Maya

Hospital Al-Sultan Abdullah

DISIPLIN/ BULAN	JUMLAH
Psikologi Klinikal - <i>Virtual</i>	11
Endokrin - <i>Virtual</i>	42
Psikiatri Am (<i>Virtual</i>)	315
Geriatric - <i>Virtual</i>	47
Neurologi - <i>Virtual</i>	47
Penjagaan Paliatif - <i>Virtual</i>	70
Psikiatri - <i>Virtual</i>	78
Sub Kepakaran Psikologi Klinikal (<i>Virtual</i>)	100

Jumlah

710

PPUiTM, Sg Buloh


DISIPLIN/ BULAN	JUMLAH
Lipid	1
<i>Virtual Diabetic Educator</i>	18
<i>Virtual Cardiovascular Thoracic</i>	164

Jumlah


183



Jumlah Kemasukan Pesakit ke Unit Rawatan Harian dari Tahun 2018 sehingga 2022




Jumlah Pesakit Luar dan Dalam di Unit Rawatan Harian HASA, Puncak Alam



BULAN	PESAKIT DALAM	PESAKIT LUAR	JUMLAH
JAN	28	93	121
FEB	17	73	90
MAR	32	124	156
APR	25	66	91
MEI	21	64	85
JUN	21	133	154
JUL	35	98	133
OGOS	40	118	158
SEPT	35	131	96
OKT	41	101	142
NOV	40	88	130
DIS	36	107	143
JUMLAH	371	1,196	1,499



Jumlah Pembedahan di HASA, Puncak Alam dan PPUiTM, Sg Buloh



Fasiliti	2018	2019	2020	2021	2022
Hospital Al-Sultan Abdullah	-	-	-	226	1,725
PPUiTM, Sg Buloh	965	1,068	1,130	802	129
Jumlah Keseluruhan	965	1,068	1,130	1,028	1,854



Pecahan Pembedahan Mengikut Disiplin

Hospital Al-Sultan Abdullah

DISIPLIN	JAN	FEB	MAR	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
Pembedahan Am	27	22	30	32	25	40	37	33	41	38	38	46	409
Ortopedik & Traumatologi	15	18	22	23	13	38	24	31	31	20	37	38	310
Obstetrik & Ginekologi	26	32	43	45	38	48	71	59	72	58	52	60	604
Pembedahan Plastik	3	6	6	7	5	9	12	10	14	10	2	14	98
Otorinolaringologi	9	9	16	13	7	16	8	12	5	10	17	10	132
Pembedahan gigi	9	7	6	9	10	12	24	10	10	10	10	11	128
Pembedahan Pediatrik										5	8	6	19
Urologi											2	1	3
Pain Intervention			1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
Kardiorasik			2	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2
Psikiatrik								6	6	-	6	-	18
Oftalmologi								1	-	-	-	-	1
JUMLAH	89	94	126	129	98	163	176	162	179	151	172	186	1,725

PPUiTM, Sg Buloh




DISIPLIN	JAN	FEB	MAR	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
Torasik Kardiovaskular	13	11	9	8	12	10	13	16	11	10	3	13	129
JUMLAH	13	11	9	8	12	10	13	16	11	10	3	13	129





Statistik Umum

Kedatangan Pesakit Mengikut Pecahan Jantina

Hospital Al-Sultan Abdullah



PPUiTM, Sg Buloh



Pesakit Dalam

Pesakit Luar




Rawatan Harian

Statistik Umum





Kedatangan Pesakit Mengikut Kaum

Hospital Al-Sultan Abdullah



PPUiTM, Sg Buloh



Pesakit Dalam

Pesakit Luar


Rawatan Harian

Melayu ● India ● Cina ● Lain-lain ●



Statistik Umum

Jumlah Kelahiran Hidup dan Mati




BULAN	JAN	FEB	MAR	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
Kelahiran hidup	53	59	66	80	80	78	85	91	130	102	96	81	1,001
Kelahiran mati			4	-	-	-	-	-	1	-	2	-	7
JUMLAH	53	59	70	80	80	78	85	91	131	102	98	81	1,008



Statistik Umum

Jenis Kelahiran



Jenis Kelahiran	JAN	FEB	MAR	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
SVD	27	38	46	52	44	47	42	55	74	52	59	50	586
VAD	8	5	6	2	8	6	5	3	8	14	7	7	79
EMLSCS	11	8	16	21	16	15	28	26	41	28	24	20	254
ELLSCS	7	6	2	5	10	8	9	7	8	7	6	3	78
BAH	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
JUMLAH	53	58	70	80	78	76	84	91	131	101	96	80	998

LAPORAN KHAS

Majlis Perasmian

Hospital Al-Sultan Abdullah
Universiti Teknologi Mara



23 Julai 2022 | 23 Zulhijah 1443H



Pada 23 Julai 2022 bersamaan 23 Zulhijah 1443H, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang merupakan Tuanku Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM) berkenan mencemar duli merasmikan Hospital Al-Sultan Abdullah (dahulu dikenali sebagai Hospital UiTM Puncak Alam).

Turut berangkat ke UiTM sempena perasmian Hospital Al-Sultan Abdullah adalah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.





Yang di-Pertuan Agong melahirkan rasa terharu dan berbangga kerana hospital itu dinamakan sempena nama baginda.

Hadir sama dalam Majlis Perasmian Hospital Al-Sultan Abdullah adalah Menteri Pengajian Tinggi, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Kewangan, YB Senator Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz dan Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin Shari dan Naib Canselor UiTM, YBhg. Prof Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor.



Sempena perasmian, Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menitahkan Hospital Al-Sultan Abdullah, Universiti Teknologi MARA (UiTM) supaya menghasilkan vaksin sendiri selain menyediakan perkhidmatan perubatan sedia ada. Baginda menegaskan hospital perlu menghasilkan perubatan yang boleh menaikkan nama dan memberi manfaat kepada masyarakat. Baginda turut berharap perjalanan dan urusan hospital menjadi antara yang terbaik di Selangor dan negara ini. Pada masa sama, Yang di-Pertuan Agong melahirkan rasa terharu dan berbangga kerana hospital itu dinamakan sempena nama baginda.





Hospital AI-Sultan Abdullah, UiTM mampu meningkatkan mutu penjagaan kesihatan di Malaysia, di samping menambah akses masyarakat setempat.

Majlis perasmian Hospital AI-Sultan Abdullah turut dihadiri Menteri Pengajian Tinggi, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad. Ketika berucap, beliau menegaskan bahawa Hospital AI-Sultan Abdullah, UiTM mampu meningkatkan mutu penjagaan kesihatan di Malaysia, di samping menambah akses masyarakat setempat kepada perkhidmatan perubatan yang berkualiti. Beliau menyatakan bahawa tujuan pembinaan hospital ini adalah bertepatan dengan fokus strategik Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam memacu kesejahteraan komuniti. Beliau berharap ruang dan kemudahan di Hospital AI-Sultan Abdullah, UiTM digunakan secara optimum di samping memberikan pulangan atas pelaburan.

Semasa menyampaikan ucapan alu-aluan sempena majlis perasmian, Naib Canselor UiTM, Prof. Datuk. Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor berkata bahawa UiTM bukan sahaja menyediakan pendidikan tinggi kepada anak bangsa malah sentiasa komited ke arah melahirkan graduan profesional bumiputera dalam pelbagai bidang dan disiplin termasuklah dalam bidang perubatan. Selain bertujuan untuk memartabatkan sistem pendidikan perubatan di Malaysia, aspirasi ini juga dapat memenuhi keperluan tenaga kerja profesional dalam bidang berkenaan. Beliau juga yakin kewujudan dan pengoperasian Hospital Pengajar Universiti ini akan membuktikan bahawa UiTM mampu melangkah lebih jauh khususnya dalam bidang perubatan dan penjagaan kesihatan melalui inovasi dan aktiviti penyelidikan yang berterusan.



Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM sebelum ini dikenali sebagai Hospital UiTM Puncak Alam, berkeluasan 18.4 hektar (46 ekar). Projek pembinaan hospital ini bermula pada 11 April 2017 dengan kos pembinaan berjumlah RM599 juta. Hospital ini siap dibina pada tahun 2020 dengan kapasiti 400 buah katil, dilengkapi kompleks akademik dan perubatan untuk kapasiti 750 orang pelajar, makmal komputer interaktif, makmal kemahiran klinikal serta wad simulasi. Reka bentuk binaan bangunan ini berinspirasi elemen molekul air zam-zam (khasiat dan penawar pelbagai penyakit).

Pada 23 Mac 2021, Majlis Penyerahan Hospital UiTM Puncak Alam telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi. Hospital ini memulakan operasi pada 05 April 2021 dengan menyediakan perkhidmatan kepada warga secara berperingkat melibatkan perkhidmatan Klinik Pakar Perubatan, Klinik Pakar Wanita & Kanak-kanak, Klinik Pakar Pembedahan & Ortopedik dan Klinik Pakar Psikiatri.

Hospital Al-Sultan Abdullah menawarkan perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan kepada hampir 1.5 juta rakyat di Selangor dan Perak Selatan. Hospital ini dilengkapi dengan pelbagai kepakaran dan subkepakaran berteknologi tinggi yang menawarkan perkhidmatan perubatan yang moden dan canggih untuk pesakit. Antara perkhidmatan yang disediakan ialah rawatan kecemasan dan trauma, rawatan kritikal, perubatan dalaman, kardiologi, pembedahan am, pembedahan plastik dan rekonstruksi, pembedahan kardiotorasik, ortopedik, rawatan ibu hamil, rawatan untuk bayi, remaja dan orang dewasa serta perubatan onkologi, geriatrik, perubatan forensik, kesihatan mental, rehabilitasi serta dialisis.

Laporan Khas

Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh (PPBP)



Bermula 1 September 2022, Hospital Al-Sultan Abdullah telah memperkenalkan Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh (PPBP). Melalui perkhidmatan ini, pesakit boleh menerima rawatan daripada doktor pakar pilihannya dan menikmati kemudahan serta keistimewaan tambahan tertakluk kepada ketersediaan sumber, bidang kepakaran dan fasiliti sedia ada. Pelanggan yang ingin mendapatkan Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh akan dikenakan bayaran untuk setiap perkhidmatan yang disediakan atau prosedur yang dijalankan oleh pakar pada harga yang sangat kompetitif. Jenis perkhidmatan yang ditawarkan di bawah klinik eksekutif ini ialah perkhidmatan pesakit luar, pesakit dalam dan juga rawatan harian. Ia juga dilihat sebagai salah satu langkah bagi meningkatkan produktiviti perkhidmatan, menjana pendapatan serta dapat menawarkan ganjaran yang kompetitif kepada Pakar Perubatan Hospital Al-Sultan Abdullah.





Objektif utama Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh di Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM adalah bagi mengurangkan penghijrahan pakar-pakar perubatan ke hospital swasta di samping menjana pendapatan tambahan kepada hospital sendiri.



Fasiliti perkhidmatan ini terletak di beberapa lokasi di Hospital Al-Sultan Abdullah iaitu:

Klinik
Eksekutif
(Aras 3)

Wad
Eksekutif
(Aras 9)

Wad VIP
(Aras 9)

Waktu operasi:

8.00 pagi - 5.00 petang
bagi hari bekerja biasa

Operasi perkhidmatan:

8.00 pagi - 1.00 tengah hari
*Hari kelepasan Am atau cuti umum.



Skop perkhidmatan yang terlibat ialah konsultasi, penyiasaan, tatabara (prosedur dan pembedahan), rawatan, hospitaliti dan pelbagai lagi. Manakala fokus perkhidmatan ini adalah kepada rakyat yang berkemampuan untuk membayar kos penuh perubatan di mana mereka mempunyai pilihan untuk mendapatkan penjagaan rawatan kepakaran yang tinggi di Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM. Pesakit akan dikenakan bayaran penuh tanpa subsidi melalui skim ini.



Skop Perkhidmatan Yang Ditawarkan.

Perubatan Am

- Gastroenterologi
- Dermatologi
- Endokrinologi
- Rheumatologi
- Penyakit berjangkit
- Paliatif
- Geriatrik
- Neurologi
- Hematologi
- Onkologi
- Rawatan Rapi

Perubatan Pemulihan / Rehabilitasi



Nefrologi



Radiologi



Kardiologi



Menikmati kemudahan di Wad Eksekutif.


Menikmati kemudahan tambahan istimewa.


Caj perkhidmatan yang lebih kompetitif berbanding hospital swasta.

Perkhidmatan yang lebih pantas tanpa waktu menunggu yang lama

Pesakit boleh memilih pegawai.

Kelebihan Perkhidmatan PPBP







2.0

**Perkhidmatan
Pengurusan**

Jabatan Pentadbiran dan Sumber Manusia (JPSM)



1. LATAR BELAKANG

Jabatan Pentadbiran dan Sumber Manusia (JPSM) merupakan salah satu jabatan yang terdapat di Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) yang berperanan sebagai pemudah cara bagi hal ehwal pengurusan dan pentadbiran. JPSM mempunyai beberapa bahagian yang merangkumi Bahagian Pentadbiran & Governan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Bahagian Spiritualiti & Kaunseling.

Lokasi: Pejabat Pentadbiran dan Sumber Manusia, Aras 10, Hospital Al-Sultan Abdullah Universiti Teknologi MARA, 42300 Bandar Puncak Alam, Selangor. JPSM beroperasi bermula jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang.

2. OBJEKTIF KUALITI JABATAN

Memastikan 80% pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan oleh JPSM.



Memastikan 70% kes baru diberi perkhidmatan psikologi kaunseling dalam tempoh tiga hari bekerja.



Memastikan 100% staf HASA menggunakan *Time Management System* (TMS).



Memastikan 100% ruang niaga dan kafeteria disewa.



Memastikan 90% calon yang ditawarkan jawatan melaporkan diri.



Memastikan 80% Program Kerohanian/Keagamaan dianjurkan.



Memastikan 80% staf baru menghadiri Program Induksi dalam tempoh tiga bulan selepas lapor diri.




Memastikan 70% dari jumlah keseluruhan pelanggan mencapai sekurang-kurangnya markah 2 dalam SMARTGOAL.



3. SKOP PERKHIDMATAN

Jabatan Pentadbiran dan Sumber Manusia (JPSM) Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) UiTM bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugas berikut:



3.1 Bahagian Pentadbiran & Governan

Bahagian Pentadbiran & Governan (BPG) terbahagi kepada dua (2) unit iaitu Unit Pentadbiran dan Unit Governan & Integriti. Skop perkhidmatan bagi kedua-dua unit ini adalah seperti berikut:

3.1.1 Unit Pentadbiran

- a) Pentadbiran Am
 - Pengurusan kenderaan jabatan
 - Pengurusan unit mel
 - Permohonan pemasangan atau penetapan talian telefon pejabat
 - Permohonan keraian rasmi
- b) Pengurusan Saraan dan Kemudahan Perubatan
- c) Pengurusan Klinik Panel
 - Pemilihan dan pertukaran klinik panel staf
 - Tuntutan klinik panel
 - Tuntutan bayaran balik rawatan
- d) Pengurusan Elaun dan Tuntutan
 - Tuntutan pakaian seragam
 - Elaun kerja lebih masa
 - Elaun tugas khas pemandu
 - Bayaran insentif pos basik
 - Bayaran insentif bertugas di rumah mayat
 - Bayaran insentif perawat kusta/tibi/psikiatrik
 - Kemudahan tambang mengunjungi wilayah
 - Kelayakan hitung batu dan tuntutan perjalanan
 - Elaun dan tuntutan tugas rasmi
- e) Pengurusan Perolehan dan Inventori Am
- f) Penyelarasan Risiko Hospital (bermula Jun 2022)

3.1.2 Unit Governan dan Integriti

- a) Pengurusan Tadbir Urus Hospital
- b) Pengurusan Mesyuarat Utama
 - Mesyuarat Majlis Pengurusan Hospital (MPH)
 - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hospital (JPH)
 - Mesyuarat Lembaga Pelawat Hospital
 - Mesyuarat Ketua-ketua jabatan
- c) Pengurusan Integriti
 - Surat Aku Janji
 - Isytihar Harta dan Liabiliti
 - Perisytiharan syarikat
 - Permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk memohon dan memiliki tanah kerajaan atau saham
 - Pekerjaan luar
- d) Pengurusan Waktu Bekerja
 - Pemantauan dan laporan rekod kehadiran staf
 - Penjanaan rekod pelanggaran kad perakam waktu
 - Penjanaan rekod tidak hadir bertugas tanpa kebenaran
- e) Pengurusan Tatatertib Staf
- f) Pengurusan Penganjuran Program
- g) Pengurusan Permohonan Cop Rasmi

3.2 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) terbahagi kepada dua (2) unit bagi menguruskan hal ehwal pengurusan sumber manusia dan pengambilan staf di HASA. Skop perkhidmatan adalah seperti berikut:

3.2.1 Unit Pembangunan Organisasi

- Perancangan keperluan sumber manusia
- Pengurusan skim perkhidmatan dan pemantauan
- Pengurusan maklumat sumber manusia
- Pengurusan permohonan pertukaran staf dalaman dan luar
- Pengurusan MyPortfolio
- Pendaftaran badan profesional

3.2.2 Unit Pengambilan dan Penempatan Staf

- Pengurusan pengambilan staf baharu (tetap/kontrak/harian)

3.3 Bahagian Pembangunan Sumber Manusia

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPbSM) terbahagi kepada tiga (3) unit bagi menguruskan hal ehwal pengurusan kerjaya dan perkhidmatan staf di HASA yang merangkumi perkhidmatan-perkhidmatan seperti berikut:

3.3.1 Unit Pengurusan Perkhidmatan Staf

- Pengurusan cuti
- Pengurusan prestasi
- Pengurusan pengesahan perkhidmatan
- Pengurusan persaraan penamatan
- Pengurusan perkhidmatan agensi luar
- Pengurusan fail peribadi
- Saraan dan kemudahan staf

3.3.2 Unit Kemajuan Kerjaya

- Pengurusan cuti belajar dan biasiswa pentadbiran
- Pengurusan kenaikan pangkat pentadbiran
- Pengurusan kemajuan kerjaya

3.3.3 Unit Latihan

- Program pembangunan kerjaya
- Pengurusan latihan

3.4 Bahagian Pembangunan Perniagaan

Bahagian Pembangunan Perniagaan (BDU) diwujudkan bagi menguruskan hal ehwal penjanaan pendapatan tambahan bagi Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM yang merangkumi perkhidmatan-perkhidmatan seperti berikut:

3.4.1 Unit Operasi Perniagaan

- Pengurusan ruang niaga
- Pengurusan perkhidmatan Klinik Eksekutif
- Pengurusan penjanaan pendapatan
- Pengurusan ruang dan kemudahan
- Pengurusan kontrak dan perjanjian

3.4.2 Unit Pemasaran dan Pembangunan


- Pengurusan aktiviti promosi
- Pengurusan hospital panel
- Pengurusan perkhidmatan barangan jualan (*merchandising*)
- Pengurusan sumbangan dan endowmen
- Pengurusan pelancongan kesihatan

3.5 Bahagian Spiritual dan Kaunseling


Pada bulan Jun 2022, Unit Hal Ehwal Islam dan Unit Kaunseling telah digabungkan di bawah satu bahagian yang dikenali sebagai Bahagian Spiritualiti & Kaunseling (BSK). Skop perkhidmatan adalah seperti berikut:




Bimbingan agama dan penjagaan spiritual



Pengurusan dan pengimarahannya surau utama



Program Hospital Mesra Ibadah



Perkhidmatan kaunseling



Program pembangunan diri

4. PENCAPAIAN DAN ANUGERAH

Bil.	Pencapaian/ Anugerah	Tarikh Terima	Peringkat
1.	Mohd Rizal bin Nordin Karnival Sukan Staf UiTM (KARiSTA)	2022	UiTM
	Badminton – Emas Bola Sepak (Veteran)-Peringkat Kumpulan	2022	UiTM Cawangan Selangor
2.	Mohd Rizal bin Nordin Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM)	2022	Kebangsaan
3.	Mohd Rizal bin Nordin Rozalina Rokli Ahli <i>Malaysian Institute of Human Resource Management</i> (MIHRM)	2022	Kebangsaan
4.	Mohd Rizal bin Nordin Rozalina Rokli <i>Certified Human Resource Manager</i> (CHRM) by MIHRM	2022	Kebangsaan
5.	Anugerah Insan iDART		
	• Muhammad Omar Ibrahim Ngajimi	Ogos 2022	Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM
	• Nur Shafika Sulor • Muhammad Nazieruddin Baharuddin	Sep 2022	Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM
	• Ahmad Hafizuddin Abdul Moes	Okt 2022	Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM
	• Pandi Rasul	Nov 2022	Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM
	• Intan Nadhirah Jasrudin	Dis 2022	Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM

5. STATISTIK JABATAN

5.1 Statistik Perjawatan di JPSM

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan
1.	Timbalan Pengarah (Pengurusan)	N52	1
2.	Penolong Pendaftar Kanan	N44	1
3.	Penolong Pendaftar	N41	6
4.	Pegawai Psikologi	S41	1
5.	Pegawai Eksekutif Kanan	N32	2
6.	Pegawai Eksekutif	N29	10
7.	Kerani Kanan	N22	2
8.	Kerani	N19	15
9.	Pembantu Operasi	N11	6
10.	Pemandu	H11	3
Jumlah			47

5.2 Statistik Perkhidmatan

5.2.1 Bahagian Pentadbiran dan Governan

A. UNIT PENTADBIRAN

Perkhidmatan Saraan dan Kemudahan Perubatan

81

REKOD

Tuntutan Saraan dan Kemudahan Perubatan

100

REKOD

Bayaran Balik Rawatan (Bukan Klinik Panel)

1059

REKOD

Tuntutan Klinik Panel

Sumber Rujukan: Modul Perubatan HR2U

Perkhidmatan Tempahan Kenderaan

186

TEMPAHAN KERETA

216

TEMPAHAN VAN

Pelaksanaan Mesyuarat

4

MESYUARAT

Jawatankuasa Tabung Amanah Hospital

2

MESYUARAT

Jawatankuasa Pemilik Risiko Hospital

25

MESYUARAT

JPSM Power Hour

B. UNIT GOVERNAN DAN INTEGRITI

Pengurusan Mesyuarat Utama

12

MESYUARAT

Jawatankuasa Pengurusan Hospital

3

MESYUARAT

Majlis Pengurusan Hospital

9

MESYUARAT

Ketua-ketua Jabatan

Pengurusan Waktu Bekerja

1566

- Pengurusan Waktu Bekerja (Aplikasi TMS)
- Laporan Rekod Kehadiran Staf
- Pelanggaran Kad Perakam Waktu
- Rekod Tidak Hadir Bertugas Tanpa Kebenaran

Lain-Lain Perkhidmatan

900

PERMOHONAN

Borang Pengisytiharan Harta Liabiliti

74

PERMOHONAN

Pengurusan Permohonan Penganjuran Program

187

PERMOHONAN


Pengurusan Permohonan Cop Rasmi

5.2.2 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Bilangan Staf Lapor Diri Mengikut Pecahan Kumpulan Jawatan bagi Tahun 2022



Maklumat Sumber Manusia



5.2.3 Bahagian Pembangunan Sumber Manusia

Statistik 42 Jam Latihan Staf (Perkhidmatan Melebihi Sembilan Bulan)

Penempatan/Masa	Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM	Pusat Perubatan UiTM, Sg. Buloh
Melebihi 42 jam	967	82
Melebihi 30 jam, kurang 42 jam	15	8
Melebihi 20 jam, kurang 30 jam	3	1
Kurang 20 jam	4	0

Staf yang Melengkapkan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) 2022



Staf yang Menghadiri Kursus Induksi Staf Baharu pada Tahun 2022



5.2.4 Bahagian Pembangunan Perniagaan

Tempahan Ruang Gunasama & Fasiliti dan Statistik Sewaan Ruang Niaga

Bil.	Jenis Ruang Niaga	Statistik Sewaan
1.	Ruang Niaga Berstruktur • Kafeteria (5 lot gerai) • Lot Kedai (11 lot) • Kuarters (52 unit) • Balai Nur Kasih (5/7 unit)	• 5 gerai kafeteria telah disewakan • 5/11 lot kedai telah disewakan • 44/52 rumah telah disewakan • 5/7 unit Balai Nur Kasih telah disewakan
2.	Ruang Niaga Tidak Berstruktur • Pushcart (10 unit Pushcart) • Vending machine	• 5/10 unit pushcart telah disewakan • 13 tapak vending machine telah disewakan


Statistik Pengurusan Perkhidmatan Klinik Eksekutif HASA

Perkhidmatan Klinik Eksekutif telah memulakan perkhidmatan pada 1 September 2022 yang melibatkan perkhidmatan pesakit luar, pesakit dalam dan rawatan harian. Perkhidmatan ini telah dijalankan di Klinik Eksekutif dan Wad Eksekutif. Berikut merupakan statistik bagi perkhidmatan tersebut:


Senarai Pakar yang Berkhidmat di Klinik Eksekutif HASA bagi Oktober sehingga Desember 2022



Pecahan Bilangan Pesakit Mengikut Bidang di Klinik Eksekutif HASA bagi Oktober sehingga Desember 2022



Pecahan Bilangan Prosedur Dijalankan di HASA bagi Oktober hingga Desember 2022



Pecahan Bilangan Pesakit Wad Eksekutif bagi Oktober hingga Disember 2022

Bidang/Bulan	Oktober	November	Disember
HASA, UiTM	1	2	3
PPUiTM Sg. Buloh	2	1	1

Statistik Pengurusan Sumbangan di HASA bagi Tahun 2022

Kategori	Jumlah Sumbangan Mengikut Kategori
Aset Klinikal	RM 103,271.00
Aset (Bukan Klinikal)	RM 121,799.00
Wang Tunai	RM 84,584.99
Makanan & Minuman	RM 19,997.00
Lain-Lain	RM 15,998.90
HUiTM FC	RM 26,800.00
Jumlah Sumbangan yang Diterima 2022	RM 372,450.89

Jumlah Syarikat yang Melantik HASA sebagai Hospital Panel bagi Tahun 2022



5.2.5 Bahagian Spiritual dan Kaunseling

Bil.	Tugas Utama/Projek/ Aktiviti	Petunjuk Prestasi	Status / Pencapaian
1.	Latihan Modul Ibadah	Mengadakan latihan dan juga menyediakan modul untuk kegunaan jurulatih dalam 'Ibadah Pesakit'.	<ul style="list-style-type: none"> • Dua siri Bengkel TOT Pengurusan Ibadah Pesakit. • Modul Pengurusan Ibadah Pesakit telah dibuat dan digunapakai.
2.	Akreditasi HMI	<ul style="list-style-type: none"> • Jawatankuasa HMI • Menyediakan alatan, latihan dan juga merancang memperkenalkan program HMI. 	<ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat JK HMI telah diadakan sebanyak dua kali. • Penandaan arah kiblat, penyediaan kit ibadah pesakit.
3.	Program/Aktiviti [Education 5.0]	Persidangan Fiqh Perubatan.	Kertas kerja telah diluluskan untuk Konvensyen HMI 2023.
4.	Perkhidmatan sesi kaunseling individu/kelompok kepada pesakit/staf HASA, UiTM.	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah klien • Jumlah jam sesi kaunseling • Peratus kepuasan tempoh penyediaan laporan 	<ul style="list-style-type: none"> • 94 orang klien (83 pesakit, 11 staf) • 185 jam sesi • 85% bagi tahap kepuasan • 70% laporan siap yang mana 100% dalam tempoh tujuh hari bekerja
5.	Perkhidmatan bimbingan/konsultasi kepada pesakit/staf HASA.	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah konsultasi. • Peratus kepuasan. • Tempoh penyediaan laporan. 	<ul style="list-style-type: none"> • 80 jam bagi sesi konsultasi. • 80% bagi tahap kepuasan. • 100% laporan siap dalam tempoh tujuh hari bekerja.
6.	Pelaksanaan program/terapi berkaitan kemahiran psikologikal, pencegahan dan pembangunan sahsiah kepada pesakit/staf HASA.	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah program • Jumlah peserta 	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah Program: >3 (dua Slot Psikologi Program FriDate & sembilan slot taklimat perkhidmatan kaunseling Program Induksi Staf Baharu). • Jumlah Peserta: 50 orang • Program Pembangunan Diri Pesakit: Program Terapi Seni ditunda ke tahun hadapan 2023 atas kekangan masa dan kewangan (pencapaian 50%).
7.	Perkhidmatan berkaitan kaunseling di dalam dan luar HASA. <ul style="list-style-type: none"> • Ceramah / fasilitator / panel jemputan / moderator • Penulisan artikel / modul • Penyediaan Garis Panduan Perkhidmatan Kaunseling HASA 	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah aktiviti • Jumlah peserta 	<p>Jumlah pelaksanaan perkhidmatan berkaitan kaunseling di dalam & luar HASA:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ceramah/panel jemputan: Sebanyak lima program ceramah telah dilaksanakan.

6. AKTIVITI JABATAN

A) Bahagian Pentadbiran & Governan

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
Unit Pentadbiran			
1.	Kursus Prosedur Kerja Pemandu Hospital	17 Jan 2022	Bilik Mesyuarat Pengarah, Aras 10, HASA, UiTM
2.	Kursus Pengurusan Risiko Anjuran Jawatankuasa Pemilik Risiko Hospital.	30 Jun 2022	Auditorium 2, HASA, UiTM
3.	Perhimpunan Bulanan Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM.	Anjuran setiap bulan	Auditorium 2, HASA, UiTM
4.	Progam Insan iDART Bulanan	Ogos - Disember 2022	Auditorium, 2, HASA, UiTM
Unit Governan dan Integriti			
1.	Bengkel e-Mesyuarat	20 Mei 2022	Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak, Hospital Al-Sultan Abdullah
2.	Sesi Semakan Tadbir Urus Kewangan	22 Feb 2022	Bilik Mesyuarat Pengarah
3.	Taklimat MyIntegriti (Isytihar Harta dan Liabiliti)	28 Jun 2022	Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak, Hospital Al-Sultan Abdullah
4.	Bengkel Penyediaan Carta Organisasi Jabatan Klinikal	27 Sep 2022	<i>Clinical Simulation Centre (CSC)</i> Aras 3, Hospital Al-Sultan Abdullah

B) Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1.	Lapor Diri Staf Baharu	1hb dan 16 hb setiap bulan.	Auditorium 1/2
2.	Temuduga Perjawatan	Jan, Feb, Jul, Sep, Okt, Nov & Dis	Bilik Mesyuarat Pengarah/ Bilik Persidangan Utama/Bilik Mesyuarat PTAR
3.	Fri-date: Tatacara Penyediaan Deskripsi Tugas	1 Sep 2022	Dalam Talian

C) Bahagian Pembangunan Sumber Manusia

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1.	Kursus Induksi Staf Baharu	Setiap bulan	Auditorium 1
2.	Fri-Date: Sesi Perkongsian	Setiap hari Jumaat	Secara dalam talian / secara langsung menerusi <i>YouTube</i>
3.	Kursus Pemantapan Kepimpinan & Jati Diri HASA 2022	Siri 2: 3 Nov 2022	Galeri Fakulti Seni Reka & Seni Lukis
4.	Program <i>Clinicopathological Conference (CPC)</i>	Setiap Rabu	Auditorium 2
5.	Temubual Kenaikan Pangkat Secara <i>Time Based</i> Berasaskan Kecemerlangan bagi Staf Kumpulan Pelaksana	19 Jul 2022	Bilik Mesyuarat Pengarah
6.	Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2021	15 Sep 2022	Auditorium 2
7.	Taklimat dan Latihan Percipio (latihan dalam talian)	25, 28, 31 Okt 2022	Auditorium 1

D) Bahagian Pembangunan Perniagaan

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1	Taklimat Peniaga Bersama Pengurusan Hospital	11 Jan 2022	Bilik Mesyuarat Perpustakaan Perubatan, Aras 3, Hospital UiTM
2	Kursus Pengendalian Makanan bagi Peniaga Kafeteria & Pushcart di HASA	30 Mei 2022	Auditorium 1, Aras 2, Hospital UiTM
3	<i>Introducing Hospital UiTM (HUiTM) by HUiTM Team to Yayasan UEM</i>	9 Jun 2022	Mercu UEM, Aras 8, Bilik Kuala Kangsar
4	<i>Introducing Hospital UiTM (HUiTM) by HUiTM Team to Bank Muamalat Malaysia Berhad</i>	29 Jun 2022	Tingkat 20, Jabatan Kewangan Sosial, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.
5	Bengkel Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh, Hospital Al-Sultan Abdullah, Universiti Teknologi MARA	18 Ogos 2022	Bilik Mesyuarat Wad VIP, Aras 9
6.	Pembukaan Perkhidmatan Klinik Eksekutif, Hospital Al-Sultan Abdullah, Universiti Teknologi MARA	1 Sep 2022	Klinik & Wad Eksekutif
7.	Pembukaan Perkhidmatan Balai Nur Kasih	3 Okt 2022	Balai Nur Kasih, Aras 1
8.	Perjanjian Kolaborasi Strategik di antara Universiti Teknologi MARA dan Pusat Rehabilitasi Perkeso Sdn Bhd	11 Nov 2022	-
9.	Pembukaan Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh di Sungai Buloh	1 Dis 2022	CTC Sungai Buloh
10.	Saringan Kesihatan Klinik Warga	6 Dis 2022	Klinik Warga, Aras 3
11.	Jelajah Selangor Penyayang	2 Jul 2022	Kuala Selangor
12.	Hari Korporat HASA	17 Ogos 2022	Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM
13.	Program Mahasiswa Peringkat Kebangsaan	27 & 28 Sep 2022	Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam
14.	Hari Pesakit Sedunia	29 Sep 2022	Anjung Zam-zam, HASAr
15.	Kempen Kesedaran Kanser Payudara	14 Okt 2022	Masjid Puncak Alam
16.	<i>Boost Energy Fun Run</i>	29 Okt 2022	Anjung Zam-zam, Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA)
17.	Hari Farmasi Sedunia 2022	30 Okt 2022	Dewan Eco Grandeur, Bandar Puncak Alam
18.	Seminar Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan	17 Okt 2022	Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Bangi.
19.	Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah Program X-Cell KOAKADEMIK STEM	28 Apr 2021	Dewan Berlian, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam

E) Bahagian Spiritualiti & Kaunseling

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1.	Majlis Bacaan Yasin & Tahlil Mingguan	Setiap hari Khamis	Surau Utama & Google Meet
2.	Program Ibadah Pesakit (live)	25 Jan 2022	Facebook
3.	Program Mauizah (10 siri)	10 Feb - 23 Nov 2022	Cisco Webex
4.	Kelas Tajwid	Feb - Jul 2022	Cisco Webex
5.	Kelas Pengukuhan Fiqh Ibadah (9 siri)	Feb - Dis 2022	Cisco Webex
6.	Kursus Pengurusan Jenazah (BSK 1-3)	15 Febi 2022	Bilik Persidangan 1 & 2
7.	Ceramah Israk & Mikraj	2 Mac 2022	Auditorium 2
8.	Ihya' Ramadan - Tazkirah Ramadan - Solat Sunat Tarawih - Majlis Iftar Perdana - Tadarus al-Qur'an - Rewang Bubur Lambuk - Ceramah Nuzul Qur'an - Majlis Khatam al-Qur'an	4 - 28 Apr 2022	Surau Utama
9.	Rewang Aidil Adha	14 Jul 2022	Surau Utama
10.	Program Qalbu (8 siri)	15 Jul - 21 Okt 2022	Surau Utama
11.	Rewang Bubur Asyura	16 Ogos 2022	Surau Utama
12.	Sambutan Maulidur Rasul 1444H Peringkat HASA & UCS	13 Okt - 4 Nov 2022	Auditorium 2
13.	Bengkel TOT Pengurusan Ibadah Pesakit (BSK 4-5)	1 & 14 Dis 2022	Bilik Persidangan 2
14.	Bengkel Asas Penjagaan Spiritual	6 Dis 2022	Bilik Seminar Nefrologi

Aktiviti Jabatan - Kelab Kebajikan & Rekreasi JPSM

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1.	Jamuan Raya JPSM	3 Jun 2022	Lobi Aras 10
2.	Sesi Regangan Badan	5 Jul 2022	Lobi Aras 10
3.	Hari Keluarga JPSM	20 Ogos 2022	Cabin Camp Kuala Selangor
4.	Perarakan Sepanduk Maulidur Rasul	4 Nov 2022	
5.	Bacaan Yasin Bulanan	Setiap Hari Jumaat Minggu akhir setiap bulan. *Bermula Mei 2022	Bilik Mesyuarat Pengarah, Aras 10.
6.	Majlis Penyerahan Sumbangan: • Sumbangan Kemalangan • Sumbangan Banjir • Sumbangan Staf berpindah • Sumbangan Staf yang mendapat Cahaya Mata		Bilik Mesyuarat Pengarah, Aras 10.

GALERI AKTIVITI



7. PERANCANGAN DAN HALA TUJU JABATAN

7.1 Unit Pentadbiran



Penganjuran Bengkel Pengurusan Risiko HASA untuk memberi pendedahan berkenaan pelaporan maklumat daftar risiko kepada staf supaya risiko dapat diuruskan dengan teratur.



JPSM *Power Hour* dilaksanakan secara mingguan bagi melaporkan status pelaksanaan aktiviti dan gerak kerja setiap bahagian dan unit di JPSM yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Pengurusan supaya semua staf cakna dengan isu semasa untuk penambahbaikan JPSM.



Penerbitan Buku Garis Panduan Pengurusan Perkhidmatan Pentadbiran sebagai rujukan dan panduan perkhidmatan pentadbiran kepada semua staf hospital.



Taklimat Pengurusan Klinik Panel dijalankan bagi memastikan staf cakna berkenaan kemudahan rawatan di klinik panel yang diberikan oleh UiTM serta tatacara tuntutan bayaran balik rawatan di bukan klinik panel melalui Modul Perubatan di sistem HR2U.



Taklimat Pengurusan Tempahan Kenderaan dijalankan bagi memastikan staf cakna berkenaan tatacara tempahan kenderaan selaras pekeliling berkuatkuasa.

7.2 Unit Governan



Mengadakan taklimat tatacara pengisian Borang Pengisytiharan Harta dan Liabiliti (BPHL) kepada staf baru pertama kali membuat perisytiharan untuk mengurangkan kesilapan semasa staf mengisi maklumat di dalam borang tersebut.



Menganjurkan Taklimat MyIntegriti (tajuk-tajuk berkaitan integriti seorang penjawat awam) kepada semua staf HASA sebagai perkongsian agar semua staf lebih cakna mengenai integriti sebagai penjawat awam.



Menerbitkan Buku Tadbir Urus HASA untuk dijadikan sebagai garis panduan pengurusan tadbir urus yang tepat.



Menerbitkan Buku Garis Panduan Pengurusan Waktu Bekerja sebagai rujukan dan panduan waktu bekerja di HASA kepada semua staf hospital.




Menerbitkan Buku Garis Panduan Pakaian Seragam HASA sebagai panduan kepada semua staf mengenai pakaian seragam rasmi dan yang dibenarkan untuk dipakai oleh staf.

7.3 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia



7.4 Bahagian Pembangunan Sumber Manusia



7.5 Bahagian Pembangunan Perniagaan



Menandatangani sekurang-kurangnya dua Bilangan NDA/MOU/MOA.



Mengemaskini SOP Sumbangan dengan lebih teratur bermula 2023.



Melaksanakan Pakej Perubatan di dalam Perkhidmatan Klinik Eksekutif.



Memastikan kesemua ruang niaga berstruktur dan tidak berstruktur disewakan.



Sasaran Penerimaan Endowmen sekurang-kurangnya RM1 juta.



Melaksanakan Projek Pelancongan Kesihatan bermula 2024.



Melaksanakan Projek Barangan Jualan (*merchandising*) bermula 2023.



Melaksanakan Projek *Corporate Social Responsibility* bermula awal tahun 2024.



Melaksanakan Makan Malam HASA bermula 2024 untuk mengeratkan ukhuwah dalam kalangan staf.



Melaksanakan projek kolaborasi bersama alumni bagi saringan kesihatan dan promosi bagi mewujudkan kerjasama di antara alumni dan HASA.



Melaksanakan projek P.O.S sistem.

7.6 Bahagian Bahagian Spiritualiti & Kaunseling



Penganjuran latihan/bengkel secara bersiri berkaitan Modul Ibadah Pesakit/ Modul Penjagaan Spiritual untuk membantu pesakit dalam melaksanakan ibadah yang betul ketika sakit.



Penjanaan Tabung Hospital Mesra Ibadah sebanyak RM30,000 setahun.



Penganjuran Persidangan/Seminar/Wacana berkaitan Fiqh Perubatan/Hospital Mesra Ibadah (dwi-tahunan).



Memastikan perkhidmatan sesi kaunseling individu/kelompok kepada Pesakit HASA dilaksanakan dalam tempoh tiga hari.



Melaksanakan perkhidmatan bimbingan/konsultasi kepada pesakit/staf HASA secara berkala untuk membantu pesakit/staf yang memerlukan sesi kaunseling.



Pelaksanaan program/terapi berkaitan Kemahiran Psikologikal, Pencegahan dan Pembangunan Sahsia kepada pesakit/staf HASA.



Sasaran memastikan HASA memperoleh akreditasi Hospital Mesra Ibadah (HMI) menjelang 2024.



Melaksanakan perkhidmatan berkaitan Kaunseling di dalam dan luar HASA melalui aktiviti-aktiviti berikut:

- a. Ceramah/Fasilitator/Panel Jemputan/Moderator
- b. Penulisan Artikel/Modul
- c. Penyediaan Garis Panduan Perkhidmatan Kaunseling di HASA.

Jabatan Kewangan



1. LATAR BELAKANG

Jabatan Kewangan HASA, UiTM mula beroperasi di PPUiTM Selayang pada tahun 2010, PPUiTM Sg. Buloh pada tahun 2011 dan di HASA, UiTM Puncak Alam pada bulan Mac 2021. Jabatan Kewangan HASA, UiTM bertindak sebagai nadi kepada HASA, UiTM dari segi merancang, melaksana dan memantau pengurusan kewangan hospital.

Fungsi Jabatan Kewangan adalah seperti berikut:

- Bahagian Pengurusan Belanjawan dan Kewangan Korporat
- Bahagian Pengurusan Perolehan
- Bahagian Pengurusan Bayaran
- Bahagian Pengurusan Aset
- Bahagian Pengurusan Akaun
- Bahagian Pengurusan Hasil
- Bahagian Pengurusan Pendaftaran Pesakit

Pejabat Jabatan Kewangan berada di tiga lokasi seperti berikut:

- **Aras 1, HASA, UiTM Puncak Alam**
 - Bahagian Pengurusan Perolehan
 - Bahagian Pengurusan Bayaran
 - Bahagian Pengurusan Harta Benda
- **Aras 2, HASA, UiTM Puncak Alam**
 - Bahagian Pengurusan Hasil (Klinikal) dan Bahagian Pengurusan Pendaftaran Pesakit
 - Bahagian Pengurusan Belanjawan dan Kewangan Korporat dan Bahagian Pengurusan Akaun
- **Aras Bawah, PPUiTM Sungai Buloh**
 - Bahagian Pengurusan Hasil (Klinikal)
 - Bahagian Pengurusan Pendaftaran Pesakit

Jabatan Kewangan beroperasi mengikut keperluan pengoperasian seperti berikut:

Kaunter Pengurusan Hasil Bukan Klinikal, Aras 1, HASA

Isnin - Khamis

8.30 pagi - 1.00 tengah hari
2.00 petang - 4.30 petang

Jumaat

8.30 pagi - 12.15 tengah hari
2.45 petang - 4.30 petang

Kaunter Pengurusan Hasil Klinikal, Aras 2, HASA (Pendaftaran & Pembayaran)

Isnin - Khamis

8.30 pagi - 1.00 tengah hari
2.00 petang - 4.30 petang

Jumaat

8.30 pagi - 12.15 tengah hari
2.45 petang - 4.30 petang

Jabatan Kecemasan, HASA dan Pusat Pakar Perubatan UiTM Sg. Buloh

24 jam

Kaunter Pengurusan Hasil Klinikal, Pusat Pakar Perubatan UiTM Sg. Buloh (Pendaftaran & Pembayaran)

Isnin - Khamis

7.30 pagi - 5.00 petang

Jumaat

8.00 pagi - 12.15 tengah hari
2.45 petang - 5.00 petang

2. OBJEKTIF KUALITI JABATAN

80% Prestasi Perbelanjaan Tahap Bayaran dicapai.



Menjelaskan 80% pembayaran dalam tempoh tujuh hari dari tarikh terima dokumen lengkap.



100% Anggaran Belanjawan Mengurus Tahunan yang lengkap disediakan mengikut jadual dan tarikh yang ditetapkan.



80% GRN tertanggung diselesaikan.



100% Agihan Peruntukan Tahunan disediakan mengikut jadual dan tarikh yang ditetapkan.



100% Penyata Kewangan yang muktamad bagi tahun berakhir 31 Disember setiap tahun dikemukakan kepada Pengarah Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri sebelum atau pada 30 April tahun berikutnya.



Mengeluarkan 90% pesanan tempatan untuk permohonan perolehan melalui tender / sebut harga / rundingan terus dalam tempoh lima hari bekerja dari tarikh kelulusan perolehan dalam Sistem FAIS dan pembelian terus / kontrak pusat dalam tempoh lima hari bekerja dari tarikh kelulusan permohonan belian diluluskan dalam Sistem FAIS.



RM10 juta penjanaaan pendapatan melalui hasil perubatan dicapai.



80% LO tertanggung (LO *Supplementary*) diselesaikan.



RM400 ribu nilai kutipan ke atas bil tertunggak berjaya diselesaikan.



3. SKOP PERKHIDMATAN



Bahagian Pengurusan Belanjawan dan Kewangan Korporat

- Merancang, menyediakan, mengagih dan mengawal sumber-sumber kewangan dengan cekap dan teratur selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan Peraturan Kewangan.
- Memastikan pengurusan perbelanjaan mengurus HASA, UiTM dikendalikan dengan optimum dan efektif mengikut perancangan aktiviti yang ditetapkan.



Bahagian Pengurusan Aset

- Memastikan pengurusan dan penyelenggaraan rekod harta benda alih HASA, UiTM dikendalikan dengan baik.
- Menyelaras dan memantau gerak kerja pemeriksaan/ verifikasi harta benda HASA, UiTM serta pematuhan dasar perekodan dan pengendalian harta benda.



Bahagian Pengurusan Perolehan

- Memastikan perolehan dilaksanakan dengan cekap, mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta mengikut amalan tadbir urus yang baik dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan iaitu akauntabiliti awam; diuruskan secara telus, memberi nilai faedah yang terbaik serta dibuat saingan terbuka, adil dan saksama.



Bahagian Pengurusan Akaun

- Memastikan penyediaan akaun interim dan penyata kewangan tahunan mengikut dasar dan peraturan perakaunan UiTM.



Bahagian Pengurusan Hasil

- Memastikan hasil diterima mengikut peraturan yang ditetapkan dan memantau kutipan hasil tertunggak.



Bahagian Pengurusan Bayaran

- Memastikan pematuhan tatacara kewangan bayaran oleh pelanggan mengikut pekeliling dan peraturan yang sedang berkuatkuasa.



Bahagian Pengurusan Pendaftaran Pesakit

- Memastikan maklumat pesakit didaftarkan dengan tepat.

4. PENCAPAIAN DAN ANUGERAH

Bil.	Pencapaian/ Anugerah	Tarikh Terima	Peringkat
1.	Audit Bersih Penyata Kewangan HASA, UiTM Tahun 2021	12 Ogos 2022	Audit Negara
2.	Tempat Ketiga Perarakan Sambutan Maulidur Rasul Tahun 2022	4 Nov 2022	HASA, UiTM

5. STATISTIK JABATAN

5.1 Statistik Perjawatan

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan
1.	Timbalan Pengarah (Kewangan)	W54	1
2.	Timbalan Bendahari	W48	1
3.	Penolong Bendahari Kanan	W44	1
4.	Penolong Bendahari	W41	3
5.	Penolong Akauntan	W29	6
6.	Pembantu Tadbir Kewangan Kanan	W22	1
7.	Kerani Kanan	N22	1
8.	Pembantu Tadbir Kewangan	W19	2
9.	Kerani (Kewangan)	N19	13
10.	Kerani	N19	23
JUMLAH			52

5.2 Statistik Perkhidmatan

5.2.1 Laporan Pengurusan Belanjawan

Peruntukan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2022

BIL.	SUMBER PERUNTUKAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	% PERBELANJAAN
1.	Geran Mengurus	73,712,000.00	71,422,255.09	96.89
2.	Sumber Dalaman HASA	14,803,706.52	55,836,351.03	377.18
3.	Tambahan KPT	10,280,000.00	3,783,413.38	36.80
JUMLAH		98,795,706.52	131,042,019.50	132.64

Perbandingan Prestasi Perbelanjaan bagi Tahun 2021 dan 2022

BIL.	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	% PERBELANJAAN
1.	2021	166,671,953.00	154,454,042.59	92.67
2.	2022	98,795,706.52	131,042,019.50	132.64

Perbandingan Jumlah Perbelanjaan (Tahap Tanggungan dan Bayaran) bagi Tahun 2021 dan 2022

BIL.	TAHUN	JUMLAH TANGGUNGAN (RM)	JUMLAH BAYARAN (RM)	% BAYARAN
1.	2021	31,303,502.81	123,150,539.78	79.73
2.	2022	5,894,079.33	125,147,940.17	95.50

5.2.2 Laporan Pengurusan Perolehan

Prestasi Pesanan Jabatan Melalui Sistem FAIS bagi Tahun 2022

SUKU TAHUN	ST 1	ST 2	ST 3	ST 4	JUMLAH KESELURUHAN
≤ 5 Hari Bekerja	23	12	31	11	77
> 5 Hari Bekerja	-	-	-	-	-
JUMLAH	23	12	31	11	77
% PENCAPAIAN	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Prestasi Pesanan Jabatan (LO) Tertangguh bagi Tahun 2022

BIL.	Bulan	NILAI TERTANGGUH (RM)		JUMLAH LO TERTANGGUH (RM)
		2022	< 2022	
1	Januari	16,860.00	2,175,617.66	2,192,477.66
2	Februari	393,492.81	1,314,405.16	1,707,897.97
3	Mac	1,340,262.70	899,946.54	2,240,209.24
4	April	1,652,635.73	801,030.82	2,453,666.55
5	Mei	2,559,484.77	940,953.14	3,500,437.91
6	Jun	2,629,360.97	777,467.06	3,406,828.03
7	Julai	3,298,188.47	570,592.00	3,868,780.47
8	Ogos	5,125,378.58	204,963.77	5,330,342.35
9	September	5,280,179.00	112,970.00	5,393,149.00
10	Oktober	9,977,096.73	6,992.00	9,984,088.73
11	November	9,128,929.71	-	9,128,929.71
12	Disember	5,094,720.77	-	5,094,720.77
JUMLAH		46,496,590.24	7,804,938.15	54,301,528.39


5.2.3 Laporan Pengurusan Bayaran

Prestasi Bayaran (Dari Tarikh Terima Bendahari hingga Keluar Cek / IBG) bagi Tahun 2022

KUMPULAN WANG	PENGURUSAN			AMANAH			PENYELIDIKAN			JUMLAH		
	< 7 HARI	JUMLAH BAUCAR	%	< 7 HARI	JUMLAH BAUCAR	%	< 7 HARI	JUMLAH BAUCAR	%	< 7 HARI	JUMLAH BAUCAR	%
ST 1	1,307	1,314	99.47	439	439	100	5	5	100	1,751	1,758	99.60
ST 2	1,622	1,622	100	452	452	100	9	9	100	2,083	2,083	100
ST 3	1,564	1,564	100	520	520	100	7	7	100	2,091	2,091	100
ST 4	2,097	2,097	100	1,151	1,151	100	5	5	100	3,253	3,253	100
JUMLAH BESAR										9,178	9,185	99.92

5.2.4 Laporan Hasil Klinikal

Perbandingan Hasil Perubatan bagi Tahun 2022



SUKU TAHUN	2021	2022	%
1	2,005,683.63	2,955,621.08	47.36
2	2,724,563.15	3,998,658.90	46.76
3	2,337,783.20	4,822,280.99	106.28
4	3,015,251.90	4,549,034.90	50.87
JUMLAH	10,083,281.88	16,325,595.87	61.91

5.2.5 Laporan Pengurusan Aset

Laporan Harta bagi Tahun 2022

BIL.	KUMPULAN WANG	BILANGAN HARTA	JUMLAH (RM)	% BILANGAN HARTA
1.	SA06	558	22,518,890.10	14.25
2.	AA06	218	4,698,848.00	5.57
3.	KY06	45	7,917,574.00	1.14
4.	PS06	109	17,270,563.90	2.78
5.	FS06	2,987	149,228,287.96	76.26

Laporan Inventori bagi Tahun 2022

BIL.	KUMPULAN WANG	BILANGAN INVENTORI	JUMLAH (RM)	% BILANGAN INVENTORI
1.	SA06	605	925,579.80	94.09
2.	AA06	38	63,610.00	5.91

Prestasi Kerja-Kerja Verifikasi Harta bagi Tahun 2022

KUMPULAN WANG	JUMLAH (RM)	JUMLAH BIL	JUMLAH YANG TELAH DIVERIFIKASI					
			KENALPASTI			TIDAK KENALPASTI		
			KUANTITI	PERATUS (%)	RM	KUANTITI	PERATUS (%)	RM
SA06	4,327,122.60	214	214	100.00	4,327,122.60	0	0	0
AA06	2,190,410.00	74	74	100.00	2,190,410.00	0	0	0
KY06	2,670,074.00	34	34	100.00	2,670,074.00	0	0	0
FS06 (PFI)	149,228,287.96	2987	2337	78.24	113,958,572.18	650	21.76	35,269,715.78
JUMLAH	158,415,894.56	3309	2659	80.36	123,146,178.78	650	19.64	35,269,715.78

6. AKTIVITI DAN PROGRAM JABATAN

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1.	Bengkel Pemurnian Borang Pendaftaran Pesakit dan Hasil Klinikal	26 Jan 2022	Aras 2, Jabatan Kewangan
2.	Bengkel Pemurnian Polisi Jabatan Kewangan	28 Feb 2022	Aras 2, Jabatan Kewangan
3.	Aktiviti 5S	5 Mac 2022	Aras 1, Jabatan Kewangan
4.	Bengkel Pemurnian SOP Jabatan Kewangan	22 Apr 2022	Aras 2, Jabatan Kewangan
5.	Majlis Bacaan Yasin Jabatan Kewangan	4 Mac 2022	Bilik Perolehan
6.	Taklimat Induksi Staf Baharu HASA, UiTM	Bulanan	Auditorium 1 & 2
7.	Program Jamuan Raya Jabatan Kewangan Tahun 2022	27 Mei 2022	Aras 1, Jabatan Kewangan
8.	Taklimat dan Gerak Kerja Verifikasi Stor Bil. 1/2022:	27 Jun - 1 Jul 2022	Stor Perubatan Stor Pakai Buang Stor Alat Tulis
9.	Taklimat Pengurusan Harta	3 Jun 2022	Auditorium 2
10.	Pengauditan Interim 2021	22 Jun 2022	Aras 1, Jabatan Kewangan
11.	Mewujudkan Unit Pengurusan Hasil Klinikal (FPP)	4 Ogos 2022	Bilik Mesyuarat Utama, Aras 10
12.	Majlis Perhimpunan Bulanan Staf HASA, UiTM	15 Sep 2022	Auditorium 2
13.	Taklimat Garis Panduan Perolehan Sebut Harga / Tender Secara Kontrak Pusat di Sistem <i>FineProcurement Plus</i>	14 Okt 2022	Dalam talian
14.	Lawatan Penanda Aras Hospital Pengajar UniSZA	20 Okt 2022	Aras 2, Jabatan Kewangan
15.	Hari Keluarga Jabatan Kewangan	30 Okt 2022	Janda Baik, Pahang
16.	Sambutan Maulidur Rasul	4 Nov 2022	Auditorium 2
17.	Taklimat dan Gerak Kerja Verifikasi Stor Bil. 2/2022: • Ubat • Pakai Buang • Alat Tulis	1- 11 Nov 2022	Stor Perubatan Stor Pakai Buang Stor Alat Tulis
18.	Taklimat Agihan Peruntukan Tahun 2023	25 Nov 2022	Dalam talian
19.	Lawatan Jabatan Pengurusan Akaun dan Sistem Kewangan	6 Dis 2022	Bilik Persidangan
20.	Lawatan Jabatan Kewangan Korporat	6 Dis 2022	Aras 2, Jabatan Kewangan

GALERI AKTIVITI





7. PERANCANGAN DAN HALA TUJU JABATAN

Jabatan Kewangan akan melaksanakan segala fungsi pengurusan kewangan secara profesional, berintegriti, cemerlang dan berkualiti melalui penyampaian perkhidmatan kewangan yang merangkumi pengurusan belanjawan, perolehan, bayaran, aset dan hasil bagi melaksanakan perbelanjaan operasi HASA, UiTM yang berhemah dan efisien. Seterusnya, memastikan semua transaksi kewangan diperkaunkan dengan tepat dan betul serta berlandaskan kepada peraturan dan tatacara yang telah ditetapkan serta memastikan kecemerlangan prestasi kewangan dapat diteruskan melalui pelbagai usaha dan inisiatif yang berimpak demi mengekalkan prestasi pencapaian audit bersih pada setiap tahun.



Jabatan di bawah Pejabat Pengarah

Jabatan Komunikasi Korporat

Jabatan Peningkatan Kualiti dan Keselamatan Pesakit

Jabatan Penyelidikan, Jaringan Industri dan Inovasi

Pejabat Polis Bantuan

Pejabat Undang-undang

Jabatan Komunikasi Korporat



1. LATAR BELAKANG

Jabatan Komunikasi Korporat mula diwujudkan pada tahun 2020 iaitu setelah Hospital Al-Sultan Abdullah (waktu itu dikenali sebagai Hospital UiTM) mempunyai tadbir urus sendiri. Sebelum wujudnya Hospital UiTM Puncak Alam, ianya beroperasi sebagai Pusat Pakar Perubatan UiTM) di UiTM Kampus Sungai Buloh dan diletakkan di bawah tadbir urus Fakulti Perubatan.

Jabatan Komunikasi Korporat Hospital Al-Sultan Abdullah merupakan jabatan yang berperanan dan bertanggungjawab dalam:



Menjaga jaringan, hubungan dan persefahaman antara organisasi dan orang awam melalui aktiviti pemantauan, penilaian, promosi dan pengenalan inisiatif-inisiatif yang mampu memberi nilai tambah kepada kualiti perkhidmatan serta kepuasan pelanggan.



Dalam bidang penjagaan kesihatan dan perubatan, fungsi Jabatan Komunikasi Korporat merangkumi pihak pesakit, pelawat/tetamu, kakitangan, pihak berkuasa (pentadbir/pemerintah), orang awam dan juga pihak media. Ia merupakan aktiviti atau tindakan berhubung/bergaul/berkomunikasi dengan pihak luar/ dalam yang selalu berurusan.



Memastikan hubungan dan jaringan antara organisasi sentiasa terjaga di samping memperkasakan jaringan komunikasi antara pihak pengurusan, kakitangan dan pelanggan (tetamu/pesakit/ pihak yang berkepentingan).



Pusat rujukan hospital khususnya dalam aspek penyampaian dan penyebaran maklumat menerusi saluran komunikasi dan media rasmi, imej dan budaya korporat hospital, jaringan dalam dan luar, media, penerbitan serta pengurusan maklum balas pelanggan/ aduan.

Lokasi Jabatan/Unit : Beroperasi di Tingkat 2, Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM Puncak Alam.

Waktu Operasi : 8.00 pagi-5.00 petang (Isnin hingga Jumaat)

2. OBJEKTIF KUALITI JABATAN

Meningkatkan dan memaksimumkan saluran komunikasi serta memantapkan sistem pengurusan informasi bagi memastikan mesej yang jelas kepada warga hospital dan warga awam dapat disampaikan secara menyeluruh.



Menyediakan dan menyampaikan maklumat mengenai perkhidmatan, kemudahan fasiliti dan informasi bermanfaat melalui laman web, artikel, buletin, media sosial dan bahan-bahan penerbitan lain supaya pelanggan dapat memahami perkhidmatan yang ditawarkan dengan lebih baik dan jelas.



Mencapai tahap kepuasan perkhidmatan pelanggan yang cemerlang seterusnya meningkatkan imej hospital melalui komunikasi yang berkesan dan amalan budaya korporat yang konsisten dan berterusan.



Memupuk, mendidik dan memberi perhatian kepada warga serta masyarakat tentang kesedaran perkhidmatan-perkhidmatan baru dan terkini melalui hebahan media dan acara khas.



Membina dan mengukuhkan jenama hospital dengan mengutamakan hubungan yang positif, mesra dan profesional dengan pelanggan dan pemegang taruh seterusnya membentuk imej dan jenama yang kuat.



Menyokong dan memberikan komitmen bagi mencapai misi, visi dan objektif hospital dan universiti.



Maklum balas terhadap maklum balas pelanggan dalam tempoh tidak melebihi tujuh (7) hari bekerja.



Budaya Korporat (Kempen kesedaran kepada kakitangan hospital).



3. SKOP PERKHIDMATAN



Sumber maklumat dan rujukan kepada pelanggan mengenai perkhidmatan, kemudahan fasiliti dan inisiatif terkini yang disediakan oleh hospital.



Memastikan organisasi/hospital dilihat secara positif oleh pelanggan (pesakit), pelawat, organisasi luar, pemegang taruh dan kakitangan hospital melalui jaringan hubungan yang aktif dan mesra.



Menyusun dan bertanggungjawab mengawal selia aktiviti, program, majlis, acara dan kejadian yang berlaku di hospital.



Memastikan bahan yang dipaparkan, budaya kerja yang ditonjolkan dan aktiviti yang dijalankan berjalan dengan lancar dan menggambarkan imej yang profesional pada setiap masa.

4. PENCAPAIAN, ANUGERAH & INOVASI

Bil.	Pencapaian/ Anugerah	Tarikh Terima	Peringkat
1.	Anugerah Insan iDART HASA Bulan November 2022 - Encik Mohd Hafidz Ab Satar @ Ahmad Sabri Penolong Pendaftar N41		HASA
2.	Anugerah Insan iDART HASA Bulan Disember 2022 - Encik Muhammad Naim Hafiz bin Abdul Kamal Pegawai Khidmat Pelanggan N19		HASA

5. STATISTIK JABATAN

5.1 Statistik perjawatan

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan
1.	Ketua Jabatan	UD54	1
2.	Penolong Pendaftar	N41	1
3.	Pegawai Eksekutif	N29	2
4.	Kerani Kanan	N22	1
5.	Kerani (Pegawai Khidmat Pelanggan) – Tetap	N19	6
6.	Kerani (Pegawai Khidmat Pelanggan) - Kontrak	N19	1
7.	Kerani (Kontrak)	N19	1
8.	Kerani (PSH)	N19	1
Jumlah			14

6. AKTIVITI & PROGRAM JABATAN

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1.	Menerima Kunjungan Duta Cuba ke HASA	18 Feb 2022	HASA
2.	Menerima Lawatan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) ke HASA	28 Feb 2022	HASA
3.	Hari Bertemu Pelanggan HASA	7 Mac 2022	HASA
4.	Menerima lawatan kerja Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (HPUNISZA), Terengganu	10 Mac 2022	HASA
5.	Menerima lawatan kerja Hospital Pengajar Universiti dan Pusat Perubatan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	17 Mac 2022	HASA
6.	Menerima lawatan kerja Daehan Rehabilitation Hospital Putrajaya ke HASA	13 Apr 2022	HASA
7.	Menerima lawatan Delegasi Fraunhofer IEM Germany dan Innovativelab UiTM	9 Mei 2022	HASA
8.	Menerima lawatan daripada Pegawai Liaison Kedutaan Belanda	18 Mei 2022	HASA
9.	Menerima kunjungan Fujifilm Asia Pacific ke HASA	2 Jun 2022	HASA
10.	Menerima lawatan kerja Kementerian Pengajian Tinggi Bersama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dan Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM) ke HASA	1 Jul 2022	HASA
11.	Perasmian Hospital Al-Sultan Abdullah	23 Jul 2022	HASA
12.	Program Vaksinasi Sayang Seribu (kerjasama dengan Majlis Datuk Persekutuan Malaysia dan Pusat Perubatan Primanora)	10 Sept 2022	Rumah Kasih Harmoni, Paya Jaras
13.	Menerima lawatan Lembaga Zakat Selangor (MAIS) Sempena Program Ziarah Hospital Daerah Kuala Selangor	20 Sept 2022	HASA
14.	Menerima kunjungan Hormat Pusat Perubatan Universiti Malaysia	8 Okt 2022	HASA

GALERI AKTIVITI



7. PERANCANGAN DAN HALA TUJU JABATAN



Jabatan Komunikasi Korporat dengan kerjasama Jabatan Infostruktur di HASA sedang membangunkan Sistem Maklum Balas Pelanggan HASA yang dijangka lebih efisien, menyeluruh dan terkawal.



Mengadakan Kursus Komunikasi dan Khidmat Pelanggan khususnya kepada kakitangan yang terlibat secara langsung berinteraksi dan menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan/ orang awam. Kursus ini amat penting bagi memastikan kakitangan mampu berkomunikasi dan menyampaikan maklumat kepada pelanggan/ orang awam secara berkesan, mesra dan profesional sesuai dengan peranan dan fungsi hospital.

Mengadakan Kursus Protokol dan Pengurusan Acara kepada kakitangan hospital bagi tujuan memberi pendedahan dan pengetahuan tambahan berhubung kaedah, prosedur, peraturan dan cara mengendalikan sesebuah acara/ program rasmi agar ianya mencapai matlamat, berjalan lancar dan mencapai standard.



Menganjurkan Kursus Pengurusan Aduan Pelanggan Berkualiti khusus kepada wakil-wakil jabatan yang dilantik mahupun kakitangan yang terlibat menguruskan aduan dan maklum balas pelanggan agar perkara ini mampu diurus secara sistematik dan efisien.



Kursus Etiket Sosial, Keterampilan Diri dan Imej Profesional (1 kali setahun) Menganjurkan Kursus Etiket Sosial, Keterampilan Diri dan Imej Profesional kepada kakitangan bagi tujuan meningkatkan imej dan reputasi hospital menerusi penampilan kakitangan yang kemas dan profesional serta mempunyai tingkah laku yang sopan dan beretika.

Jabatan Peningkatan Kualiti dan Keselamatan Pesakit



1. LATAR BELAKANG

Jabatan Peningkatan Kualiti dan Keselamatan Pesakit, Hospital UiTM mula ditubuhkan pada 1 Mac 2020 dengan tujuan menjadi penggerak bagi pelaksanaan program kualiti di Hospital Al-Sultan Abdullah.

Fungsi

- Pengurusan Hal Ehwal Kualiti Klinikal
- Pematuhan Inovasi dan Akreditasi
- Informasi Kualiti dan Indeks Prestasi
- Pentadbiran Jabatan

Lokasi:

- Jabatan Peningkatan Kualiti dan Keselamatan Pesakit, Aras 5, Hospital Al-Sultan Abdullah, Universiti Teknologi MARA, 42300 Bandar Puncak Alam, Selangor.

Waktu Operasi:

- 8.00 pagi-5.00 petang (Isnin hingga Jumaat)

2. OBJEKTIF KUALITI

Memastikan peningkatan kualiti berterusan melalui pemantauan dan penilaian aktiviti kualiti secara berkala.



Merancang dan melaksanakan aktiviti keselamatan pesakit berpandukan WHO *Patient Safety Solutions* dan *Malaysian Patient Safety Goals*.



Memperkuhkan pematuhan terhadap piawaian akreditasi dan pensijilan melalui pelaksanaan aktiviti latihan dan audit.



Mewujudkan dan mengekalkan budaya keselamatan pesakit dalam kalangan warga kerja Hospital Al-Sultan Abdullah.



3. SKOP PERKHIDMATAN



3.1 Pengurusan Hal Ehwal Kualiti Klinikal

- Pelaporan Insiden keselamatan pesakit.
- Pelaporan *Root Cause Analysis* (RCA)
- Pelaksanaan dan Pemantauan *Malaysia Safety Goals* (MPSG).
- Pelaksanaan dan pemantauan *World Health Organization (WHO) Global Patient Safety Solutions*.
- Pelaksanaan Program/ Bengkel/ Latihan Kesedaran Keselamatan Pesakit Peringkat Hospital.
- Pengurusan *Credentialing & Privileging* (C&P).
- Sekretariat MDAC.



3.3 Pengurusan Pentadbiran Jabatan Peningkatan Kualiti dan Keselamatan Pesakit

- Pengurusan Sumber Manusia
- Penyediaan Kewangan Jabatan
- Pembangunan Kompetensi
- Pentadbiran Am
- Pengurusan kawalan dokumen rasmi hospital
- Pengurusan sistem simpanan dokumen terkawal bersepadu (OPENKM)



3.2 Pematuhan Inovasi & Akreditasi

- Menjalankan dan menyelaras audit dalaman.
- Memberi latihan dan audit berkaitan akreditasi dan pensijilan.
- Menyelaras dan menguruskan aktiviti Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) di peringkat hospital.



3.4 Informasi Kualiti dan Indeks Prestasi

- Kajian Kepuasan Pesakit
- Kajian Hospital Berkaitan Budaya Keselamatan Pesakit
- Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
- Audit Klinikal

4. PENCAPAIAN

Bil.	Pencapaian	Tarikh Terima	Peringkat
1.	Pemenang tempat ke-3 perbarisan sempena Maulidur Rasul (Kerjasama antara Jabatan Penyelidikan, Jaringan Industri & Inovasi (PJI), <i>Occupational Safety & Health</i> (OSH), <i>Infection Control</i> (IC), <i>Obstetrik & Ginekologi</i> (O&G) & Pediatrik	10 Nov 2022	HASA, UiTM
2.	Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022 Maszanina binti Azhar Pegawai Eksekutif (N29)	Tahun 2022	HASA, UiTM
3.	Penerima Anugerah Insan iDART Maszanina binti Azhar Pegawai Eksekutif (N29)	Nov 2022	HASA, UiTM

5. STATISTIK JABATAN

5.1 STATISTIK PERJAWATAN

BIL.	JAWATAN	BILANGAN
1.	Ketua Jabatan	1
2.	Timbalan Ketua Jabatan	1
3.	Pegawai Perubatan	3
4.	Penolong Pendaftar	1
5.	Pegawai Eksekutif	2
6.	Jururawat	2
7.	Kerani	1
Jumlah		11

5.2 STATISTIK PERKHIDMATAN

5.2.1 Pelaporan Insiden

TAHUN	BILANGAN	% PER KEMASUKAN
2021	198	3 %
2022	322	3 %

5.2.2 Root Cause Analysis

Bilangan RCA yang telah dilaksanakan dan RCA yang belum dilaksanakan bagi tahun 2021 dan 2022 adalah seperti berikut:

TAHUN	RCA TELAH DILAKSANAKAN	RCA BELUM DILAKSANAKAN
2021	12	6
2022	34	4

5.2.3 Mortality & Morbidity

Bilangan pembentangan kes M&M mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN PEMBENTANGAN
2021	3
2022	3

5.2.4 MALAYSIA PATIENT SAFETY GOALS

INFECTION PREVENTION & CONTROL	KPI 1 : Hand Hygiene Compliance Rate TARGET : $\geq 75\%$ compliance rate at each audit ACTUAL : 72.24%
	KPI 2 : Rate of Catheter Associated Bloodstream Infection (CABSI) (i.e Number of CABSI per 100 admissions) TARGET : ≤ 0.5 per 100 admissions ACTUAL : This was not perform in 2022
SURGICAL SAFETY "SAFE SURGERY SAVES LIVE"	KPI 3 : Number of "Wrong Surgeries Performed" TARGET : Zero ACTUAL : 0
	KPI 4 : Number of "Unintended Retained Surgical Item" (URSI) TARGET : Zero ACTUAL : 1
MEDICATION SAFETY "MEDICATION WITHOUT HARM"	KPI 5 : Number of Medication Error Leading to Severe Harm or Death TARGET : Zero Case ACTUAL : 1
TRANSFUSION SAFETY	KPI 6 : Number of Actual Incorrect Blood Component Transfused (IBCT) TARGET : Zero Case ACTUAL : 1
PATIENT FALL PREVENTION	KPI 7 : Rate of Patient Fall TARGET <ul style="list-style-type: none"> • INPATIENT : ≤ 5 per 1,000 patient - day • OUTPATIENT : $\leq 5\%$ ACTUAL <ul style="list-style-type: none"> • INPATIENT : 0.79 • OUTPATIENT / CLINIC : 0.012%
CORRECT PATIENT IDENTIFICATION	KPI 8 : Number of Incident Caused by Wrong Patient Identification (Detected Through Incident Reporting & Investigating) TARGET : Zero Case ACTUAL : 3
INCIDENT REPORTING REPORTING & LEARNING SYSTEM	KPI 9 : Implementation of Patient Safety Incident Reporting and Learning System TARGET : SYSTEM IMPLEMENTED ACTUAL : url : incident.UiTM.edu.my

5.2.5 Credentialing & Privileging

5.2.5.1 Bilangan mesyuarat yang telah dijalankan

PERKARA	BILANGAN	TARIKH
Mesyuarat Jawatankuasa C&P HASA, UiTM (Induk)	3	- 17 Feb 2022
		- 1 Ogos 2022
		- 7 Sept 2022
Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal C&P (Pengamal Perubatan)	4	- 10 Jan 2022
		- 28 Mac 2022
		- 30 Mei 2022
		- 23 Sept 2022
Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal C&P (Sokongan Klinikal)	2	- 13 Apr 2022
		- 29 Jun 2022

5.2.5.2 Bilangan permohonan yang telah diluluskan

KATEGORI PEMOHON	BILANGAN PERMOHONAN YANG TELAH DILULUSKAN PADA TAHUN 2022
Pengamal Perubatan	275
Sokongan Klinikal	89
Jumlah	364

5.2.6 MDAC

Jumlah bilangan mesyuarat MDAC yang telah dijalankan sepanjang tempoh tiga tahun bermula 2020, 2021 dan 2022.

TAHUN	BILANGAN MESYUARAT
2022	4
2021	9
2020	3
Jumlah	16

5.2.7 Audit Dalaman

5.2.7.1 Jumlah bilangan audit dalaman yang telah diaudit adalah seperti berikut:

CYCLE	SIRI	TARIKH	BILANGAN YANG TELAH DIAUDIT
1	01	28 Mac 2022 – 31 Mac 2022	6
	02	17 Mei 2022 – 20 Mei 2022	13
	03	20 Jun 2022 – 27 Jun 2022	10
	04	06 Jul 2022	4
Jumlah			33

5.2.7.2 Jumlah standard yang telah diaudit: 48 standard

RATING	KUANTITI
4	22
3	20
2	2
1	1
TIADA RATING	3

5.2.8 Dokumen Rasmi

Jumlah pengurusan semakan dokumen hospital bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:

PERKARA	JUMLAH
Polisi	60
Manual	22
Prosedur	280
Arahan Kerja	496
Borang	154
Senarai Semak	117
List	14 (CDL)
Format	24 (CDL)
Jadual	4 (CDL)

5.2.9 Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Bengkel KIK telah diadakan sebanyak tujuh siri:


Bengkel KIK bersama Pakar Rujuk KIK	<p>7 SIRI:</p> <p>1) SIRI 01: 14 Apr 2022</p> <p>2) SIRI 02: 30 Mei 2022</p> <p>3) SIRI 03: 15 Jun 2022</p> <p>4) SIRI 04: 20 Jul 2022</p> <p>5) SIRI 05: 24 Ogos 2022 – 25 Ogos 2022</p> <p>6) SIRI 06: 02 Sept 2022</p> <p>7) SIRI 07: 05 Sept 2022</p>
--	---

Berikut adalah senarai pemenang KIK bagi setiap kategori:


KATEGORI	NAMA KUMPULAN	NAMA PROJEK	ANUGERAH
PEMENANG ANUGERAH KONVENSYEN KIK ZON TENGAH 2022	Beethoven Project	Beethoven Light	<ul style="list-style-type: none"> - Pencapaian Emas - Anugerah KIK Primer Terbaik Inovasi Pengurusan (Penciptaan) - Anugerah KIK Primer Terbaik Inovasi Pengurusan Keseluruhan
	Bosom Buddies	Bosom Buddies Nipple Marker	<ul style="list-style-type: none"> - Pengiktirafan Emas - Anugerah KIK Primer Terbaik Inovasi Pengurusan (Penambahbaikan)
	Hixie	Aplikasi Telefon Pintar Untuk Memuat Naik Dokumen Ke <i>Health Information System</i> (HIS)	<ul style="list-style-type: none"> - Pengiktirafan Emas - Anugerah Kumpulan Inovasi Kreatif Berpotensi
	Neoterist	Mempercepatkan Pengesahan Jumlah Penggunaan Kain Kasa Semasa Pembedahan	<ul style="list-style-type: none"> - Pengiktirafan Emas
PEMENANG KONVENSYEN KIK PERINGKAT UiTM MALAYSIA 2022 (17 Okt 2022 – 18 Okt 2022)	Beethoven	Beethoven Light	<ul style="list-style-type: none"> - Anugerah Pengiktirafan Perak - Naib Johan Poster Terbaik
	Bosom Buddies	Bosom Buddies Nipple Marker	<ul style="list-style-type: none"> - Anugerah Pengiktirafan Perak - Johan Poster Terbaik - Anugerah Pembentangan Wanita Terbaik - Anugerah Penjimatan Kos Sebenar
	Hixie	Aplikasi Telefon Pintar Untuk Memuat Naik Dokumen Ke <i>Health Information System</i> (HIS)	<ul style="list-style-type: none"> - Anugerah Pengiktirafan Perak - Anugerah Persembahan Terbaik - Saguhati Poster Terbaik
	Neoterist	Mempercepatkan Pengesahan Jumlah Penggunaan Kain Kasa Semasa Pembedahan	<ul style="list-style-type: none"> - Anugerah Pengiktirafan Perak - Saguhati Poster Terbaik - Anugerah KIK Primer Terbaik Inovasi Pengurusan Kategori Penciptaan

5.2.10 Kajian Kepuasan Pelanggan / Pesakit

Kajian kepuasan pelanggan bagi pesakit luar adalah seperti berikut:



Kajian kepuasan pelanggan bagi pesakit wad adalah seperti berikut:



5.2.11 Kajian Budaya Keselamatan Pesakit

Tinjauan hospital mengenai budaya keselamatan pesakit telah dilakukan oleh Jabatan Peningkatan Kualiti dan Keselamatan Pesakit dalam kalangan kakitangan di Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM, bermula pada 1 November sehingga 15 Disember 2022. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menilai persepsi dan sikap kakitangan mengenai keselamatan pesakit, supaya tindakan penambahbaikan dapat dijalankan. Seramai 301 orang kakitangan telah terlibat dalam kajian ini dan didapati bahawa secara keseluruhan peratusan tindak balas positif adalah sebanyak 62%, lebih rendah berbanding 70% yang diperhatikan di hospital serata dunia yang melaksanakan kajian yang sama.

5.2.12 KPI Hospital Yang Dipantau Oleh Jabatan Kualiti

Satu sistem dalam talian bagi memantau KPI di setiap jabatan telah dibangunkan oleh QIPS dengan kerjasama Jabatan Infostruktur. Bengkel *User Acceptance Test* telah dijalankan pada 19 - 20 Januari 2022 kepada semua *liaison officer* KPI dari setiap jabatan dan unit di HASA. Satu sesi verifikasi pelaporan data KPI bagi tujuan latihan dan semakan data KPI juga telah dijalankan pada 15 - 25 Ogos 2022. Sejak sistem ini diperkenalkan, sebanyak 186 KPI telah dipantau melalui sistem ini.

5.2.13 Audit Klinikal

Bengkel Audit Klinikal telah berlangsung pada 10/05/2022 yang bertempat di Auditorium 01, Aras 02, HASA. Bengkel Audit Klinikal ini dijalankan bersama seorang panel jemputan iaitu Dr. Faizah bt. Muhamad Zin, Ketua Penolong Pengarah Kanan dan disertai sebanyak 23 penyertaan. Berikut merupakan senarai jabatan yang telah menyertai Bengkel Klinikal Audit berserta topik yang dipilih.

JABATAN	TOPIK AUDIT KLINIKAL
Nephrology	<i>A Study of the Time for Inpatient Planned for HD Reaching in HD Unit</i>
Emergency Medicine	<i>Percentage of Inappropriate Triaging (Under Triaging): Category Noncritical Patient Who Should Have Been Triaged as Category Critical</i>
Forensic	<i>An Audit of Forensic Response Time Upon Notification of Death in HASA</i>
Plastic and Reconstructive Surgery	<i>Study of the Reasons for Patient-Related Operating List Cancellations</i>
General Surgery	<i>Compliance with Filing up Post-on Data in OT System as Part of SSSL Standards</i>
Clinical Diagnostic Laboratories	<i>Sample Rejection Rate</i>
Clinical Psychology	<i>Waiting Time for Clinical Psychology Clinic</i>
Radiology	<i>Standards of Mammography Images Based on PGMI Classification in HASA</i>
Otorhinolaryngology - Head and Neck Surgery	<i>Management of Otitis Media with Effusion in Children</i>
Ophthalmology	<i>Audit of Patient's Waiting Time in the Ophthalmology Outpatient Clinic</i>
Primary Care Medicine	<i>Clinical Audit on the Appropriateness of Antibiotic Prescription in Primary Care</i>
Anesthesiology and Critical Care	<i>Audit on Compliance to Central Venous Catheter (CVC) and Ventilator Care Bundle</i>
Orthopedic and Traumatology	<i>The Postoperative Infection Area in Orthopedic Department HASA</i>
Internal Medicine	<i>The Use of Urinary Catheters: Documentation and Appropriateness in Medical Wards</i>
Obstetrics & Gynecology	<i>Audit on the Decision to Deliver an Interval of Emergency Cesarean Section</i> <i>Waiting Time in O&G Clinic</i> <i>Audit of Documentation in Antenatal Outpatient</i>
Lactation Unit	<i>Audit on Use of Breast Milk Substitutes Among Newborn</i>
Pediatric	<i>Salbutamol Preparation in the Pediatric Wards</i>
Infection Prevention and Control Unit	<i>1.Hand Hygiene Audit</i> <i>2.Environmental Audit</i> <i>3.Point Prevalence Survey (PPS) on Healthcare - Associated Infections (HAI)</i>
Psychiatry	<i>Clinical Audit on Admission Into Psychiatric Ward</i>
Rehabilitation Medicine	<i>Compliance to First Outpatients' Therapy Appointment Given Within Two Weeks</i>
OSH	<i>Occupational Safety and Health Culture Change Among HASA Staff</i>
Nursing	<i>Staff Compliance Towards Nursing Care Plan Implementation During Patient Stay in Hospital</i>
Dietetic	<i>Implementation of Nutrition Diagnosis in Dietetic Care Notes i n Medical Nutrition Therapy Practice</i>

6. AKTIVITI JABATAN

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	LOKASI
1.	MSQH <i>Internal Audit Workshop Series 01/2022</i>	09 Feb 2022	Auditorium 02, Aras 02, HASA
2.	Lawatan Penanda Aras Kualiti 01/2022	08 Mac 2022	Pusat Perubatan Sunway, Bandar Sunway
3.	Lawatan Penanda Aras Kualiti 02/2022	24 Mac 2022	Hospital Sungai Buloh
4.	Klinik MSQH	08 Apr 2022 – 22 Jul 2022	Pelbagai ruangan bilik di HASA
5.	Bengkel Pemurnian Standard 1, MSQH Edisi Ke-6	20 Apr 2022	Bilik Persidangan Utama, Aras 10, HASA
6.	Bengkel Audit Klinikal	10 Mei 2022	Auditorium 01, Aras 02, HASA
7.	MSQH <i>Internal Audit Workshop Series 02/2022</i>	13 Mei 2022	Bilik Mesyuarat, Perpustakaan Tun Abdul Razak, Aras 03, HASA
8.	Lawatan Penanda Aras Kualiti 03/2022	18 Mei 2022	Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur
9.	<i>Centralised Online Training Hospital Accreditation Program 6th Edition 2022</i>	26 Mei 2022 – 27 Mei 2022	Dalam talian di Pejabat Jabatan QIPS dan Jabatan Infrastruktur
10.	MSQH <i>Internal Audit Workshop Series 03/2022</i>	09 Jun 2022	Auditorium 02, Aras 02, HASA
11.	Bengkel Pengurusan Risiko Klinikal dan Bukan Klinikal	30 Jun 2022	Auditorium 02, Aras 02, HASA
12.	Bengkel Pemurnian Polisi Pengurusan Kod Warna (Pengurusan Bencana)	14 Jul 2022	Bilik Persidangan 02, Aras 02, HASA
13.	Konvensyen KIK Peringkat UiTM Zon Tengah – Saringan	01 Ogos 2022	Dalam talian
14.	<i>MSQH Self Rating Program</i>	01 Sept 2022 – 30 Sept 2022	Melibatkan semua jabatan dan unit
15.	Konvensyen KIK Peringkat UiTM Zon Tengah – Akhir	05 Sept 2022 – 07 Sept 2022	Dalam talian di Bilik Persidangan Utama, Aras 10, HASA
16.	Minggu Keselamatan Pesakit Sedunia & Minggu Farmasi Sedunia	27 Sept 2022 – 30 Sept 2022	Auditorium 1, Auditorium 2, Bilik Persidangan 1 & 2, Ruang Legar Aras 2 dan Anjung Zam Zam.
17.	Lawatan Penanda Aras Kualiti 04/2022	11 Okt 2022	Auditorium 02 dan Lawatan ke seluruh HASA
18.	Lawatan Penanda Aras oleh Hospital Pengajar Universiti Zainal Abidin	20 Okt 2022	Auditorium 02 dan Lawatan ke seluruh HASA
19.	Konvensyen KIK Peringkat UiTM Malaysia – Akhir	17 Okt 2022 -18 Okt 2022	UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar
20.	<i>MSQH Training Package 1 (Total Service Standard Determination for MSQH Accreditation)</i>	17 Nov 2022	Auditorium 02, Aras 02, HASA
21.	Bengkel KIK bersama Pakar Rujuk KIK	14 Apr 2022 - 05 Sept 2022 (7 Siri)	Bilik Persidangan, HASA
22.	<i>Hospital Survey on Patient Safety Culture</i>	01 Nov 2022 – 15 Dis 2022	Kajian
23.	Kajian Kepuasan Pesakit	01 Dis 2022 – 31 Dis 2022	Kajian
24.	Bengkel Penggunaan Open-KM	21 Dis 2022	Makmal Komputer, Perpustakaan Abdul Razak, Aras 03, HASA

GALERI AKTIVITI



7. PERANCANGAN JABATAN

BIL.	PERANCANGAN	TUJUAN	JANGKAAN
1.	Program Sanggar Kerja HASA Tahun 2022	Untuk menyemak semula pencapaian prestasi hospital dalam pelbagai komponen seperti pengurusan risiko, kajian kepuasan pelanggan, prestasi KPI, prestasi objektif jabatan, prestasi audit dalaman, isu-isu dalaman dan luaran, aduan pelanggan dan pematuhan terhadap perkhidmatan.	Januari 2023
2.	<i>Medico Legal Seminar</i>	Untuk mendidik pengamal profesional perubatan pengetahuan tentang undang-undang yang membolehkan mereka menguruskan dilema etika dan undang-undang di dalam hospital.	Januari 2023
3.	MSQH Mock Survey dari Jabatan Kesihatan Negeri Selangor	Untuk menyemak semula keberkesanan pelaksanaan prosedur berdasarkan tinjauan sebenar, menilai kesiediaan dan pematuhan organisasi terhadap piawaian dan peraturan kualiti bagi mengenal pasti bahagian yang bermasalah untuk penambahbaikan dan memastikan perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi.	Februari 2023
4.	Konvensyen Audit Klinikal	Untuk menghimpunkan pakar dan profesional dalam bidang penjagaan kesihatan untuk bertukar-tukar pengetahuan, amalan terbaik dan inovasi dalam pengauditan klinikal dengan matlamat untuk meningkatkan standard penjagaan dan menggalakkan peningkatan kualiti berterusan dalam penjagaan kesihatan.	Februari 2023
5.	Klinik MSQH	Untuk menilai dan menjamin keselamatan dan kualiti perkhidmatan perubatan dan penjagaan yang disampaikan adalah 'patient-centered care' dalam persekitaran klinik.	Sepanjang Tahun 2023
6.	Bengkel Pemurnian Polisi Antara Jabatan (Polisi Antara Jabatan)	Digunakan sebagai platform untuk mencapai kata persetujuan antara jabatan di mana suatu dokumen seperti SOP, polisi, arahan kerja menepati kandungan dokumen yang memberi keperluan kepada semua jabatan.	Mei 2023
7.	Bengkel KPI	Untuk memantapkan pengetahuan tentang KPI, tujuan KPI dijalankan, cara mengumpul KPI dan cara menilai semula KPI.	Jun 2023
8.	Bengkel Audit Klinikal	Memberi pengetahuan berkenaan dgn definisi audit klinikal, kaedah yang digunakan dalam audit klinikal, mengetahui tujuan audit klinikal dan juga membuat penambahbaikan dari segi keselamatan pesakit.	Julai 2023
9.	Bengkel pemurnian Polisi Antara Jabatan (Polisi Antara Jabatan)	Digunakan sebagai platform untuk mencapai kata persetujuan antara jabatan di mana suatu dokumen seperti SOP, polisi, arahan kerja menepati kandungan dokumen yang memberi keperluan kepada semua jabatan.	Jun 2023
10.	Audit Dalaman MSQH	Untuk kesiapsiagaan bagi setiap jabatan dalam menepati keperluan MSQH.	Julai ke Ogos 2023
11.	Penghantaran Bukti ke MSQH	Untuk menyediakan Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) dalam keadaan bersedia dan adalah satu keperluan daripada MSQH ke arah akreditasi MSQH.	September 2023
12.	<i>MSQH Accreditation Survey Day</i>	Untuk mencapai akreditasi MSQH.	14-16 November 2023
13.	Bengkel Root Cause Analysis (RCA)	Untuk memberi pengetahuan kepada pihak yang terlibat tentang, kepentingan dan cara pengendalian RCA.	Julai 2023
14.	<i>Audit Key Performance Indicator (KPI)</i>	Untuk mengesahkan data data KPI yang telah dikeluarkan oleh setiap jabatan.	21 & 22 Ogos 2023
15.	<i>Patient Safety Day</i>	Untuk memberi kesedaran mengenai keselamatan pesakit kepada staff dan juga orang awam.	September 2023
16.	<i>Two Patient Identifier Audit Training</i>	Untuk mendidik profesional penjagaan kesihatan tentang kepentingan menggunakan dua pengecam pesakit untuk mencegah kesilapan dalam pengenalan identiti pesakit, meningkatkan keselamatan pesakit, dan menggalakkan ketepatan dokumentasi dan proses penjagaan kesihatan.	Mei 2023

Jabatan Penyelidikan, Jaringan Industri dan Inovasi



1. LATAR BELAKANG

Jabatan Penyelidikan, Jaringan Industri & Inovasi (PJI) komited di dalam memperkukuh budaya penyelidikan dan inovasi serta memperkembangkan jaringan Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM. Budaya penyelidikan hendaklah diperkasakan bagi meningkatkan kualiti penjagaan kesihatan dan membolehkan HASA, UiTM menjadi hospital terulung yang menjadikan aspek penyelidikan, inovasi dan rangkaian industri selain dari salah satu teras di dalam memastikan perkhidmatan rawatan kesihatan yang berkesan dan cemerlang.

Pada masa yang sama, HASA, UiTM juga percaya di dalam pemerkasaan pendidikan melalui budaya membaca dan perpustakaan (PTAR) serta pelbagai program Pusat Pengalaman Klinikal yang komited terhadap usaha tersebut.

Akhirnya, PJI juga terlibat di dalam pengurusan dan pentadbiran *Cardiovascular and Lung Research Institute (CaVaLRI)* UiTM serta 2 unit ujian percubaan klinikal iaitu HASA, UiTM *Bioequivalence Centre (BE Centre)* dan *Centre For Translational Research and Epidemiology (CenTRE)*. PJI beroperasi dari hari Isnin hingga Jumaat iaitu pada 8.00 pagi hingga 5.00 petang dan tutup pada hari Sabtu, Ahad dan Cuti Umum.

Pejabat Jabatan Penyelidikan, Jaringan Industri dan Inovasi terletak di Aras 5, Hospital Al-Sultan Abdullah, Universiti Teknologi Mara, 42300 Bandar Puncak Alam, Selangor Darul Ehsan.

2. OBJEKTIF JABATAN

Menjadi pusat penyelidikan klinikal utama yang terkenal dan dihormati di peringkat global.



Menjuarai penyelidikan avant-garde tercanggih di hospital.



3. SKOP PERKHIDMATAN

3.1 PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Pengurusan Penyelidikan

- Mengkoordinasi dan memantau projek penyelidikan, hebahan serta promosi (geran umum, FRGS, LRGS, Dana Kecemerlangan DCEG, Geran Kementerian, Geran Antarabangsa).
- Menggalakkan kakitangan hospital untuk terlibat di dalam aktiviti penyelidikan terutamanya yang berprofil tinggi.
- Mengkoordinasi serta menggerakkan penglibatan kakitangan hospital menyertai bengkel-bengkel berkaitan penyelidikan.

Pengurusan Geran Penyelidikan

- Pengurusan permohonan geran penyelidikan HASA, UiTM.
- Pengurusan borang-borang kewangan geran penyelidikan HASA, UiTM.
- Pengurusan pelantikan RA/GRA geran penyelidikan HASA, UiTM.
- Pengurusan pemantauan geran penyelidikan HASA, UiTM.

3.2 PENTADBIRAN & JARINGAN INDUSTRI

Pengurusan Sumber Manusia

- Pengurusan berkaitan staf (cuti, LNPT, SKT, pengesahan perkhidmatan).
- Pengurusan myPortfolio bagi semua staf di dalam jabatan.
- Pengurusan kemaskini maklumat staf jabatan.
- Pengurusan Anggaran Belanja Mengurus (ABM) bagi perjawatan setiap tahun.

Pengurusan Kewangan Jabatan

- Pengurusan dokumen tuntutan kewangan berkaitan dengan penganjuran program dan sebagainya.
- Pengurusan perolehan peralatan pejabat.
- Pengurusan inventori stok alat tulis jabatan.

Pengurusan Kompetensi

- Pengurusan orientasi kepada staf baru di jabatan.
- Pengurusan perancangan latihan staf di jabatan.
- Penyediaan jadual latihan tahunan setiap staf di jabatan.

Pentadbiran Am

- Pengurusan fail jabatan.
- Pengurusan dokumentasi jabatan.
- Pengurusan dan pengendalian mesyuarat.
- Pengurusan informasi jabatan dalam laman sesawang hospital.
- Pengurusan pengemaskinian maklumat jabatan.

Jaringan Industri

- Pengurusan & Pengendalian berkaitan Jaringan Industri bersama industri luar.
- Pengurusan dokumentasi antara HASA, UiTM & industri luar.
- Pengurusan Majlis Pertukaran/Menandatangani dokumen perjanjian antara HASA, UiTM & industri luar.

3.3 PUSAT PENYELIDIKAN

HASA, UiTM *Bioequivalence Centre* (BE Centre)

- Menjalankan aktiviti penyelidikan dan percubaan klinikal terutamanya di dalam Fasa 1 *bioequivalence* dan *bioavailability*.
- Bekerjasama dengan organisasi penyelidikan lain di dalam dan luar negara bagi memantapkan ekosistem penyelidikan negara.
- Memberi konsultasi/nasihat/rujukan dalam urusan penyelidikan klinikal fasa *bioequivalence* dan *bioavailability*.
- Memantau proses kawalan kualiti data penyelidikan, keselamatan pesakit dan kalibrasi aset/peralatan.
- Menguruskan dan menyediakan latihan berkaitan penyelidikan klinikal.

Centre for Translational Research and Epidemiology (CentRE)

- Memberi konsultasi/nasihat/rujukan dalam urusan penyelidikan klinikal.
- Menyelaraskan dan memantau aktiviti penyelidikan klinikal.
- Memantau proses kawalan kualiti data penyelidikan, keselamatan pesakit dan kalibrasi aset/peralatan.
- Menguruskan dan menyediakan latihan berkaitan penyelidikan klinikal dan epidemiologi.
- Menjalin hubungan dan kerjasama dengan institusi berkaitan penyelidikan dalam dan luar negara.

3.4 CLINICAL EXPERIENCE CENTRE

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)

- Pengurusan perpustakaan HASA, UiTM termasuk sistem arkib.
- Menguruskan perancangan, perolehan dan pembangunan perpustakaan.
- Perkhidmatan perpustakaan termasuk *digital library* kepada semua kakitangan, pelajar dan juga pelawat.

Clinical Simulation Centre

- Berfungsi sebagai pusat pengajaran dan pembelajaran klinikal untuk pelajar perubatan HASA, UiTM belajar serta berlatih dalam persekitaran yang selamat.
- Memberi manfaat kepada pelajar perubatan di HASA serta berfungsi sebagai tempat untuk melaksanakan *Bedside Teaching* (BST), *Focused Skills Station* (FSS), simulasi untuk disiplin perubatan, pembedahan dan juga trauma.
- Menjadi tempat penganjuran latihan/kursus/program/mesyuarat/aktiviti perubatan di HASA, UiTM.

Galeri Perubatan

- Memberi pendedahan umum mengenai perubatan & teknologi yang digunakan kepada para pengunjung, kakitangan dan juga pelajar di HASA, UiTM.
- Sebagai platform kepada jabatan klinikal yang berada di HASA, UiTM bagi mempamer dan memberi informasi berkenaan fungsi serta kepakaran yang ada di setiap jabatan klinikal.
- Menjadi salah satu tarikan bagi para pelawat HASA, UiTM menambah ilmu pengetahuan berkaitan perubatan.

Clinical Examination Centre

- Pengurusan tempahan ruang bagi bilik dan Wad Peperiksaan.
- Menyediakan ruangan dan persediaan bagi peperiksaan untuk dijalankan di CEC.
- Penyediaan fasiliti peperiksaan yang selesa dan kondusif kepada pihak pengguna (pensyarah/pelajar perubatan).
- Memastikan keselamatan dari segi penggunaan ruang, peralatan dan fasiliti di CEC.
- Menjalankan proses perolehan bagi peralatan di CEC.

3.5 CARDIAC, VASCULAR AND LUNG RESEARCH INSTITUTE (CaVaLRI)

- Pengurusan penyediaan data dan pelaporan untuk *Higher Institution Centres of Excellence* (HICoE) *Instrument*.
- Pengurusan penyediaan data dan laporan MyRA.
- Pengurusan penyediaan dokumen untuk Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE).
- Pengurusan penyediaan data maklumat institusi ke Sistem Pengumpulan Data Universiti Awam (UA) dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) (MyMoheS).
- Pengurusan penyediaan pelaporan Pencapaian KPI dan PI bulanan di Sistem UEPMO.

4. PENCAPAIAN, ANUGERAH & INOVASI

Bil.	Pencapaian / Anugerah	Tarikh Terima	Peringkat
1.	<i>Cardiac, Vascular and Lung Research Institute (CaVaLRI) - Anugerah Insentif Kecemerlangan PI Pemberat 4 2022, Kategori PI066 : Total Amount of Research Grants : International Funded</i>	11 Feb 2022	UiTM
2.	<i>Cardiac, Vascular and Lung Research Institute (CaVaLRI) - Sijil Pencapaian Skor i-UiTM 2022</i>	11 Feb 2022	UiTM
3.	Pemenang tempat ke-3 perbarisan sempena Maulidur Rasul (kerjasama antara Jabatan Penyelidikan, Jaringan Industri & Inovasi (PJI), <i>Occupational Safety & Health (OSH), Infection Control (IC), Obstetrik & Ginekologi (O&G) & Pediatrik</i>).	10 Nov 2022	HASA, UiTM

5. STATISTIK JABATAN

5.1 Statistik Perjawatan

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan
1.	Ketua Jabatan	DU56	1
2.	Pegawai Perubatan	UD52	1
3.	Pustakawan Kanan	S44	1
4.	Penolong Pendaftar	N41	1
5.	Pustakawan	S41	1
6.	Pegawai Sains	C41	3
7.	Pegawai Eksekutif	N29	1
8.	Jururawat	U29	1
9.	Pembantu Tadbir	N19	5
10.	Pembantu Tadbir (Kontrak)	N19	1
11.	Pembantu Tadbir (PSH)	N19	1
JUMLAH			17

5.2 Statistik Perkhidmatan

Bil.	Bahagian / Unit	Perkara	Jumlah
1.	Penyelidikan dan Inovasi	Permohonan Penyelidikan	30
2.	Jaringan Industri	Memorandum Persefahaman yang dimeterai	12
3.	Pusat Penyelidikan	Penyelidikan dijalankan di <i>Centre for Translational Research and Epidemiology (CentRE)</i>	8
4.	Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)	Statistik Bilangan Pengunjung Fizikal Perpustakaan	15,848
		Statistik Bilangan Pinjaman Bahan Perpustakaan	1,132
		Jumlah Sesi Konsultasi Penyelidikan & Rujukan Perpustakaan	132
		Pameran Perpustakaan	3

6. AKTIVITI & PROGRAM JABATAN

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1.	Bengkel Strategik HUiTM	24-25 Mac 2022	Auditorium 1, HASA, UiTM
2.	Lawatan to Hematogenix Lab	14 Jun 2022	Cyberjaya
3.	Lawatan daripada EUREKA Robotics Centre, Cardiff Metropolitan University	22 Jun 2022	HASA, UiTM
4.	Lawatan ke CRW Hospital Ampang	21 Jul 2022	CRW Hospital Ampang
5.	Lawatan dari Awantec ke Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM	23 Ogos 2022	HASA, UiTM
6.	Lawatan ReNeU, UiTM ke Cardiac Vascular and Lung Research Institute (CaVaLRI)	23 Ogos 2022	Bilik Persidangan Utama, HASA, UiTM
7.	Majlis Pelancaran Hab Teknologi Kesihatan & Pertukaran Memorandum antara UiTM dan MRANTI bagi Pembangunan "Sandbox" Kesihatan	2 Sept 2022	HASA, UiTM
8.	Latihan Persediaan Akreditasi HUiTM <i>Bioequivalence Centre</i>	26 Sept 2022	Pusat Perubatan UiTM, Kampus Sungai Buloh
9.	Lawatan dan Mesyuarat bersama MedAds & HASA, UiTM	26 Sept 2022	HASA, UiTM
10.	Lawatan rasmi delegasi UiTM ke Erasmus University Medical Center, Rotterdam Belanda dan Havana University, Republik Cuba	25 Sept – 5 Okt 2022	Erasmus University Medical Center, Rotterdam Belanda dan Havana University, Republik Cuba
11.	CRM Trial Connect 2022	14-15 Okt 2022	Pullman KLCC
12.	Lawatan daripada Universiti Putra Malaysia, UPM	2 Nov 2022	HASA, UiTM
13.	Lawatan daripada Universitas Negeri Malang, Indonesia	4 Nov 2022	HASA, UiTM
14.	Majlis Menandatangani MoU antara UiTM & syarikat-syarikat agensi	22 Nov 2022	Auditorium 2, HASA, UiTM
15.	Perancangan Strategik PTAR	14-15 Nov 2022	PTAR 1, Shah Alam
16.	Lawatan daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS)	24 Nov 2022	HASA, UiTM
17.	Lawatan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), Pengarah IMR dan barisan tertinggi IMR	8 Dis 2022	HASA, UiTM

GALERI AKTIVITI





7. PERANCANGAN DAN HALA TUJU JABATAN

Berusaha keras untuk mewujudkan pusat penyelidikan klinikal utama yang terkenal dan dihormati di peringkat global dan menjuarai penyelidikan *avant-garde* di hospital.



Memantapkan persediaan akreditasi *Bioequivalence Centre* sebagai pusat penyelidikan *First in Human Study*.



Pejabat Polis Bantuan



1. LATAR BELAKANG

Nama Pejabat Polis Bantuan dijenamakan semula daripada Bahagian Keselamatan bermula pada tahun 2011 setelah permohonan kelulusan penubuhan Polis Bantuan oleh PDRM diluluskan. Mulai 1 Ogos 2011, Pentadbiran Polis Bantuan diletakkan di bawah Naib Canselor dan dikenali sebagai Ibu Pejabat Polis Bantuan UiTM. bagi kampus-kampus negeri pula diletakkan di bawah Rektor. Manakala Pejabat Polis Bantuan Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM diletakkan di bawah Pejabat Pengarah.

Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM telah siap dibina dan mula beroperasi pada 1 April 2021 secara berperingkat. Seramai 10 orang anggota Polis Bantuan, tiga orang berpangkat Sarjan, dan tujuh orang anggota yang terdiri daripada lain-lain pangkat serta 20 orang anggota keselamatan pada tahun 2022. Kini, jumlah keseluruhan kekuatan anggota termasuk pegawai ialah seramai 72 orang.

Fungsi dan peranan Polis Bantuan UiTM masih sama namun skop tugas dan bidang kuasa telah diperluaskan dengan mempunyai kuasa-kuasa Polis.

Pejabat Polis Bantuan UiTM telah diberi tanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan keselamatan persekitaran kampus dan bangunan semenjak penubuhan pada tahun 1974, dan telah mengalami pelbagai perubahan selaras dengan perkembangan universiti yang terdiri daripada pelbagai aspek antaranya:

- i. Mewujudkan dan memelihara **suasana yang ideal**, tenteram dan aman di kawasan persekitaran hospital.
- ii. Perkhidmatan kawalan **keselamatan dan harta benda**.
- iii. Penguatkuasaan **lalu lintas**.
- iv. **Siasatan dan risikan** jenayah serta pengoperasian pentadbiran.
- v. **Menjalinkan hubungan baik dan kerjasama** dengan jabatan luar seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan lain-lain agensi kerajaan dan swasta.
- vi. Memberikan perkhidmatan yang **profesional, berintegriti dan akauntabiliti**.
- vii. **Rondaan** mengikut Aras bangunan hospital dan **melaksanakan sistem** aliran trafik yang lebih berkesan.

LOKASI JABATAN/UNIT

Pejabat Polis Bantuan kini beroperasi sepenuhnya di Aras 1, bangunan Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM Puncak Alam.

WAKTU OPERASI

Waktu operasi perkhidmatan bermula jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang dengan waktu rehat 1.00 tengah hari hingga 2.00 petang dan waktu rehat hari Jumaat pada jam 12.15 tengah hari hingga 2.45 petang. Waktu pengoperasi kawalan keselamatan adalah 24 jam setiap hari dan dibahagikan mengikut sistem giliran syif yang telah ditetapkan.

2. OBJEKTIF JABATAN

Memastikan anggota keselamatan yang bersiap siaga dan kompeten.



Menguatkuasakan undang-undang dan peraturan terhadap warga universiti secara berhemah dan proaktif.



Melaksanakan kawalan keselamatan yang sistematik dan berterusan.



Menyediakan urusan perkhidmatan keselamatan berteraskan penggunaan teknologi.



3. SKOP PERKHIDMATAN

Pejabat Polis Bantuan berfungsi 24 jam sehari untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab bagi memastikan operasi perkhidmatan keselamatan perlindungan berjalan dengan lancar.



3.1

PENGURUSAN PENTADBIRAN AM DAN SUMBER MANUSIA

Pentadbiran Operasi
Pentadbiran Master Roster
Pentadbiran Roster Harian
Pentadbiran Pelaporan Operasi
Pentadbiran Disiplin Anggota Syif.
Pentadbiran Kawalan Tatatertib Staf PB



3.2

PENGURUSAN LOGISTIK

Pengurusan Pembelian
Pengurusan Bekalan Pakaian Seragam
Pengurusan Peralatan Pejabat/Operasi
Pengurusan Aksesori Pakaian Seragam
Pengurusan Rekod Logistik
Pengurusan Simpanan Stok Barang-barang Logistik
Pengurusan Penerimaan Barang



3.3

PENGURUSAN OPERASI

Operasi Berkala
Pengurusan Bencana
Tapisan Individu yang Memasuki Kampus.
Pemeriksaan Kenderaan Keluar Masuk Kampus
Penguatkuasaan Peraturan yang Berkuatkuasa Dalam Kampus
Rondaan



3.4

PENGURUSAN LALULINTAS

Kawalan Trafik dan parkir sekitar Kawasan Hospital Al-Sultan Abdullah
Pengurusan Saman Trafik
Pengurusan Statistik
Kawalan Keselamatan Aktiviti Kampus
Pengurusan Aktiviti Kampus
Tugas Iringan Trafik/Keselamatan



3.5

PENGURUSAN SIASATAN & RISIKAN

Pengendalian Aduan
Pengendalian siasatan kes ancaman nyawa
Pengendalian Pencegahan Dadah
Pengendalian Pemeriksaan Suspek
Pengurusan Rekod Siasatan
Tugas Intipan dan Risikan
Pengurusan Pas Keselamatan Pekerja Kontrak

4. PENCAPAIAN ANUGERAH & INOVASI

Bil.	Pencapaian/Anugerah	Tarikh Terima	Peringkat
1.	Anugerah Insan iDART HASA Bulan Ogos 2022 Haryati Abdul Hapid Pengawal Keselamatan KP11	15 Sept 2022	HASA



5. STATISTIK JABATAN

5.1 Statistik Perjawatan

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan
1.	Pegawai Keselamatan Kanan	KP44	1
2.	Penolong Pegawai Keselamatan Kanan	KP32	1
3.	Penolong Pegawai Keselamatan	KP29	1
4.	Pembantu Tadbir Perkeranian	N19	1
5.	Pembantu Keselamatan	KP19	3
6.	Pengawal Keselamatan Kanan	KP14	3
7.	Pengawal Keselamatan	KP11	62
Jumlah			72

5.2 Statistik Perkhidmatan


5.2.1 Laporan Pengeluaran Pelekat UiTM Tahun 2022 bagi Kategori Staf UiTM



5.2.2 Laporan Perkhidmatan Lalu lintas

Statistik Perkhidmatan Lalu lintas

Kod	Kes kejadian perkhidmatan	Bulan												
		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jum.
Kategori staf														
1.	Saman lalu lintas	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	Kereta dikunci	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	Slip peringatan	0	1	0	0	0	0	1	1	8	1	0	0	12
Kategori pelajar														
2.	Saman lalu lintas	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	Kereta dikunci	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	Slip peringatan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Kategori pelawat														
3.	Saman lalu lintas	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	Kereta dikunci	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	Slip peringatan	0	0	1	1	0	0	0	6	8	5	1	2	24
Kemalangan jalan raya														
4.	Kereta	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	Motosikal	0	0	1	1	0	0	0	0	0	1	1	0	4
	Jumlah besar	0	1	2	2	0	0	1	7	16	7	2	2	40



5.2.3 Laporan Statistik Siasatan

Statistik Kes Kejadian Seksyen Risikan & Siasatan

Kod	Kes Kejadian / Perkhidmatan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sept	Okt	Nov	Dis	Jum.
1. Kes kehilangan / kecurian	Harta UiTM	0	0	0	1	1	0	0	1	2	1	0	1	7
	Harta persendirian	0	0	0	0	0	1	1	2	1	2	2	0	9
	Motosikal	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	Kereta	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
2. Kes jenayah seksual	Gangguan seksual	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	1	2
	Rogol/ hemoseksual/ khalwat	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
3. Kes jenayah vandalisme	Harta UiTM	1	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	2
	Harta persendirian	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	1
4. Penyalahgunaan dadah	Heroin ganja	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	Dadah moden	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
5. Kebakaran	Sabotaj	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	Masalah teknikal	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
6. Kes jenayah kekerasan	Pergaduhan orang awam	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	Pergaduhan staf	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
7. Kes pencerobohan	Pecah pagar	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	Pecah pejabat	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
8. Kes tangkapan	Salah laku	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	3
	Kecurian	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0	0	2
	Dadah	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
9. Barang yang diterima	Barang dijumpai	6	3	3	1	0	1	2	4	14	3	7	5	49
	Barang persendirian diserahkan	3	2	3	1	0	1	0	1	9	3	6	4	33
	Barang kes diserahkan	0	0	1	2	0	0	0	1	2	1	0	0	7
10. Lain-lain kes	Risalah hasutan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	Tersangkut lif	2	0	0	1	0	0	0	0	1	0	0	0	4
Jumlah Keseluruhan kes		14	5	8	7	2	3	3	9	30	11	15	12	119

6. AKTIVITI & PROGRAM JABATAN

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	LOKASI
1.	TOT Khidmat Pelanggan	23-23 Feb 2022	ILD Bandar Enstek
2.	TOT Jurulatih Kawad	6-13 Mac 2022	ILD Kg Gajah Perak
3.	Kursus Gangguan Seksual	21-22 Jun 2022	ILD Bandar Enstek
4.	Kursus <i>Cardiopulmonary Resuscitation</i> (CPR)	26 Mei 2022	Auditorium 1, HASA
5.	Kursus Asas Keselamatan Siri 1/2022	14-19 Jun 2022	ILD KG Gajah Perak
6.	Kursus Asas Keselamatan Siri 2/2022	19-24 Jul 2022	ILD Kg Gajah Perak
7.	Kursus Kebakaran Siri 1/2022	8 Jun 2022	Auditorium 1, HASA
8.	Kursus Kebakaran Siri 2/2022	13 Jun 2022	Auditorium 1, HASA
9.	Kursus Kebakaran Siri 3/2022	15/ Jun 2022	Auditorium 1, HASA
10.	Kursus Kebakaran Siri 4/2022	22 Jun 2022	Auditorium 1, HASA
11.	Kursus Pertolongan Cemas/CPR	8 Sept 2022	Auditorium 1, HASA
12.	Kursus Kompetensi dan Fungsi Skim KP Gred KP29 Ke Atas	27– 30 Dis 2022	ILD Bandar Enstek Nilai Negeri Sembilan.

GALERI AKTIVITI





7. PERANCANGAN DAN HALA TUJU JABATAN

Memantapkan sistem keselamatan yang berkualiti, cekap dan berkesan, telus dan mesra pelanggan berdasarkan nilai-nilai murni bagi menjamin keselamatan warga Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM.



Memastikan semua anggota keselamatan Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM menjalani Latihan Fizikal Kursus Asas di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) sebelum dilantik menjadi Polis Bantuan.



Memberi perkhidmatan kepolisan dan keselamatan perlindungan dengan cekap dan berhemah serta meningkatkan tahap keselamatan pada setiap masa dan menguatkuasakan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Pengurusan Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM serta Perintah Tetap Ketua Polis Negara (A501) demi menjaga nyawa dan harta benda UiTM.



Meningkatkan kemahiran dan keyakinan Polis Bantuan/ Keselamatan. Berdasarkan keadaan persekitaran semasa, Anggota Polis Bantuan/ keselamatan memerlukan pelbagai kemahiran terutamanya seni mempertahankan diri.



Pejabat Undang-Undang



1. LATAR BELAKANG

Pejabat Undang-Undang Hospital Al-Sultan Abdullah Universiti Teknologi MARA (HASA) komited dalam menguruskan semua hal ehwal perundangan dan menyampaikan perkhidmatan perundangan yang berkualiti tinggi kepada pelanggan-pelanggannya dengan menitikberatkan prinsip-prinsip yang berikut:

Amalan kerja yang beretika, efisien, berintegriti dan profesional.

Bersikap adil dan tanpa takut atau berat sebelah.

Melindungi kepentingan HASA mengikut undang-undang Malaysia.

Melaksanakan inisiatif bagi membantu kerajaan untuk membuat pembaharuan kepada undang-undang mengenai yang menyentuh aspek pembangunan pendidikan dan perubatan.

Fungsi Pejabat Undang-Undang

Pejabat Undang-Undang HASA bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugas berikut:

i. Gubalan dan semakan dokumen perundangan

Menyemak dan menyediakan dokumen undang-undang termasuk hal ehwal pentadbiran, pengurusan, akademik, penyelidikan dan komersial HASA seperti:

- Memorandum Perjanjian
- Memorandum Persefahaman
- Memorandum Kolaborasi
- Kontrak Perkhidmatan
- Perjanjian Kerahsiaan
- Surat Niat
- Pekeliling, dasar, peraturan dan garis panduan

ii. Konsultasi perundangan

Memberi perkhidmatan konsultasi perundangan dalam aktiviti, operasi dan hal ehwal tadbir urus HASA termasuk hal ehwal *medico legal*, pentadbiran Perjanjian Konsesi, perbendaharaan, governan, pentadbiran pagi, pengurusan sumber manusia, projek pembangunan (konvensional dan PFI) dan pengurusan fasiliti bagi memastikan prosedur dan perundangan yang betul dipatuhi.

iii. Tuntutan dan litigasi

Memastikan tuntutan dan kes litigasi terhadap UiTM dan HASA dikendalikan dengan teratur bagi memastikan kepentingan perundangan UiTM dan HASA sentiasa terpelihara.

iv. Perlindungan insurans perubatan

Memastikan HASA mempunyai perlindungan insurans kecuai perubatan untuk melindungi kepentingan HASA ke atas sebarang tuntutan dan kes litigasi.

Lokasi Jabatan/Unit:

Pejabat Undang-Undang, Aras 10,
Hospital Al-Sultan Abdullah Universiti Teknologi MARA
42300 Bandar Puncak Alam
Selangor

Waktu Operasi: 8.00 pagi-5.00 petang

2. OBJEKTIF KUALITI JABATAN

Menyediakan perkhidmatan perundangan kepada HASA selaras dengan peruntukan dan undang-undang negara dengan mengambil kira dasar kerajaan dan kepentingan awam.



Kecemerlangan

Mengamalkan kualiti piawai dalam yang standard bagi memenuhi keperluan dan jangkaan pemegang taruh.



Sinergi

Bekerjasama rapat untuk memaksimumkan produktiviti yang memberi manfaat kepada industri dan masyarakat.



Integriti

Memupuk nilai kejujuran, hormat dan ketelusan untuk mencapai standard profesionalisme yang tinggi.

3. SKOP PERKHIDMATAN

Menggubal dan menyemak dokumen perundangan yang dikemukakan merangkumi semua hal ehwal tadbir urus dan operasi hospital.



Menguruskan semua hal-hal berkaitan tuntutan dan litigasi.



Menyediakan perkhidmatan konsultasi perundangan dalam semua hal ehwal tadbir urus dan operasi hospital.



Menguruskan hal ehwal perlindungan insurans kecuaiian perubatan (*medical malpractice*).



4. STATISTIK JABATAN

4.1 Statistik Perjawatan

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan
1.	Pegawai Undang-undang	L41	1
2.	Pegawai Eksekutif	N29	1
3.	Pembantu Tadbir	N19	1

4.2 Statistik Perkhidmatan

Perkhidmatan Konsultansi Perundangan 2022

Bil.	Perkhidmatan	Jumlah
1.	Memorandum Persefahaman / Memorandum Perjanjian (MoA/MoU)	12
2.	Kerjasama / Kolaborasi Agensi Luar	6
3.	Kerjasama / Kolaborasi Agensi Dalam	4

5. AKTIVITI & PROGRAM JABATAN

5.1 Bengkel

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1.	Bengkel Migrasi Data MoU/MoA Pra-NILAMs Anjuran Pejabat Penasihat Undang-undang, UiTM Shah Alam	12 – 14 Ogos 2022	Hotel Mudzaffar, MITC, Ayer Keroh, Melaka

5.2 Senarai Dokumen Perundangan di Bawah Semakan/Seliaan/Tanggungjawab Pejabat Undang-Undang HASA

Bil.	Senarai Dokumen
1.	Memorandum Perjanjian di antara UiTM dan Pusat Darah Negara (pembekalan darah)
2.	Memorandum Perjanjian di antara UiTM dan UPSC (perkhidmatan perubatan)
3.	Memorandum Perjanjian di antara UiTM dan Pusat Rehabilitasi PERKESO (rawatan pencarum di Hospital UiTM)
4.	Memorandum Persefahaman di antara UiTM dan MedAds Media Sdn Bhd
5.	Perjanjian Kerahsiaan di antara Fuller Young International Limited dan UiTM
6.	Perjanjian Kemudahan Caj Rawatan Perubatan di antara UiTM dan Corporate Line (M) Sdn Bhd
7.	Memorandum Persefahaman di antara UiTM dan Aman Palestin Berhad
8.	Perjanjian Kemudahan Caj Rawatan Perubatan Antara Hospital UiTM dan Puncak Alam Housing Sdn. Bhd.
9.	Memorandum Kolaborasi di antara Hospital UiTM dan Awantec Systems Sdn Bhd
10.	Surat Tawaran Program Affin 360 (Affin Bank) di Hospital UiTM
11.	<i>Clinical Trial Agreement</i> di antara Hospital UiTM dan Tech Observer India Pvt. Ltd bagi pihak of Glaxosmithkline Pharmaceuticals Sdn Bhd
12.	<i>Clinical Study Agreement</i> di antara Astrazeneca Sdn Bhd dan Hospital UiTM
13.	Surat Pelantikan: <i>Letter of Appointment as Provider to Administer Screening Procedure for Selangor Cancer Program</i>
14.	Memorandum Persefahaman di antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Hospital UiTM
15.	Perjanjian <i>Cashless Awareness Programme</i> di antara Hospital UiTM dan Paynet Sdn Bhd
16.	Surat Niat di antara Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Hospital UiTM berhubung latihan industri pelajar di Hospital UiTM
17.	Penyediaan Templat Perjanjian Kemudahan Caj Rawatan Perubatan Hospital UiTM
18.	Penambahbaikan Pekeliling Latihan Kepakaran Hospital UiTM
19.	<i>Data Sharing Agreement</i> di antara Hospital UiTM dan <i>City Cancer Challenge Foundation</i>
20.	Perjanjian Penyelidikan di antara Hospital UiTM, Lunit Inc. dan Integrated Medical System Sdn. Bhd.
21.	Memorandum Persefahaman di antara Hospital UiTM dan Info Kinetics Sdn. Bhd.
22.	Semakan Dokumen Piagam Pelanggan dan Hak dan Tanggungjawab Pesakit Hospital Al-Sultan Abdullah

GALERI AKTIVITI



6. PERANCANGAN DAN HALA TUJU JABATAN




Taklimat kepada staf mengenai tatacara pengurusan Memorandum Perjanjian, Memorandum Persefahaman dan lain-lain dokumen perundangan di UiTM.



Taklimat kepada staf mengenai aspek perundangan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan.



Taklimat kepada staf mengenai hak pesakit dan keluarga.





3.0

**Perkhidmatan
Klinikal**

Jabatan Perubatan



1. LATAR BELAKANG

Jabatan Perubatan, Hospital Al-Sultan Abdullah merupakan kesinambungan kepada Jabatan Perubatan, Fakulti Perubatan, UiTM yang tertubuh semenjak pengasasan Fakulti Perubatan pada tahun 2002. Pengoperasian Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM (HASA, UiTM) pada tahun 2021 telah berkembang pesat Jabatan Perubatan, yang membolehkan pengajaran akademik diterjemahkan ke perkhidmatan klinikal dan penjagaan kesihatan terkini - sejajar dengan visi HASA, UiTM untuk menjadi sebuah pusat penjagaan kesihatan akademik terkemuka dunia.

Proses pengajaran dan pembelajaran sentiasa giat dijalankan melibatkan pelbagai peringkat seperti siswazah, pascasiswazah bagi Perubatan Am dan juga subkepakaran. Di samping itu, Jabatan Perubatan, juga turut menerima pelajar latihan sangkutan termasuk daripada kepakaran lain seperti Perubatan Am, Jabatan Pemulihan, Fakulti Sains Kesihatan dan juga daripada universiti lain dari dalam dan luar negara. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran lain seperti Perkongsian Pendidikan Perubatan dan Kejururawatan Berterusan juga giat dijalankan termasuk Kelab Jurnal, Persidangan Radiologi, Persidangan Histopatologi, *Grand Ward Rounds* dan lain-lain.

Seterusnya, Jabatan Perubatan, HASA, UiTM pada tahun 2022 juga turut memperlihatkan peningkatan aktiviti penyelidikan melalui ujian klinikal dan juga pembentangan poster-poster akademik dan penerbitan di dalam jurnal-jurnal saintifik.

Dari segi tadbir urus, selain perkhidmatan Perubatan Am, Jabatan Perubatan juga terbahagi kepada 12 unit berikut:

- Dermatologi
- Endokrinologi
- Gastroenterologi dan Hepatologi
- Geriatrik
- Hematologi
- Kardiologi
- Nefrologi
- Neurologi
- Paliatif
- Penyakit berjangkit
- Respiratori
- Rheumatologi

Jabatan Perubatan, secara amnya memanfaatkan infrastruktur-infrastruktur berikut di HASA, UiTM Puncak Alam dan Pusat Pakar Perubatan UiTM, Sungai Buloh:

- Klinik Pakar Perubatan
- Wad 8C
- Wad 8D
- Wad 9A
- Unit Rawatan Rapi (ICU)
- Unit Rawatan Harian
- Wad 1 (Pusat Pakar Perubatan UiTM)
- Wad Pemulihan Jantung (Pusat Pakar Perubatan UiTM)
- Unit Rawatan Rapi (ICU – Pusat Pakar Perubatan UiTM)



Di samping itu, unit-unit di Jabatan Perubatan juga turut memanfaatkan fasiliti-fasiliti berikut berdasarkan kepakaran masing-masing:

- | | |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • <i>Invasive Cardiac Laboratory</i> • <i>Non-invasive Cardiac Laboratory</i> • Unit Endoskopi • <i>Sleep Study Laboratory</i> | <ul style="list-style-type: none"> • <i>Respiratory Laboratory</i> • <i>Diabetic Education Resource Centre</i> • Unit Dialisis • Makmal Neurosains (<i>Neurodiagnostic Testing</i>) |
|---|---|

2. OBJEKTIF KUALITI JABATAN

Memperbaiki kualiti perkhidmatan rawatan perubatan secara berterusan dengan menganjurkan audit, semakan dan Mesyuarat *Morbidity & Mortality* serta membuat penilaian bagi kes-kes mortaliti yang berlaku dalam masa 24 jam kemasukan di hospital.



Memastikan peratusan mortaliti kes denggi yang dimasukkan ke hospital berada pada paras 0%.



Memberikan perkhidmatan secara menyeluruh dan lengkap kepada pesakit-pesakit yang dimasukkan dengan memastikan tiada kes-kes kemasukan semula pesakit ke hospital dalam masa 72 jam selepas Discaj.





3. SKOP PERKHIDMATAN

3.1 Rawatan pesakit dalam

3.2 Konsultasi dan rawatan pesakit luar

3.3 Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh (PPBP)

3.4 Endoskopi Unit Gastroenterologi dan Hepatologi

- OGDS
- Colonoscopy
- Deep enteroscopy
- Endoscopic Ultrasound
- Endoscopic Retrograde Cholangiopancreatography (ERCP)
- Transient elastography (Fibroscan)
- Manometry and pH Impedance

3.5 Endoskopi Unit Respiratori

- Bronkoskopi
- Pleurosokopi
- Endobronchial Ultrasound (EBUS)

3.6 Makmal Respiratori (*Respiratory Laboratory*)

- Spirometri
- Full lung function test
- Impulse Oscillometry (IOS)

3.7 Makmal Tidur (*Sleep Study Laboratory*)

- Polysomnography
- CPAP/BIPAP titration
- Multiple sleep latency (MSLT) test

3.8 Paliatif – rawatan ke rumah (*home visit*)

3.9 Rawatan dialisis dan *peritoneal dialysis*

3.10 Pemindahan organ (Transplan) - (buah pinggang - *living related renal transplant*)

3.11 Perkhidmatan baharu yang diwujudkan pada tahun 2022

- *Memory clinic* (Unit Geriatrik)
- *Interventional Endoscopic Ultrasound* (Unit Gastroenterologi dan Hepatologi)

4. PENCAPAIAN, ANUGERAH DAN INOVASI

Unit	Bil.	Pencapaian/ Anugerah	Tarikh Terima	Peringkat
Unit Respiratori	1.	<i>Asia Pacific Society of Respirology Pulmonary Circulation Assembly Education Award (Dr. Aisya Natasya Musa)</i>	18 Nov 2022	Antarabangsa
Unit Gastroenterologi dan Hepatologi	1.	Geran Penyelidikan Antarabangsa <i>Observational Single Arm, Prospective Study to Evaluate the Effectiveness of Legalon in Addition to Diet and Exercise in Reducing Plasma Levels of Liver Enzymes in Patients with Non-alcoholic Fatty Liver Disease and Concomitant Metabolic Syndrome</i>	2022-2023	Antarabangsa
	2.	Geran Penyelidikan Industri <i>The Effect of Heated Tobacco Products on the Gut Microbiome</i>	2022-2023	Antarabangsa
5.1 Statistik Perjawatan


Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan
1.	Pakar Ortopedik	DU56	3
2.	Pakar Ortopedik	DU54	4
3.	Pakar Ortopedik	DU51	4
4.	Pegawai Perubatan	UD51	1
5.	Pegawai Perubatan	UD43	5
6.	Penolong Pegawai Perubatan	U29	3
7.	Ketua Jururawat	U32	1
8.	Jururawat	U29	28
9.	Pembantu Perawatan Kesihatan	U11	5
10.	Kerani (Kontrak)	U19	1
Jumlah			55

5.2 Statistik Perkhidmatan

5.2.1 Jumlah Kehadiran Pesakit Luar Klinik Pakar Jabatan Pembedahan Ortopedik dan Traumatologi, HASA (Januari – Disember, 2022)



5,844
PESAKIT LUAR




5.2.2 Jumlah Kemasukan Pesakit Dalam di Wad Jabatan Pembedahan Ortopedik dan Traumatologi, HASA (Januari – Disember, 2022)



459

PESAKIT DALAM




5.2.3 Jumlah Pembedahan di Dewan Bedah Utama bagi Jabatan Pembedahan Ortopedik dan Traumatologi, HASA (Januari – Disember, 2022)



310

PEMBEDAHAN




5.2.4 Jumlah Pembedahan di Dewan Bedah Harian bagi Jabatan Pembedahan Ortopedik dan Traumatologi, HASA (Januari – Disember, 2022)



168

PEMBEDAHAN



6. AKTIVITI DAN PROGRAM JABATAN

Bil.	Aktiviti/ Program	Tarikh	Lokasi
1.	Sambutan Hari Raya Aidilfitri di HASA	27 Mei 2022	Bilik Persidangan, HASA
2.	Sambutan Hari Raya Aidilfitri di PPUiTM	3 Jun 2022	Fakulti Perubatan UiTM, Sg. Buloh
3.	Program Bengkel Motivasi dan Bina Insan Pelajar Tahun 3 Fakulti Perubatan UiTM	12-13 Ogos 2022	Auditorium, HASA
4.	Career Fair, Faculty of Medicine UiTM Open Day	23 Nov 2022	Fakulti Perubatan UiTM, Sg. Buloh
5.	UiTM Intermediate Trauma Course (UITC) 2022	17-18 Dis 2022	Auditorium dan di Bilik Persidangan, HASA

GALERI AKTIVITI





7. PERANCANGAN DAN HALA TUJU JABATAN

Mengadakan *grand ward round* setiap hari Jumaat pagi.



Mewujudkan sistem 'mentor-mentee' antara Pakar dan Pegawai Perubatan untuk kemudahan di dalam perkhidmatan klinikal dan akademik.

Mengadakan 'CME' untuk Pegawai Perubatan dan Jururawat serta staf Jabatan setiap dua minggu pada hari Rabu petang.



Menganjurkan Kursus Asas Trauma Ortopedik untuk Pegawai Perubatan *junior* dan berselang-seli setiap tahun Kursus Trauma Ortopedik Pertengahan untuk Pegawai Perubatan lebih *senior*.

Mengadakan CME daripada rakan kongsi produk perubatan / kompeni yang ingin berkongsi maklumat tentang produk terbaru di pasaran.



Berkolaborasi dengan syarikat pembekal implan melalui program 'smart partnership' dalam penganjuran Kursus Kadaver Pembedahan Artroskopi dan gentian sendi lutut (*arthroplasty*).

Berkolaborasi dengan Jabatan Kecemasan untuk mengadakan Bengkel POP untuk Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan dan Jururawat.



Mendapat status akreditasi penuh daripada MSQH pada tahun 2024.

Jabatan Oftalmologi



1. LATAR BELAKANG

Jabatan Oftalmologi merupakan jabatan di bawah perkhidmatan klinikal yang ditubuhkan pada tahun 2004 bertempat di PPUiTM Sungai Buloh. Jabatan Oftalmologi telah mula beroperasi di Hospital UiTM Puncak Alam pada tahun 2021. Jabatan ini dikelola oleh enam pensyarah dan tiga pegawai perubatan dengan sokongan daripada pegawai optometri dan jururawat terlatih.

Jabatan Oftalmologi menjadi pusat tumpuan penyelidikan dan inovasi selari dengan perkhidmatan klinikal serta pembedahan

dan komitmen pengajaran. Jabatan ini telah memenangi pelbagai anugerah termasuk Gold Award untuk inovasi seperti 'One Minute Ophthalmology' dan 'Red Alert: EYE-some Escape Room'.

Jabatan Oftalmologi memberi fokus kepada perkhidmatan klinikal yang beroperasi di Aras 2, Klinik Pakar Oftalmologi & Otolaringologi, HASA, UiTM Puncak Alam. Waktu operasi Jabatan Oftalmologi adalah dari pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang pada setiap hari Isnin hingga Jumaat.

2. OBJEKTIF KUALITI JABATAN

Memastikan >90% dari pesakit tanpa komorbiditi mata yang menjalani pembedahan katarak mendapat tahap penglihatan 6/12 atau lebih baik dalam tempoh tiga bulan selepas tarikh pembedahan.



Pencapaian jabatan bagi tahun 2022: 100% mendapat tahap penglihatan 6/12 atau lebih baik dalam tempoh tiga bulan selepas tarikh pembedahan.



Memastikan peratus kejadian endophthalmitis pasca-pembedahan katarak adalah <0.02%.



Pencapaian jabatan bagi tahun 2022: 0% endophthalmitis pasca-pembedahan katarak.



3. SKOP PERKHIDMATAN

3.1 Perkhidmatan Klinik Pakar Oftalmologi Umum

- Perkhidmatan klinik pesakit luar.
- Rawatan pesakit luar seperti laser & prosedur 'minor OT'.

3.2 Perkhidmatan Klinik Pakar Glaukoma

- Perkhidmatan klinik pesakit luar untuk pesakit glaukoma.
- Rawatan glaukoma pesakit luar seperti laser & prosedur 'minor OT'.

3.3 Perkhidmatan Klinik Optometri

- Perkhidmatan pesakit luar untuk saringan penyakit mata.
- Perkhidmatan refraksi.

3.4 Perkhidmatan Pembedahan di Dewan Pembedahan Harian

- Perkhidmatan pembedahan katarak dan pterygium.
- Perkhidmatan pembedahan glaukoma seperti pembedahan *trabeculectomy*.
- Perkhidmatan pembedahan untuk kes kecemasan mata.

4. PENCAPAIAN, ANUGERAH DAN INOVASI

Bil.	Pencapaian/ Anugerah	Tarikh Terima	Peringkat
1.	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2021 • En Iskandar Supardi	14 Sept 2022	Universiti
2.	Anugerah Insan iDART HASA Bulan Oktober 2022 • Pn Norhafni Razali • Pn Norshida Mohd Razi	23 Nov 2022	Universiti

5. STATISTIK JABATAN

5.1 Statistik Perjawatan

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan
1.	Pensyarah & Pakar Perunding Oftalmologi	VK7	1
2.	Pensyarah & Pakar Oftalmologi	DU54	3
3.	Pensyarah & Pakar Oftalmologi	DU51	1
4.	Pensyarah & Pakar Oftalmologi	DU51P	1
5.	Pensyarah Pelatih Oftalmologi	DU51P	1
6.	Pegawai Perubatan Oftalmologi	UD43	2
7.	Pegawai Optometri	U44	1
8.	Pegawai Optometri	U41	4
9.	Jururawat Terlatih	U32	1
10.	Jururawat Terlatih	U29	2
11.	Kerani	N19	1
12.	Pembantu Perawatan Kesihatan	U11	1
Jumlah			19

5.2 Statistik Perkhidmatan

BULAN/ FASILITI	PESAKIT DALAM	PESAKIT LUAR	JUMLAH
	HASA	HASA	
JAN	0	483	483
FEB	0	426	426
MAC	0	463	463
APR	0	502	502
MEI	0	423	423
JUN	1	522	523
JUL	1	508	509
OGOS	3	630	633
SEP	8	609	617
OKT	0	614	614
NOV	0	576	576
DIS	0	616	616
JUMLAH	13	6,372	6,385

6. AKTIVITI DAN PROGRAM JABATAN

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1.	Saringan Glaukoma Sempena <i>World Glaucoma Week 2022</i>	1-31 Mac 2022	Klinik Oftalmologi, HASA
2.	Pameran Glaukoma Sempena <i>World Glaucoma Week 2022</i>	1-31 Mac 2022	Lobi Pelawat, HASA
3.	<i>Glaucoma Virtual Run 2022</i>	1-31 Mac 2022	Dalam talian
4.	Saringan Mata Sempena Hari Bertemu Pelanggan HASA	7 Mac 2022	Auditorium, HASA
5.	Hebahan bertajuk 'Glaukoma: Pencuri Penglihatan Senyap' dalam rancangan Selamat pagi Malaysia	8 Mac 2022	Slot dalam Selamat pagi Malaysia, tv1
6.	Saringan Mata Sempena <i>World Glaucoma Week 2022</i>	8 Mac 2022	Wisma Berita, Angkasapuri
7.	<i>Webinar Glaukoma Live @ PTAR – Segmen Bicara Pakar</i>	9 Mac 2022	Dalam talian
8.	Saringan Mata Sempena Kejohanan Sukan Tahunan dan Sukaneka 2022 SKTBS	24 Julai 2022	Sekolah Kebangsaan Taman Bukit Subang
9.	Majlis Perpisahan Sempena Persaraan Prof. Madya Dr. Sushil Kumar Vasudevan	26 Sept 2022	Klinik Oftalmologi, HASA
10.	Saringan Mata Kanak-kanak	13 Okt 2022	SK Ijok
11.	Program Kesihatan - Saringan Mata	22 Okt 2022	Surau Nur As Sobirin, Bandar Tasik Puteri, Rawang
12.	Majlis Perpisahan Dr. Azlan Azha Musa	26 Okt 2022	Klinik Oftalmologi, HASA
13.	Saringan Mata Sempena <i>Career Day 2023</i>	23 Nov 2022	Lobi Bangunan Akademik, Fakulti Perubatan UiTM
14.	Seminar <i>Taking Flight with Retina Disease</i> bersama HAT Mizan	30 Nov 2022	Bilik Konferens, HASA

GALERI AKTIVITI



7. PERANCANGAN DAN HALA TUJU JABATAN

Jabatan Oftalmologi Hospital UiTM Puncak Alam bakal memulakan perkhidmatan Klinik Pakar *Medical Retina* pada tahun 2023. Perkhidmatan subkepakaran ini dapat memperkembangkan julat perkhidmatan yang diberikan oleh Klinik Oftalmologi.



Jabatan Oftalmologi juga merancang untuk memulakan program pascasiswazah untuk kepakaran Oftalmologi pada masa akan datang.

Jabatan Otorinolaringologi Pembedahan Kepala dan Leher



1. LATAR BELAKANG

Unit Otorhinolaringologi (ORL) UiTM ditubuhkan di Pusat Pakar Perubatan UiTM (PPUiTM), Sungai Buloh pada tahun 2008. Pada permulaannya Unit ORL adalah di bawah Rumpun Surgikal (*Surgical Cluster*) sebelum bertukar menjadi Jabatan ORL pada tahun 2018.

Rawatan pesakit luar ORL bermula pada tahun 2012 dan rawatan pesakit dalam bermula pada tahun 2016 di PPUiTM Sungai Buloh. Bermula 1 Jun 2021, perkhidmatan klinikal Jabatan ORL telah berpindah ke Hospital UiTM Puncak Alam.

Sempena pengoperasian di Hospital UiTM Puncak Alam pada tahun 2021, nama Jabatan ORL ini secara rasminya telah bertukar ke Jabatan *Otorhinolaryngology Head Neck Surgery* (ORL HNS) di mana ianya beroperasi di dua lokasi iaitu Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM, Puncak Alam dan Pusat Pakar Perubatan UiTM, Sungai Buloh. Klinik ORL HNS berada di Aras 2, HASA manakala Wad ORL HNS berada di Aras 8, HASA.

Sebagaimana dipraktikkan oleh semua jabatan ORL HNS di seluruh negara, bagi memenuhi keperluan rawatan ORL HNS yang lengkap diwujudkan pula dua unit lain iaitu Unit Audiologi dan Unit Terapi Pertuturan & Penelanan.

Bermula 1 Jun 2021, perkhidmatan klinikal Jabatan ORL-HNS telah berpindah ke Hospital UiTM Puncak Alam. Selain daripada menawarkan perkhidmatan kepakaran klinikal dalam bidang telinga, hidung dan tekak, jabatan ini juga menyediakan perkhidmatan subkepakaran dalam bidang barah kepala & leher (*Head Neck Oncology*), masalah suara & saluran pernafasan (*Laryngology*), masalah telinga (*Otology*) serta masalah keseimbangan & vertigo (*Vestibular*) di Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) Puncak Alam.



Unit Audiologi menyediakan perkhidmatan seperti di bawah :

- Ujian pendengaran dari bayi yang baru lahir, kanak-kanak hingga ke pesakit warga emas.
- Perkhidmatan penggunaan alat bantu dengar (*hearing aid*).
- Rehabilitasi intensif pendengaran bagi pesakit *Cochlear Implant*.
- Ujian-ujian khas untuk pesakit yang mempunyai masalah vertigo & keseimbangan.



Unit Terapi Pertuturan & Penelanan memberi perkhidmatan seperti di bawah :

- Merawat pesakit kanak-kanak hingga warga tua yang mempunyai masalah dalam bertutur.
- Memberikan rawatan rehabilitasi pertuturan yang intensif untuk pesakit *Cochlear Implant*.
- Merawat pesakit yang mempunyai masalah penelanan contohnya pesakit angin ahmar (*stroke*) yang dirujuk.

Waktu operasi bagi perkhidmatan ORL HNS pada waktu pejabat adalah seperti berikut:

Hari	Waktu	Klinik	Pembedahan
Isnin		Kes kecemasan	Kes elektif <i>major</i> di Dewan Bedah Tingkat 4 HASA
Selasa		<ul style="list-style-type: none"> • Kes umum ORL HNS • Kes Subkepakaran <i>Laryngology</i> • Klinik Subkepakaran <i>Head Neck Surgery</i> • <i>Functional Endoscopic Evaluation of Swallowing (FEES)</i> 	Kes kecemasan
Rabu	8.00 pagi - 5.00 petang	Kes kecemasan	Kes elektif <i>major</i> di Dewan Bedah Tingkat 4 HASA
Khamis		<ul style="list-style-type: none"> • Kes umum ORL HNS • Kes Subkepakaran <i>Otology</i> • Kes Vestibular & Masalah • Keseimbangan 	Kes kecemasan
Jumaat		<ul style="list-style-type: none"> • Kes kecemasan • Kes penilaian sebelum pembedahan (<i>Pre op assessment</i>) 	Kes elektif <i>minor</i> di Dewan Bedah Harian Tingkat 3 HASA (<i>daycare surgery</i>)

Jabatan ORL HNS menyediakan Perkhidmatan Rawatan Kecemasan 24 jam bagi kes-kes ORL HNS di HASA, Puncak Alam dan PPUiTM Sungai Buloh.

Waktu operasi pada waktu pejabat (8.00 pagi - 5.00 petang) bagi Unit Audiologi adalah seperti tertera di bawah:


Hari	pagi	petang
Isnin	<ul style="list-style-type: none"> • Janji temu ujian pendengaran kes rujukan ORL HNS • Janji temu ujian saringan pendengaran bayi (pesakit luar, rawatan susulan) 	Janji temu ujian saringan pendengaran bayi (pesakit luar, rawatan susulan)
Selasa	Janji temu ujian pendengaran kes rujukan ORL HNS	Janji temu ujian saringan pendengaran bayi (pesakit luar, rawatan susulan)
Rabu	Klinik Alat Bantuan Pendengaran/Rehabilitasi <ul style="list-style-type: none"> • Sesi Percubaan Alat Bantuan Pendengaran • Sesi Pemasangan Alat Bantuan Pendengaran 	Klinik Alat Bantuan Pendengaran/Rehabilitasi <ul style="list-style-type: none"> • Sesi <i>Fine-tuning/troubleshooting</i>/alat bantuan pendengaran (Janji temu susulan pemakaian alat bantuan pendengaran)
Khamis	Janji temu ujian pendengaran kes rujukan ORL HNS	Janji temu ujian saringan pendengaran bayi (pesakit luar, rawatan susulan)
Jumaat	<ul style="list-style-type: none"> • Ujian pendengaran untuk kes di Wad Rawatan Harian (<i>Auditory Brainstem Response under IV sedation</i>) • Janji temu ujian saringan pendengaran bayi (pesakit luar, rawatan susulan) 	Janji temu ujian saringan pendengaran bayi (pesakit luar, rawatan susulan)

2. OBJEKTIF KUALITI JABATAN

2.1 Perkhidmatan ORL HNS


- Memastikan 90% atau lebih pesakit Klinik ORL HNS berjumpa dengan doktor dalam masa 90 minit atau kurang dari tempoh tersebut.

Peratusan pesakit dengan masa menunggu kurang atau sama 90 minit untuk berjumpa doktor di Klinik Otorhinolaryngologi (ORL).



- Memastikan insiden pendarahan *primary* selepas pembedahan *tonsillectomy* (*primary post tonsillectomy bleed*) setiap bulan tidak melebihi 3%.

Kejadian pendarahan pasca tonsilektomi primer.



2.2 Perkhidmatan Unit Audiologi

- Memastikan 85% atau lebih kes rujukan baru mendapat janji temu dalam masa 45 hari dari tarikh rujukan diterima.
- Memastikan 90% atau lebih pesakit yang baru didiagnos ada masalah pendengaran menerima rawatan dalam masa lapan minggu.

KPI	Sasaran	Jan - Jun	Jul - Dis
Peratusan kes baru janji temu di Klinik Audiologi yang mempunyai rujukan dalam tempoh 45 hari	≥ 85% Setiap enam bulan	100%	100%
Peratusan pesakit menerima peruntukan alat bantuan pendengaran berikutan diagnosis kehilangan pendengaran dalam tempoh lapan minggu	≥ 90% Setiap enam bulan	100%	100%

2.2.1 Perkhidmatan Unit Terapi Pertuturan & Penelanan

- Memastikan 85% atau lebih kes rujukan baru pesakit luar menerima tarikh janji temu pertama mereka dalam masa 90 hari dari tarikh surat rujukan diterima.
- Memastikan 80% atau lebih pesakit berpuas hati dengan rawatan dan kaunseling yang diberikan.
- Memastikan 85% atau lebih kes rujukan pesakit dalam (pesakit wad) dilihat dalam tempoh tiga hari bekerja.

KPI	Sasaran	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Peratusan kes baru rujukan pesakit luar diberi janji temu dalam tempoh 90 hari (masa menunggu antara tarikh pesakit hadir untuk meminta janji temu dan janji temu awal diberikan dalam tempoh 90 hari)	≥ 85%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	91.67%	100%
Peratusan rujukan pesakit dalam memberi respon dalam masa tiga hari bekerja	≥ 85%	100%	100%	100%	100%	N/A	N/A	100%	100%	100%	100%

3. SKOP PERKHIDMATAN

Secara ringkas perkhidmatan kepakaran yang diberikan oleh Jabatan ORL HNS adalah seperti berikut.

- Perkhidmatan Klinik umum ORL HNS HASA
- Klinik Subkepakaran *Head Neck Surgery* (Bedah Kepala & Leher)
- Klinik Subkepakaran *Laryngology* (Peti Suara & Saluran Pernafasan)
- Klinik Rawatan Masalah Penelanan & *Functional Endoscopic Evaluation of Swallowing* (FEES)
- Klinik Subkepakaran *Otology*
- Klinik Vestibular & masalah Keseimbangan
- Rawatan Audiologi di Klinik Pesakit Luar ORL HNS HASA
- Rawatan Terapi Bahasa & Pertuturan di Klinik Pesakit Luar ORL HNS HASA
- Perkhidmatan Rawatan Kecemasan bagi kes-kes ORL HNS 24 jam di HASA, Puncak Alam & PPUiTM Sungai Buloh
- Rawatan Pesakit ORL HNS Dalam Wad HASA, Puncak Alam & PPUiTM Sungai Buloh
- Pembedahan Am
- Pembedahan Harian (*Daycare Surgery*)
- Perkhidmatan *Universal Newborn Hearing Screening*
- Perkhidmatan *Cochlear Implant*

4. PENCAPAIAN, ANUGERAH DAN INOVASI

Bil.	Pencapaian/Anugerah/Inovasi	Tarikh Terima	Peringkat
1.	Penerbitan artikel <i>Supraglottic schwannoma: Dilemma and Challenges in Management (Indian Journal of Otorhinolaryngology: Head & Neck Surgery)</i>	Jan 2022	Antarabangsa
2.	Pembentangan kertas kerja di <i>5th International Webinar on Physical Health, Nursing Care and COVID-19 Management</i> bertajuk: <i>Managing Vertigo in Different Age Groups in the Pandemic</i>	6 Mei 2022	Antarabangsa
3.	<i>1st place video poster presentation at 14th Malaysian International ORL-HNS Congress & 42nd Annual General Meeting of the MSO-HNS Poster</i> bertajuk: <i>Assessment of vestibulotoxicity of henna leaf (Lawsomnia inermis) in a rat animal model</i>	18 Jun 2022	Antarabangsa
4.	Penerbitan buku <i>Diagnosis & Treatment During Pregnancy & Lactation (Title: Laryngopharyngeal Reflux During Pregnancy & Lactation in the book ENT Diseases)</i>	Ogos 2022	Antarabangsa
5.	Pembentangan tiga kertas kerja dalam <i>British Laryngeal Association Cutting Edge Laryngology 2022</i>	22 - 23 Sept 2022	Antarabangsa
6.	Pembentangan empat kertas kerja di <i>23rd Islamic Medical Association of Malaysia Annual Scientific Conference 2022 Challenges in Healthcare Landscape: Reset, Refine & Reform</i>	8-9 Okt 2022	Kebangsaan
7.	<i>1st place Poster 23rd IMAM Annual Scientific Conference 2022</i>	9 Okt 2022	Kebangsaan
8.	<i>Gold Award, iidex 2022 Tyrap Unidirectional Spiral Knotless Suture</i>	7 Dis 2022	Kebangsaan
9.	<i>Silver Award, iidex 2022 Laryngeal Skate – Endolaryngeal Knot Suturing Made Easy</i>	Dis 2022	Kebangsaan
10.	Pakar jabatan menerima <i>fellowship Robotic Head Neck Surgery</i> dan <i>fellowship Head Neck Oncology</i> dari University Yonsei, Korea Selatan	31 Dis 2022	Antarabangsa

5. STATISTIK JABATAN

5.1 Statistik Perjawatan

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan
1.	Pakar ORL HNS & Profesor Fakulti Perubatan	VK7	1
2.	Pakar ORL HNS & Pensyarah Fakulti Perubatan	DU54	3
3.	Pakar Audiologi HUiTM	U41	1
4.	Pakar Terapi Pertuturan & Penelanan HUiTM	U41	1
5.	Pegawai Perubatan & Pensyarah Dalam Latihan	DU51	1
6.	Pegawai Perubatan HUiTM	UD47	1
7.	Pegawai Perubatan HUiTM	UD43	1
8.	Jururawat HUiTM	U29	3
Jumlah			12

5.2 Statistik perkhidmatan

BULAN/ FASILITI	PESAKIT DALAM		PESAKIT LUAR		JUMLAH
	HASA	HASA	HASA	HASA	
JAN	11		331		342
FEB	9		272		281
MAC	14		306		320
APR	11		313		324
MEI	16		336		352
JUN	21		237		258
JUL	16		305		321
OGOS	23		638		661
SEP	14		573		587
OKT	17		426		443
NOV	25		527		552
DIS	18		535		553
JUMLAH	195		4,799		4,994

6. AKTIVITI DAN PROGRAM JABATAN

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1.	<i>Endolaryngeal Knot Suturing: An Effectual Modified Technique in Laryngotracheal Surgery</i>	29 Jul 2022	Fakulti Perubatan UiTM Kampus Sungai Buloh
2.	<i>ORL UiTM Operative Information Integrated Consent Form Via QR Code</i>	29 Jul 2022	Fakulti Perubatan UiTM Kampus Sungai Buloh
3.	<i>Program Minggu Better Hearing and Speech: Early Intervention Matters 2022</i>	Okt 2022	Auditorium HASA
4.	<i>iidex 2022 - Tyrap Unidirectional Spiral Knot-less Suture</i>	Dis 2022	UiTM
5.	<i>iidex 2022 - Laryngeal Skate – Endolaryngeal Knot Suturing Made Easy</i>	Dis 2022	UiTM

GALERI AKTIVITI



7. PERANCANGAN DAN HALA TUJU JABATAN

Perancangan Jangka Masa Pendek



Meningkatkan penglibatan dalam komuniti setempat di sekitar HASA yang mempunyai banyak kilang dan syarikat. Melalui cara ini pekerja dan keluarga mereka boleh terlibat secara langsung. Kempen kesedaran berkenaan penyakit berdengkur (*Obstructive Sleep Apnoea / OSA*) akan dianjurkan selain penerangan berkenaan obesiti punca utama penyakit OSA berlaku dalam kalangan dewasa.

Ilmu kaedah gaya hidup sihat bagi mengatasi obesiti akan dikongsi dengan peserta melalui kerjasama dengan jabatan-jabatan lain seperti dietetik, fisioterapi rehabilitasi dan Perubatan Primer yang akan dijemput untuk bersama-sama menjayakan program komuniti yang dirancang.

Perancangan Jangka Masa Panjang



Jabatan ORL HNS bercadang untuk mewujudkan Pusat Kecemerlangan *Otorhinolaryngology, Head Neck Surgery* (CoE ORL HNS). Pembentangan kertas kerja telah dibuat pada bulan Mac 2021 dalam Mesyuarat MDAC peringkat fakulti dan hospital seterusnya diserahkan kepada pihak pentadbiran untuk dibawa ke Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) pada bulan Jun 2021. Jika mendapat kelulusan HUiTM akan menjadi Pusat *Voice Clinic* kedua dan *Upper Airway Surgery* ketiga di Malaysia selain menjadi Hospital Pengajar keempat di negara ini yang memberi perkhidmatan dan pengajaran dalam bidang *Cochlear Implant* serta *Head Neck Oncology & Surgery*.

Jabatan juga telah diluluskan di peringkat Senat UiTM dan kini dalam proses persediaan dokumen MQA bagi mewujudkan program sarjana baru di Fakulti Perubatan iaitu *Master in Otorhinolaryngology Head Neck Surgery*.

Jabatan Anestesiologi & Rawatan Intensif



1. LATAR BELAKANG

Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Rapi di Fakulti Perubatan, Universiti Teknologi MARA ialah jabatan dinamik dan inovatif yang komited untuk menyampaikan kecemerlangan dalam pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan klinikal.

Diketuai oleh Dr. Adlin Dasima Abdul Kadir, jabatan itu dianggotai oleh pasukan profesional yang berkelayakan tinggi, termasuk seorang profesor, enam orang pensyarah kanan, dan tujuh orang pensyarah, yang kesemuanya komited untuk memajukan bidang anestesiologi dan rawatan rapi.

Inisiatif penyelidikan jabatan itu bertujuan untuk memajukan pemahaman tentang anestesiologi dan perubatan rawatan rapi, yang membawa kepada pembangunan rawatan dan teknologi baharu yang meningkatkan hasil pesakit.

Jabatan ini menyediakan perkhidmatan klinikal di dua pusat utama iaitu Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM (HASA), Puncak Alam dan Pusat Pakar Perubatan UiTM (PPUiTM), Sungai Buloh.

Perkhidmatan klinikal ini menyediakan tahap penjagaan tertinggi kepada pesakit dan beroperasi seperti berikut:

Pembedahan Elektif	8.00 pagi – 5.00 petang
Pembedahan Kecemasan	24 jam
Rawatan Intensif	24 jam

2. OBJEKTIF JABATAN

Memberi perkhidmatan yang berkualiti dan cekap dalam bidang bius, rawatan rapi dan perkhidmatan yang berkaitan dengan bidang ini.



Meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar perubatan dan pesakit berkaitan bius dan peranan pakar bius/bius dalam rawatan perioperatif di bilik bedah dan Unit Rawatan Rapi.



Melaksanakan aktiviti saintifik dan klinikal untuk meningkatkan tahap pengetahuan akademik dan kemahiran kerja klinikal.



Meningkatkan kerja berpasukan dan hubungan baik antara kakitangan di jabatan dengan kakitangan dari jabatan yang berkenaan.





3. SKOP PERKHIDMATAN

Perkhidmatan Anestesia	Perkhidmatan Anestesia Am, Regional dan Setempat (termasuk perkhidmatan pembedahan robotik dan pemindahan buah pinggang)
	Perkhidmatan Anestesia Kardiorasik
Perkhidmatan Anestesia di luar Dewan Bedah	Klinik Anestesia
	Makmal Jantung Invasif (Makmal Intervensi Jantung)
	Perkhidmatan PBM
Perkhidmatan Rawatan Rapi dan Resusitasi	Unit Rawatan Rapi Am (GICU)
	Unit Rawatan Rapi Kardio (CICU)
	Terlibat dengan resusitasi pesakit kritikal di wad
	Pasukan Resusitasi untuk <i>Code Blue Hospital (CTC)</i>
Perkhidmatan Rawatan Sakit Akut	Perkhidmatan Sakit Akut (APS)
	Klinik Sakit Kronik

4. PENCAPAIAN, ANUGERAH DAN INOVASI

Bil.	Pencapaian/ Anugerah	Tarikh Terima	Peringkat
1.	<i>Spinal Epidural Positional Pillow (SEPP): Towards a correct, comfort and calm Experience (Gold Award in iidex 2022)</i>	2022	Kebangsaan
2.	<i>Spinal Epidural Positional Pillow (SEPP): Towards a correct, comfort and calm Experience (Gold Award in IMIC2022)</i>	2022	Kebangsaan
3.	<i>Project: in-Vivo Evaluation of an Innovative Surgical Device for Surgical Wound Management (Faculty of Medicine Research Grant (FMRG))</i>	2022	Kebangsaan
4.	<i>Preoperative Haemoglobin Optimisation: UiTM Make it Easy (Silver Award in iidex 2022)</i>	2022	Kebangsaan
5.	<i>ESP Block – A Novel Cardiothoracic Analgesia (Bronze Medal in IMIC2022)</i>	2022	Kebangsaan
6.	<i>Preoperative Haemoglobin Optimisation: UiTM Make it Easy (Silver Medal in IMIC2022)</i>	2022	Kebangsaan

5. STATISTIK JABATAN

5.1 Statistik Perjawatan


Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan
1.	Pakar Perubatan	VK6	1
		DU56	6
		DU54	6
		DU53	1
2.	Pegawai Perubatan Pakar	UD55	1
		UD47	2
3.	Pegawai Perubatan	UD43	14
		U29	4
4.	Penolong Pegawai Perubatan	U29	3
5.	Juruteknologi Makmal Perubatan	U29	3
6.	Kerani	N19	1
7.	Pembantu Perawatan Kesihatan	U11	1
Jumlah			40

5.2 Statistik Perkhidmatan


Statistik Dewan Bedah




1,758
PEMBEDAHAN



Statistik Wad Rawatan Intensif



Statistik Rawatan Sakit Akut




Statistik Pesakit Luar Anestesia dan Sakit Kronik HASA, Puncak Alam 2022



463

PESAKIT LUAR



6. AKTIVITI DAN PROGRAM JABATAN

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1.	<i>Acute Pain Service Workshop 1.0 2022</i>	27 Jan 2022	HASA
2.	<i>Advanced Life Support 1.0 2022</i>	23 – 24 Feb 2022	PPUiTM
3.	<i>MAnaestcritcare (UiTM) Phase 1 Drill Course 2022 – 1st session</i>	17 – 19 Feb 2022	PPUiTM
4.	<i>Airway Management Course 1.0 2022</i>	2 Mac 2022	Hybrid
5.	<i>Acute Pain Service Workshop 2.0 2022</i>	31 Mac 2022	HASA
6.	<i>Advanced Life Support 2.0 2022</i>	25 – 26 Mei 2022	PPUiTM
7.	<i>Airway Management Course 2.0 2022</i>	1 Jun 2022	Fakulti Perubatan, Sg. Buloh
8.	<i>Acute Pain Service Workshop 3.0 2022</i>	22 Jun 2022	HASA
9.	<i>MSA Pre- Conference Workshop: Transesophageal Echocardiography (Host)</i>	4 Ogos 2022	Fakulti Perubatan, Sg. Buloh
10.	<i>Airway Management Course 3.0 2022</i>	14 Sept 2022	Fakulti Perubatan, Sg. Buloh
11.	<i>Acute Pain Service Workshop 4.0 2022</i>	28 Sept 2022	HASA
12.	<i>National Anesthesia Day 2022 (National Level Celebration)</i>	16 – 17 Okt 2022	HASA

GALERI AKTIVITI



7. PERANCANGAN DAN HALA TUJU JABATAN

Membuka dan memberi perkhidmatan di materniti OT secara menyeluruh pada masa hadapan.



Menyediakan perkhidmatan klinikal yang berkualiti berdasarkan teknologi perubatan terkini dan dalam persekitaran kerja yang kondusif dan selamat.

Menyediakan perkhidmatan 'remote anaesthesia' yang melibatkan pemberian perkhidmatan di luar dewan bedah seperti di Pusat Rawatan Harian & Jabatan Radiologi yang memerlukan pembiusan am dan 'monitored anaesthesia care'.



Memberi perkhidmatan bius dan rawatan rapi kepada semua pesakit yang memerlukan dengan menggunakan kaedah yang sesuai, komprehensif dan mengutamakan keselamatan, profesionalisme dan kerja berpasukan dalam kalangan kakitangan dari jabatan klinikal dan makmal termasuk semua kakitangan perubatan yang terlibat dalam perkhidmatan Hospital UiTM.

Jabatan Pediatrik



1. LATAR BELAKANG

Jabatan Pediatrik merupakan salah satu jabatan klinikal yang beroperasi di Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM Puncak Alam. Jabatan Pediatrik pada awalnya telah memulakan operasi di Pusat Pakar Perubatan UiTM Sungai Buloh (PPUiTM) pada bulan Mac 2020 dan telah berpindah ke Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM Puncak Alam pada bulan Jun 2021.

Jabatan Pediatrik bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan rawatan kesihatan kepada golongan kanak-kanak seawal usia bayi sehingga remaja. Jabatan ini juga bekerjasama dengan jabatan-jabatan lain yang berkaitan bagi memastikan pesakit-pesakit mendapat rawatan terbaik secara menyeluruh.

2. OBJEKTIF JABATAN

Memastikan sekurang-kurangnya satu mesyuarat *morbidity* dan *mortality* dijalankan di dalam jabatan setiap dua bulan berserta laporan kes yang dibincangkan.



Memastikan 90% daripada bayi yang dilahirkan di HASA serta memiliki berat yang rendah antara 1000-1499 gram dapat hidup.



Memastikan pesakit pediatrik yang dimasukkan semula ke wad pediatrik tanpa dirancang dalam masa 48 jam selepas Discaj tidak melebihi 2%.



3. SKOP PERKHIDMATAN

Berikut merupakan senarai perkhidmatan yang terdapat di Jabatan Pediatrik:



Wad Pediatrik Am



Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU)



Unit Rawatan Rapi Kanak-kanak (PICU)



Klinik Pakar Kanak-kanak

Perkhidmatan Subkepakaran :

Perkembangan Kanak-kanak, Reumatologi, Respiratori, Endokrinologi, Neonatologi dan Penjagaan Intensif.



4. PENCAPAIAN, ANUGERAH DAN INOVASI

Bil.	Pencapaian/ Anugerah	Tarikh Terima	Peringkat
1.	Anugerah Insan iDART HASA Bulan September 2022 Dr. Abdul Salam bin Amir Hamzah Maju	Okt 2022	HASA


5. STATISTIK JABATAN

5.1 Statistik Perjawatan

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan
1.	Pensyarah Perubatan Pakar	DU 56	5
2.	Pensyarah Perubatan Pakar	DU 55	0
3.	Pensyarah Perubatan Pakar	DU 54	7
4.	Pensyarah Perubatan Pelatih	DU 51P	2
5.	Pegawai Perubatan	UD 47	1
6.	Pegawai Perubatan	UD 43	10
7.	Jururawat U41	U41	1
8.	Jururawat U32	U32	5
9.	Jururawat U29	U29	49
10.	Pembantu Perubatan (PICU & NICU)	U29	1
11.	Pembantu Perawatan Kesihatan	U11	14
JUMLAH			95

5.2 Statistik Perkhidmatan

Statistik Jumlah Pesakit Pediatrik Sepanjang Tahun 2022




6. AKTIVITI & PROGRAM JABATAN

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1.	Hari Kejururawatan	12 Mei 2022	Auditorium 1 & Anjung Zam-zam HASA
2.	Hari Pediatrik	25 Jun 2022	Auditorium 1 & Anjung Zam-zam HASA
3.	Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia	1-5 Ogos 2022	Auditorium 1 & Anjung Zam-zam HASA
4.	<i>Paediatric Intensive Basic Course</i>	17 Ogos 2022	UiTM Sungai Buloh Campus
5.	<i>Safe Kid Save Life</i>	20 Ogos 2022	Auditorium 1 & Anjung Zam-zam HASA
6.	<i>Safe Kid Save Life</i>	3 Dis 2022	Auditorium 1, HASA
7.	<i>Program Service Learning Malaysia – University for Society (SULAM)</i>	3 Dis 2022	Sekolah Kebangsaan Sungai Judah, Pulau Carey
8.	Hari Keluarga Pediatrik	10 Dis 2022	Marrybrown, Denai Alam

7. PERANCANGAN DAN HALA TUJU JABATAN

Jabatan Pediatrik merancang untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan klinikal pada tahun 2023 melalui inisiatif yang berikut:



GALERI AKTIVITI



Jabatan Obstetrik & Ginekologi



1. LATAR BELAKANG

Jabatan Obstetrik & Ginekologi (O&G) UiTM terdiri daripada kakitangan akademik yang merupakan pakar dan subpakar dalam pelbagai bidang klinikal di O&G. Jabatan O&G adalah sebahagian daripada pusat akademik dan penyelidikan yang bertujuan untuk menyediakan penjagaan kesihatan holistik yang terbaik untuk wanita. Perkhidmatan klinikal kami diperkukuh dengan sokongan penglibatan pelbagai disiplin oleh profesional dalam bidang penjagaan kesihatan lain yang berdedikasi seperti Doktor Perubatan Pakar dari bidang kepakaran lain, Pegawai Perubatan, Jururawat, Juruteknologi Makmal Perubatan, Ahli Fisioterapi, Pakar Dietetik dan lain-lain.

Perkhidmatan klinikal jabatan ini bermula dengan Perkhidmatan Pesakit Luar O&G di Kampus Selayang pada tahun 2010 dan diteruskan dengan Klinik Pakar O&G di Kampus Sungai Buloh pada tahun 2011. Klinik Pesakit Luar O&G telah mencapai reputasi yang begitu baik dalam kalangan masyarakat umum sehingga memerlukan Jabatan O&G untuk mengembangkan perkhidmatan bagi memenuhi permintaan.

Kami mula menjalankan prosedur pesakit luar pada tahun 2012, seterusnya diikuti dengan pembedahan *minor* dan *major* di Kampus Sungai Buloh.

Jabatan O&G juga terlibat secara aktif dalam pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar prasiswazah serta menyediakan latihan untuk pelajar pascasiswazah, dan latihan subkepakaran dalam masa terdekat. Jabatan O&G juga secara konsisten terlibat secara langsung serta menganjurkan pelbagai program komuniti sebagai sebahagian salah satu usaha dalam mempromosikan kepentingan kesihatan wanita.

Pada 1 November 2021, Jabatan O&G secara rasminya memindahkan semua perkhidmatan ke Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM Kampus Puncak Alam. Jabatan O&G sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dalam menyediakan penjagaan kesihatan wanita yang terbaik di Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM.

2. OBJEKTIF JABATAN

Untuk memastikan semua pesakit mendapat penjagaan kesihatan yang selamat dan sesuai.



Memberi pendidikan kesihatan kepada wanita untuk menggalakkan penyusuan susu ibu dalam kalangan ibu.



Untuk menjalankan penyelidikan dalam kesihatan wanita dan reproduktif.



Menjadi pusat latihan klinikal untuk program sarjana muda, pascasiswazah dan subkepakaran.



Untuk memastikan semua kakitangan menerima latihan untuk pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan pesakit.



3. SKOP PERKHIDMATAN

3.1 Perkhidmatan Pesakit Dalam

- Pesakit hamil (antenatal) dan selepas bersalin
- Kesihatan wanita

3.2 Perkhidmatan Pesakit Luar (Klinik Pakar O&G)

- Klinik Obstetrik dan Ginekologi Am
- Uroginaekologi
- Pembiakan dan Kesuburan (*intra-uterine insemination (IUI)*, *in-vitro fertilisation (IVF)**IVF – dengan kerjasama Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM
- Prosedur pesakit luar – (*colposcopy, hysteroscopy*)
- Perubatan *Maternofetal* (MFM)
- Klinik Kontraseptif
- Klinik Gabungan (*Combine*)
- Klinik *Postnatal*
- Klinik Fisioterapi *Urogynaecology*

3.3 Perkhidmatan Pembedahan Major & Minor

- *Lower segment caesarean section (LSCS)*
- *Evacuation of retained product of conception (ERPOC)*
- *Suction & curettage*
- *Hysteroscopic surgeries – diagnostic & therapeutic (TCRM)*
- *Laparotomy – cystectomy, salpingo-oophorectomy, hysterectomy*
- *Laparoscopic - cystectomy, salpingo-oophorectomy, hysterectomy, sacrocolpopexy*
- *Vaginal surgery – hysterectomy, colporrhaphy, sacrospinous fixation, mid-urethral sling*

3.4 Perkhidmatan Dewan Bersalin

Perkhidmatan di Dewan Bersalin

- Bersalin - normal, vakum, forsep
- Penjagaan kes obstetrik berisiko tinggi
- Kelahiran pramatang

Perkhidmatan di Pusat Penilaian Pesakit (PAC)

- Penilaian pesakit hamil (lebih daripada 22 minggu) dengan sebarang aduan aktif.

3.5 Unit Laktasi

- Memberi pendidikan kesihatan tentang penyusuan susu ibu kepada pesakit.
- Membantu pesakit yang memerlukan nasihat dan bantuan dalam penyusuan susu ibu.
- Berusaha ke arah inisiatif Hospital Mesra Bayi.

4. PENCAPAIAN, ANUGERAH DAN INOVASI

4.1 Anugerah dan Inovasi

Bil.	Pencapaian/ Anugerah	Tarikh Terima	Peringkat
1.	<i>Gold Award</i> OER: Menses for adolescents eCondev 2022	Ogos 2022	Antarabangsa
2.	<i>Bronze and Silver Award</i> Questionnaire of Study on Perception of Human Papilloma Virus (HPV) Self-Sampling for Detection of Pre-Cancerous Cervical Lesion IMIC 2022 & iidex 2022	Nov 2022 & Dis 2022	Antarabangsa
3.	<i>Bronze Award</i> E-book for Promoting Health for Malaysian Women: Jom Sihat Wanita Malaysia IMIC 2022	Dis 2022	Antarabangsa
4.	<i>Silver Award</i> Development and Evaluation of the Online Obstetrics Emergencies Simulation Training for Medical Students IMIC 2022	Dis 2022	Antarabangsa
5.	<i>Silver Award</i> EZ-Litho (medical device) IMIC 2022 & iidex 2022	Nov 2022 & Dis 2022	Antarabangsa
6.	<i>Silver Award</i> Assessing the Knowledge of Students through creative Writing: The New Approach EDGII 2022	Apr 2022	Kebangsaan
7.	<i>Silver Award</i> PALMCOEIN HANGMAN Quiz for UiTM Medical Students EDGII 2022	Apr 2022	Kebangsaan

4.2 Pencapaian Lain

Bil.	PENCAPAIAN	JUMLAH
1.	Jumlah Penerbitan	17
2.	Jumlah Projek Penyelidikan	22
3.	Jumlah Pensyarah Sebagai 'Ketua Projek'	11
4.	Pensyarah Terlibat Dalam Projek Penyelidikan	15
5.	Massive Open Online Course (MOOC)	5
6.	Amaun Penerimaan Geran Aktif	RM 830,200
7.	Jumlah Pelajar Sarjana (<i>Graduated</i>)	3
8.	Jumlah Pelajar Sarjana (Aktif)	3
9.	Jumlah Pelajar PhD (Aktif)	5

5. STATISTIK JABATAN

5.1 Statistik Perjawatan

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan
1.	Pensyarah Perubatan Pakar	VK7	2
2.	Pensyarah Perubatan Pakar	DU 56	2
3.	Pensyarah Perubatan Pakar	DU 54	9
5.	Pegawai Perubatan	UD 47	2
6.	Pegawai Perubatan	UD 43	10
7.	Jururawat		
	Wad	U32	1
		U29 (<i>midwife</i>)	1
		U29 (<i>non-midwife</i>)	19
	Klinik Pakar O&G	U32	2
		U29 (<i>non-midwife</i>)	1
	Kompleks Dewan Bersalin	U32	1
		U29 (<i>midwife</i>)	19
		U29 (<i>non-midwife</i>)	4
8.	Juruteknologi Makmal Perubatan	U29	4
9.	Pembantu Perawatan Kesihatan	U11	4
10.	Pembantu Tadbir	N19	1
JUMLAH			92

5.2 Statistik Perkhidmatan

a. Bilangan Kelahiran Mengikut Mod Kelahiran pada Tahun 2022

Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jumlah
Mod													
SVD	27	38	46	52	44	47	42	55	74	52	59	50	586
Instrumental	8	5	6	2	8	6	5	3	8	14	7	7	79
LSCS	18	14	18	26	26	23	37	33	49	35	30	23	332

b. Bilangan Pembedahan Caesarean Elektif dan Kecemasan pada Tahun 2022

Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jumlah
Mod													
Elektif	7	6	2	5	10	8	9	7	8	7	6	3	78
Kecemasan	11	8	16	21	16	15	28	26	41	28	24	20	254


c. Bilangan Pesakit Yang Hadir ke Klinik Pakar O&G Am pada Tahun 2022

Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jumlah
Obstetrik	341	305	385	266	319	353	354	401	466	387	386	404	4,367
Ginekologi	133	147	154	121	120	148	160	179	195	153	174	167	1,851


d. Bilangan Pesakit yang Menghadiri Klinik Yang Menawarkan Perkhidmatan Subkepakaran/Khusus pada Tahun 2022

BULAN	JUMLAH
<i>Postnatal Clinic</i>	104
<i>Adolescent Clinic</i>	44
<i>Combine Clinic</i>	122
<i>Physiourogyne</i>	145
<i>Urogynaecology</i>	341
<i>Fertility</i>	370
<i>Gynaecology</i>	17
<i>Family Planning Clinic</i>	168
<i>Maternal Fetal Medicine</i>	843
JUMLAH KESELURUHAN	2,154


e. Kes bulanan yang Dilihat oleh Subkepakaran O&G/ Klinik Khusus pada Tahun 2022




f. Bilangan Kes Pembedahan Ginekologi yang Dijalankan pada Tahun 2022




g. Jenis kes Pembedahan Ginekologi (Routes) yang Dilakukan pada Tahun 2022



h. Bilangan Pesakit di Wad 6D dan BOR pada Tahun 2022 (Admission)



i. Bilangan Pesakit di Wad 6D dan BOR pada Tahun 2022 (transfer in)



6. AKTIVITI & PROGRAM JABATAN

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1.	<i>Cervical Cancer Awareness Week</i>	17 – 21 Januari 2022	Lobi & Klinik Pakar O&G HASA, UiTM
2.	<i>Cervical Cancer Awareness Week</i>	17 – 21 Januari 2022	Lobi & Klinik Pakar O&G HASA, UiTM
3.	<i>Episiotomy & Perineal Repair Workshop 2022</i>	21 Januari & 18 Februari 2022	Dalam talian
4.	Kursus Pengurusan Laktasi 20 Jam	29 Mac – 1 April 2022 17 – 19 Ogos 2022 30 November – 1 Disember 2022	<i>Clinical Simulation Centre</i> , HASA, UiTM
5.	<i>Subfertility Awareness Month</i>	1 Jun 2022	Auditorium 2, HASA, UiTM
6.	<i>Basic Life Support (BLS) Course</i>	23 Jun 2022	<i>Clinical Simulation Centre</i> , HASA, UiTM
7.	<i>World Continence Week</i>	20 – 24 Jun 2022	Auditorium 1, HASA, UiTM
8.	<i>Statistic and Research Made Easy</i>	28 Julai 2022	Dalam talian (Aplikasi Zoom)
9.	Sambutan Minggu Penyusuan Ibu Sedunia	1-5 Ogos 2022	Auditorium 2, HASA, UiTM
10.	Jamuan Aidilfitri & Nurses Day Celebration	13 Mei 2022	HASA, UiTM
11.	<i>Family Day O&G</i>	16 – 17 Disember 2022	HASA, UiTM
12.	Jamuan <i>End of Year O&G</i>	30 Disember 2022	HASA, UiTM
13.	<i>Year 5 (2020/2021) Intensive Course (Preparation for Professional Exam)</i>	3 – 7 Januari 2022	Fakulti Perubatan UiTM
14.	<i>Year 5 (2021/2022) Intensive Course (Preparation for Professional Exam)</i>	24 - 28 Januari 2022	Fakulti Perubatan UiTM
15.	Kota Damansara Free Market (KDFM) Health Screening	30 Julai 2022	Taman Kejrangan Seksyen 9, Kota Damansara
16.	Year 3 Kem Motivasi & Bina Insan	12 – 13 Ogos 2022	HASA, UiTM
17.	Program Vaksinasi Influenza Sayang Seribu (MDPM X HASA X PRAMANORA)	10 September 2022	Rumah Kasih Harmoni, Paya Jaras
18.	Misi Bantuan Pasca Banjir	26 – 29 Disember 2022	Terengganu

GALERI AKTIVITI



7. PERANCANGAN DAN HALA TUJU JABATAN

Jabatan merancang untuk meningkatkan perkhidmatan yang diberikan bukan sahaja bagi menampung permintaan serta keperluan pesakit, malah bagi memastikan bilangan serta kepelbagaian pesakit yang mencukupi bagi menampung keperluan pelajar perubatan serta pasca perubatan.



Antara perkhidmatan baru yang dirancang adalah pembukaan wad-wad Obstetrik (7C dan 7D) serta perkhidmatan *Early Pregnancy Assessment Unit (EPAU)*, *Obstetrics Daycare*, *Community Women Health Service*.

Jabatan menyasarkan peningkatan 'operational bed' di Dewan Bersalin bagi membenarkan Klinik Pakar O&G menerima lebih ramai pesakit obstetrik dan Klinik *Maternofetal Medicine* menerima lebih banyak rujukan 'high risk pregnancies'. Pembukaan 'Maternity Operating Theatre' juga adalah penting bagi menampung keperluan perkhidmatan ini.



Pembangunan Makmal *in-Vitro Fertilisation (IVF)* juga termasuk dalam perancangan jabatan, walau bagaimanapun perkhidmatan ini akan terus ditawarkan dengan kolaborasi bersama Unit Reproduktif, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) sehingga makmal IVF HASA dapat dimaterialisasikan.

Klinik-klinik subkepakaran yang lain juga menyasarkan peningkatan bilangan pesakit, di mana jabatan boleh menawarkan program *Fellowship* atau menjadi pusat latihan bagi program subkepakaran apabila bilangan dan kepelbagaian pesakit mencukupi. Peningkatan bilangan hari pembedahan elektif juga adalah sangat penting bagi mencapai matlamat ini.



Jabatan juga merancang peningkatan bilangan program-program latihan untuk staf dan juga peserta luar. Peningkatan bilangan pesakit serta perkhidmatan juga diharapkan mampu meningkatkan bilangan projek-projek penyelidikan. Jabatan juga merancang untuk memantapkan lagi aktiviti-aktiviti *Quality Improvement* dengan aktiviti-aktiviti pemantauan serta penambahbaikan aspek kualiti yang berterusan.

Jabatan Perubatan Penjagaan Utama



1. LATAR BELAKANG

Fungsi utama Jabatan Perubatan Penjagaan Utama adalah untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan primer yang menyeluruh, berterusan, selaras, berorientasikan komuniti, hubungan primer/pertama, peribadi, berorientasikan pesakit dan pencegahan kepada komuniti dalam menguruskan semua kes akut dan kronik dan dari rahim ke kubur.

Disiplin Perubatan Primer telah ditubuhkan pada tahun 2005 dengan dua pakar perubatan primer. Pada awal penubuhannya, disiplin itu menyumbang kepada penubuhan kurikulum ijazah pertama perubatan dan perancangan pengajaran dan infrastruktur Fakulti Perubatan. Disiplin tersebut memainkan peranan penting dalam menyumbang ke arah akreditasi kurikulum Sarjana Muda Perubatan UiTM oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada 2008, 2013 dan 2018. Disiplin Perubatan Penjagaan Utama telah dinaik taraf secara rasmi kepada jabatan pada 2018. Sehingga kini, Jabatan Perubatan Penjagaan Primer berbangga kerana mempunyai pasukan pakar perubatan keluarga yang dinamik dan bersemangat yang sangat komited untuk menjadikan misi dan visi masa depan bersama kami menjadi kenyataan.

Fungsi Jabatan Perubatan Penjagaan Primer secara amnya dibahagikan kepada tiga komponen utama:

Perkhidmatan Akut dan 'Walk-in'

Ini adalah untuk semua kes *walk-in* dari penyakit ringan hingga kes kecemasan akut.

Perkhidmatan Penyakit Kronik

ini adalah untuk semua pesakit penyakit kronik yang stabil yang memerlukan susulan dan pemantauan berkala.

Perkhidmatan Klinik Khusus

seperti contoh klinik (*International Normalised Ratio*) INR, Klinik Kesihatan Remaja, Kesihatan dan Pengurusan Berat Badan, Klinik Berhenti Merokok, Klinik Penilaian Risiko Kardiovaskular, Klinik Pemulihan Asma dan Paru-paru dan sebagainya.

Visi

Visi jabatan ini adalah untuk menjadi pemimpin terkenal dunia dan pemain utama dalam menerajui kecemerlangan akademik, perkhidmatan berkualiti dan penyelidikan translasi dalam penjagaan primer dan untuk mempengaruhi amalan penjagaan primer di seluruh dunia.



Misi

Manakala misi Jabatan Perubatan Penjagaan Primer adalah untuk memacu kemajuan Disiplin Perubatan Penjagaan Utama ke arah kecemerlangan akademik, perkhidmatan penjagaan primer yang berkualiti dan penyelidikan translasi serta melahirkan doktor yang bermotivasi tinggi dan berprestasi tinggi dengan asas saintifik yang kukuh yang disemai dengan nilai kemanusiaan yang kukuh, untuk menerajui profesion perubatan.

Perkhidmatan Klinikal Jabatan Perubatan Penjagaan Primer di Pusat Perubatan UiTM, Kampus Selayang telah ditamatkan pada 31 Januari 2022 (Penamatan Klinik Janji Temu) dan 11 Februari 2022 (Penamatan klinik 'Walk-in'), dan berpindah sepenuhnya ke Pusat Pakar Perubatan UiTM (PPUiTM) Kampus Sungai Buloh pada 14 Februari 2022.

Lokasi dan urusan perkhidmatan Klinik Perubatan Penjagaan Primer di PPUiTM Kampus Sungai Buloh Pakar adalah seperti berikut:

Lokasi	Nama klinik	Khidmat klinikal yang ditawarkan	Urusan
Klinik 3 Aras G, Bangunan Akademik, PPUiTM UiTM Kampus Sungai Buloh	Pusat Pakar Perubatan Primer	-Klinik Pakar Perubatan Primer -Klinik INR -Klinik EMPOWER-SUSTAIN -Klinik Remaja -Klinik Berhenti Merokok	Secara Janji Temu
	-Klinik Pakar Perubatan Primer	-Klinik Rawatan Demam dan Bergejala yang boleh berjangkit	Tanpa Janji Temu
Klinik Walk-in Perubatan Primer, Aras G, Bangunan CTC, PPUiTM Kampus Sungai Buloh	Klinik 'Walk-in' Perubatan Primer	-Klinik Walk-in rawatan akut ringan -Klinik kakitangan & Pelajar	Tanpa Janji Temu
Klinik 2, Aras 1, Bangunan CTC, PPUiTM Sungai Buloh	Klinik Pascasiswazah Perubatan Primer	Klinik Pascasiswazah Perubatan primer	Secara Janji Temu

Jadual waktu pendaftaran, operasi dan waktu rehat klinik adalah seperti berikut:

Hari	Waktu pendaftaran	Waktu operasi klinik	Waktu rehat
Isnin - Khamis	Sesi pagi: 8.00 pagi - 12.00 tengah hari	8.00 pagi - 5.00 petang	1.00 tengah hari - 2.00 petang
	Sesi petang: 2.00 petang - 4.00 petang		
Jumaat	Sesi pagi: 8.00 pagi - 11.15 petang	8.00 pagi - 5.00 petang	12.15 tengah hari - 2.45 petang
	Sesi petang: 2.45 petang - 4.00 petang		

2. OBJEKTIF KUALITI JABATAN

Peratusan pesakit Hipertensi yang berada di bawah klinik biasa membuat susulan dengan kawalan tekanan darah $\leq 140/90$ mm Hg (40%).



Masa menunggu dari pendaftaran hingga berunding dengan doktor adalah < 90 minit (90%).



Masa yang diambil untuk ujian segera (FBC, UFEME, RP) dari pengumpulan hingga siap ialah < 120 minit (80%).



3. SKOP PERKHIDMATAN

3.1 Direka bentuk untuk memenuhi keperluan pesakit dari semua peringkat umur, melalui semua peringkat penyakit sama ada sebagai *walk-in* atau susulan.

3.2 Penjagaan kesihatan yang komprehensif dan holistik yang meliputi perkhidmatan perubatan secara promotif, perlindungan, pencegahan, diagnostik, terapeutik, kolaboratif, pelbagai disiplin dan pemulihan.

3.3 Menyediakan penilaian, penyiasatan, rawatan daripada penyakit ringan kepada keadaan serius, penyakit akut atau kronik, penyakit berjangkit atau tidak berjangkit dan yang memerlukan rujukan ke jabatan lain.



3.4 Penjaga pintu dan merapatkan jurang antara kesihatan masyarakat dan penjagaan hospital.

3.5 Perkhidmatan yang ditawarkan adalah perkhidmatan utama yang merangkumi rawatan pesakit akut dan klinik 'walk in', pengurusan penyakit kronik dan susulan serta *Fever Centre*. Selain itu terdapat juga klinik khusus yang menawarkan perkhidmatan seperti Klinik Obesiti, Gaya hidup dan Kesejahteraan (termasuk kaunseling diet dan pemakanan), Klinik Kesihatan Remaja dan Klinik INR.

3.6 Perkhidmatan Baru

- Klinik Berhenti Merokok – diketuai oleh Dr. Lina Lohshini Kanoo
- Klinik *EMPOWER-SUSTAIN* – diketuai oleh Prof Dr. Anis Safura Ramli
- Klinik Bas Perubatan Bergerak - diketuai oleh Profesor Madya Dr. Farnaza Dato' Ariffin

4. PENCAPAIAN, ANUGERAH DAN INOVASI

Bil.	Pencapaian/ Anugerah	Tarikh Terima	Peringkat
1.	Anugerah MeTIC: Tempat Pertama – Fakulti Perubatan - Sijil anugerah (Jaringan Industri) – Kolaborasi Industri Terbaik	17-19 Mei 2022	UiTM
2.	Anugerah TNCPI: iPPERFORM – Pencapaian Geran Tertinggi UiTM HICoE/CoE: Prof Dr. Anis Safura Ramli	2022	UiTM
3.	<i>Family Medicine Scientific Conference 2022</i> : Juara Pembentangan Poster: Dr. Nafiza Mat Nasir, Prof Madya Dr. Suraya Abdul Razak dan Dr. Aminah.	2022	Kebangsaan
4.	<i>9th Selangor Respiratory Conference</i> : Tempat kedua untuk pembentangan Oral - Poster Presentation: Dr. Khairatul Nainey Kamaruddin	2022	Negeri
5.	Anugerah PECIPTA 2022: Pingat Perak untuk <i>EM-POWER-SUSTAIN Mobile and Desktop App</i> - Prof Dr. Anis Safura Ramli, Prof Madya Dr. Suraya Abdul Razak, Prof Mohamed Syarif Mohamed Yassin, Prof Madya Dr. Noorhida Baharudin, Prof Madya Dr. Siti Fatimah Badlishah Sham	1-3 Nov 2022	Kebangsaan
6.	ITEX 2022: Pingat perak untuk <i>World's First Premium Honey & Habbatus Sauda Gummy</i> : Prof Madya Dr. Siti Fatimah Badlishah Sham	2022	Kebangsaan


5. STATISTIK JABATAN

5.1 Perjawatan jabatan


Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan
1.	Pakar Perubatan Keluarga (Prof)	VK7	1
2.	Pakar Perubatan Keluarga (Prof Madya)	VK7	1
3.	Pakar Perubatan Keluarga (Prof. Madya)	DU56	6
4.	Pakar Perubatan Keluarga	DU56	3
5.	Pakar Perubatan Keluarga	DU53/54	9
6.	Pakar Perubatan Keluarga	DU51	1
7.	Pelatih Doktor Perubatan Keluarga	DU51P	1
8.	Pegawai Eksekutif	N29	1
9.	Kerani	N19	1
JUMLAH			24

5.2 Statistik Perkhidmatan

5.2.1 Statistik Klinikal Jabatan Perubatan Penjagaan Utama di Pusat Perubatan UiTM, Kampus Sungai Buloh



5.2.2 Statistik Klinikal Jabatan Perubatan Penjagaan Utama di Pusat Perubatan UiTM, Kampus Selayang



6. AKTIVITI DAN PROGRAM JABATAN

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1.	Bengkel Klinik Berhenti Merokok untuk doktor perubatan primer, ahli farmasi dan jururawat klinik. Pengarah program: Dr. Lina Lohshini Kanoo	21 - 22 Jan 2022	UiTM
2.	Bengkel Strategik Jabatan Perubatan Primer 2022	27 Jan 2022	UiTM
3.	Perkhidmatan Saringan dan Kesedaran Kesihatan UiTM untuk komuniti Orang Asli Hulu Selangor	26 Feb 2022	Pusat Komuniti Orang Asli Hulu Selangor
4.	Saringan antibodi Hepatitis B untuk pelajar sarjana muda fakulti perubatan pra-klinikal, PPPUiTM Kampus Sungai Buloh. (Dengan kerjasama OSH, jururawat, farmasi, doktor perubatan primer, kakitangan akademik)	09 Mei 2022	PPUiTM Kampus Sungai Buloh
5.	Pemberian hepatitis B booster kepada 180 + pelajar perubatan klinikal (Dengan kerjasama OSH, jururawat, farmasi, doktor perubatan primer, kakitangan akademik)	17 Mei 2022	PPUiTM Kampus Sungai Buloh
6.	Saringan Tuberkolosis untuk pelajar perubatan yang bergejala (Dengan kerjasama OSH, jururawat, farmasi, doktor perubatan primer, kakitangan akademik)	23 Mei 2023	PPUiTM Kampus Sungai Buloh
7.	'Knowledge Transfer Program' untuk Komuniti Warga Emas di Selangor – "Warga berilmu dan Sihat di usia Emas (WISE)"	29 Mei 2022 dan 26 Jun 2022	Selangor
8.	Pemberian dos hepatitis B vaksinasi kepada 148 pelajar klinik Fakulti Perubatan (Dengan kerjasama OSH, jururawat, farmasi, doktor perubatan primer, kakitangan akademik)	16 Jun 2022	PPUiTM Kampus Sungai Buloh
9.	Hari Keluarga Jabatan Perubatan Penjagaan Utama 'Team Building'	8 Okt 2022	Tadom Hill Resort, Selangor.
10.	Projek SULAM Bersama Komuniti FSPU	3 Dis 2022	Pulau Carey, Selangor.
11.	Lawatan Prof Pemra dari Marmara University, Turkey ke Jabatan Perubatan Penjagaan Utama	30 Nov 2022	UiTM Kampus Sungai Buloh

GALERI AKTIVITI





7. PERANCANGAN DAN HALA TUJU JABATAN

Menambahbaik servis klinikal melalui sesi mesyuarat klinikal bersama ketua-ketua unit yang berkenaan secara berkala.



Memperbanyakkan aktiviti kemasyarakatan seperti Program Bersama Orang Asli.

Memperbaiki mutu dokumentasi dan sebaran maklumat dalam Jabatan Perubatan Penjagaan Primer bagi persediaan menerima audit MSQH pada 2023.



Memperbanyakkan aktiviti “Knowledge Transfer Program (KTP)” bersama masyarakat terpilih (warga emas) yang berteraskan kajian.

Kolaborasi aktif bersama Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor bagi pelbagai aktiviti klinikal yang memanfaatkan masyarakat setempat seperti Saringan kesihatan kepada golongan yang sukar mendapatkan rawatan di klinik kesihatan.



Memantau KPI Jabatan Perubatan Penjagaan Primer dan mengambil langkah-langkah penambahbaikkan sekiranya KPI tidak tercapai.



Mewujudkan Pusat Penjagaan Kesihatan Utama Komuniti berhampiran Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM.

Jabatan Radiologi



1. LATAR BELAKANG

Jabatan Radiologi Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA), yang pada mulanya dikenali sebagai Unit Pengimejan Perubatan, telah memulakan operasi di Kampus Selayang dan Sungai Buloh pada 2010 dan di Puncak Alam pada bulan Mei 2021.

Jabatan ini menyediakan perkhidmatan pengimejan diagnostik dan prosedur intervensi diagnostik dan terapeutik yang merangkumi pesakit dalam, pesakit luar, pesakit rawatan harian, pesakit dari Jabatan Kecemasan HASA serta pesakit-pesakit.

Fungsi jabatan mengikut bidang perkhidmatan dapat dirumuskan seperti berikut:

Perkhidmatan Klinikal

- Menyelaras, menyediakan dan menjalankan perkhidmatan pemeriksaan Radiologi Am dan Intervensi yang berkualiti bagi pesakit dalam dan luar dengan mempraktikkan perlindungan sinaran yang optimum mengikut kesesuaian dan keperluan pesakit serta keadaan.
- Memberi khidmat rundingan klinikal melalui persidangan atau mesyuarat yang melibatkan pelbagai disiplin.

Perlesenan & Perlindungan Sinaran

- Pengurusan Perlesenan Jabatan Radiologi mengikut keperluan Akta Perlesenan Tenaga Atom (Akta 304).
- Menjalankan pengurusan aktiviti perlindungan/ keselamatan sinaran dan peningkatan kualiti perkhidmatan Radiologi.

Pengurusan Pentadbiran

- Pengurusan hal ehwal pentadbiran jabatan dan kakitangan.
- Pengurusan polisi dan prosedur serta kawalan dokumen jabatan.
- Pengurusan aset dan inventori peralatan perubatan dan bukan perubatan di jabatan.

Akademik

- Menjalankan pengajaran akademik dan latihan kepada pelajar perubatan, pascasiswazah, sains kesihatan dan komuniti.
- Menganjurkan dan menyediakan aktiviti pendidikan perubatan berterusan (CME) dan kursus berkaitan dengan penglibatan semua kakitangan di Jabatan Radiologi.

Penyelidikan & Inovasi

- Menjalankan, mengambil bahagian dan menyelaras aktiviti penyelidikan dan inovasi peringkat hospital, universiti dan antarabangsa.

2. OBJEKTIF KUALITI JABATAN

Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) jabatan mengikut petunjuk prestasi utama kebangsaan bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:

Bil.	KPI	Sasaran (%)	Pencapaian (%)
1	Peratusan penolakan / pengulangan projeksi pemeriksaan radiografi am.	< 5%	KPI tercapai dengan purata 4.8%
2	Peratusan penolakan / pengulangan projeksi pemeriksaan mamogram.	< 3%	KPI tercapai dengan purata 1.1%
3	Peratusan bilangan pesakit dengan masa menunggu adalah < 60 minit bagi pemeriksaan <i>Ultrasound</i> .	> 90%	KPI tercapai dengan purata 97.3%
4	Peratusan penghasilan laporan akhir bagi pemeriksaan radiologi khas adalah < 14hari untuk pesakit luar.	≥ 90%	KPI tercapai dengan purata 99.3%
5	Peratusan bilangan pesakit yang mendapat komplikasi 'contrast media extravasation' dalam pemeriksaan CT scan.	< 1%	KPI tercapai dengan purata 0.4%

3. SKOP PERKHIDMATAN

3.1 Antara skop perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan Radiologi adalah:

Menyediakan rangkaian pengimejan diagnostik dan perkhidmatan intervensi untuk semua pesakit dalam dan luar serta rujukan luar semua kumpulan umur dan disiplin.

Menyediakan perkhidmatan mudah alih (radiografi dan ultrasonografi) untuk pesakit kritikal dan bukan ambulatori.

Menyediakan perkhidmatan radiologi kecemasan 24 jam.




Memberi khidmat nasihat kepada doktor yang merujuk tentang prosedur pemeriksaan yang bersesuaian kepada pesakit untuk rawatan diagnostik dan terapeutik yang berkesan.

Menyediakan perkhidmatan diagnostik dan intervensi, termasuk prosedur 'image guided' yang dijalankan di makmal kateterisasi jantung, pembedahan dan ortopedik di dewan pembedahan.

3.2 Modaliti yang ditawarkan oleh Jabatan Radiologi mengikut lokasi adalah seperti berikut:

HOSPITAL UiTM PUNCAK ALAM	PPUiTM SG. BULOH
Radiografi Am	Radiografi Am
Radiografi Mobile	Radiografi Mobile
Ultrasonografi	Ultrasonografi
CT Scan	CT Scan
MRI	MRI
Mammografi	Fluoroskopi C- Arm
Fluoroskopi C- Arm	
<i>Interventional Radiology</i>	

3.3 Perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti berikut:



4. PENCAPAIAN, ANUGERAH DAN INOVASI

Bil.	Pencapaian/ Anugerah / Inovasi	Tarikh Terima	Peringkat
1.	Majlis Sambutan Aidilfitri Fakulti Perubatan UiTM 2022 • Puteri Desa Jelita (Pakaian Terindah) • Nur Syahida Johar	3 Jun 2022	Fakulti Perubatan, UiTM
2.	<i>Virtual International Medical Innovation Competition 2022 (IMIC2022)</i> • Prof Madya Dr. Mansharan Kaur Chainchel Singh - <i>Gold Award</i> • Dr. Mohd Shukry bin Mohd Khalid - <i>Silver Medal</i>	Jul 2022	Antarabangsa
3.	Badminton Piala Pengarah HUiTM 2022 - Gangsa • Dr. Anis Shafina • Prof Madya Dr. Nazimah • Dr. Khariah Mat Nor • Dr. Mazuin Razalli • Dr. Ernisha Shuib • Mohd Faqrul Ghani • Saiful Anuar Abd Samat	3 Jul 2022	HASA
4.	<i>The virtual international e-content development competition 2022 for MOOC (Thyroid Cancer for Medical Student)</i> • Dr. Mazuin Mohd Razalli - Pingat Perak	Ogos 2022	Antarabangsa
5.	Mewakili UCS dalam acara badminton KARISTA Terengganu 2022 • Dr. Anis Shafina Mahfudz - Pingat Emas	Ogos 2022	UiTM
6.	Anugerah Insan iDART HASA Bulan Ogos 2022 • Nik Nur Qahirah Yahya	Ogos 2022	HASA
7.	Pertandingan Nyanyian Lagu Patriotik, Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia 2022 • Nur Syahira Azirah - Naib Juara	Ogos 2022	Fakulti Perubatan, UiTM
8.	<i>Travel Award KCR 2022</i> • Dr. Shamsiah Abdul Hamid	Sept 2022	Antarabangsa
9.	ESOR/ EUSOBI <i>Exchange Scholarship</i> Prof Madya Dr. Nazimah Ab Mumin	Sept 2022	Antarabangsa
10.	Pertandingan Tiktok Sempena Hari Keselamatan dan Farmasi Sedunia 2022 Jabatan Radiologi - Johan	Sept 2022	HASA
11.	Anugerah Insan iDART HASA Bulan Sept 2022 • Khadijah Hamzah • Zainab Uliati Azhari	Sept 2022	HASA
12.	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif 2022 Zon Tengah (Sept 2022) (Penarafan Emas, Anugerah KIK Premier Terbaik (Inovasi & Pengurusan – Kategori Penciptaan), Anugerah KIK Primer Terbaik Inovasi Pengurusan Keseluruhan) Kumpulan <i>Beethoven Light</i> : • Nik Nur Qahirah Yahya • Richie Encabo Rigi • Rupaيدا Bijanul	Sept 2022	Zon Tengah, UiTM
13.	• (Penarafan Emas, Anugerah KIK Premier Terbaik (Inovasi & Pengurusan – Kategori penambahbaikan) Kumpulan <i>Bosom Buddies</i> : • Prof. Madya Dr. Marlina Tanty Ramli • Prof. Madya Dr. Nazimah Ab Mumin • Dr. Shamsiah Abd Hamid • Nurzatul Azmira Arbian		• Majalda Jaafar • Zarif Nukman • Mohammad Faizal Samsuni • Sukainah Zainal • Nurul Amirah Rohizat • Nur Syahida Johar • Sarah Syafrina Komalul Arifin


Bil.	Pencapaian/ Anugerah / Inovasi	Tarikh Terima	Peringkat
14.	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif 2022 Peringkat UiTM Kumpulan <i>Beethoven Light</i> - (Anugerah Perak, Naib Johan Anugerah Poster Terbaik) Kumpulan <i>Bosom Buddies</i> - (Anugerah Perak, Anugerah Penjimatan Kos Sebenar, Johan Anugerah Poster Terbaik) • Nur Syahida Johar - Pembentang Wanita Terbaik	Okt 2022	UiTM
15.	Anugerah Insan iDART HASA Bulan Oktober 2022 Puan Nur Ismaliza Ismail	Okt 2022	HASA
16.	<i>International Innovation Competition (INNOCOM III)</i> Prof Madya Dr. Mansharan Kaur Chainchel Singh - <i>Gold Award</i>	Okt 2022	Antarabangsa
17.	<i>Invention, Innovation & Design Exposition (iidex) 2022</i> Kumpulan <i>Beethoven Light - Gold Award: Inventor (Open) and Inventor categories.</i> Prof Madya Dr. Mansharan Kaur Chainchel Singh - <i>Gold Award</i>	Nov 2022	Antarabangsa
18.	Anugerah Insan iDART HASA Bulan November 2022 Na'mah binti Yusoff	Nov 2022	HASA
19.	Karnival Kerjaya Fakulti Perubatan UiTM Jabatan Radiologi - Pameran Terbaik	Nov 2022	Fakulti Perubatan UiTM

5. STATISTIK JABATAN

5.1 Statistik Perjawatan

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan
1.	Pakar Radiologi	VK	1
		DU56	14
2.	Pegawai Perubatan	U47	1
		U43	1
		U44	2
3.	Juru X-Ray	U41	6
		U32	2
		U29	29
4.	Pegawai Sains Fizik	C41	1
5.	Jururawat	U32	1
		U29	5
6.	Pembantu Perawatan Kesihatan	U11	2
7.	Kerani (Kontrak)	N19	2
8.	Pegawai Eksekutif (Harian)	N29	1
Jumlah			68

5.2 Statistik perkhidmatan



6. AKTIVITI & PROGRAM JABATAN

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1.	Continuing Medical Educations (CMEs), Sharing Session & Radiograph Critique	Jan-Dec 2022	Dalam talian
2.	Mesyuarat Jabatan	17 Jan 2022	Dalam talian
3.	ZOOM Radiograph Revision Course 2022	22 Jan 2022	Dalam talian
4.	R3 Rapid Radiograph Reporting Course 2022	23 Jan 2022	Fakulti Perubatan, UiTM Sg. Buloh
5.	IV Contrast Course 2022	26 Mac 2022	Dalam talian
6.	Majlis Perpisahan Prof Madya Dr. Marymol Koshy	31 Mac 2022	Jabatan Radiologi, PPUiTM Sg. Buloh
7.	Radiology Ramadan Donation Drive 1443H /2022	6-22 Apr 2022	Jabatan Radiologi HASA
8.	Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2022	14 Mei 2022	Jabatan Radiologi, HASA
9.	Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Fakulti Perubatan UiTM	3 Jun 2022	Fakulti Perubatan, UiTM Sg. Buloh
10.	Pertandingan Badminton Piala Pengarah HASA	03 Jul 2022	Fakulti Perubatan, UiTM Sg. Buloh
11.	Pertandingan Sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022	21 Sept 2022	Fakulti Perubatan, UiTM Sg. Buloh
12.	Program Perhimpunan Bulanan dan Pink October Day	26 Okt 2022	Auditorium, HASA
13.	Karnival Sukan Staf / Pensyarah Vs Pelajar	30 Okt 2022	Fakulti Perubatan, UiTM Sg. Buloh
14.	Radiology Family Funday 2022	05 Nov 2022	Sri Damai Riverside, Kalumpang
15.	World Radiography Day 2022	08 Nov 2022	Jabatan Radiologi, HASA & PPUiTM
16.	Hari Terbuka Fakulti Perubatan UiTM Sg. Buloh	23 Nov 2022	Fakulti Perubatan, UiTM Sg. Buloh
17.	Gift Exchange Programme	25 Nov 2022	Jabatan Radiologi, HASA & PPUiTM
18.	Majlis Makan Malam Sambutan Ulang Tahun ke-20 Fakulti Perubatan UiTM	03 Dis 2022	PWTC, Kuala Lumpur
19.	Sumbangan Bantuan Bencana Banjir	23 Dis 2022	HASA

GALERI AKTIVITI



7. PERANCANGAN DAN HALA TUJU JABATAN

Menawarkan lebih banyak prosedur diagnostik dan intervensi sebagai pilihan kepada rawatan pesakit.



Pelbagai rancangan aktiviti tahunan dari segi latihan, kebajikan, penyelidikan dan juga ciptaan inovasi yang melibatkan kakitangan jabatan.

Menambah bilangan kakitangan agar objektif untuk memberikan perkhidmatan radiologi kepada pesakit dengan pasukan kakitangan terlatih yang berdedikasi tercapai.



Merancang untuk memperluaskan lagi aktiviti-aktiviti tersebut kepada pesakit, kakitangan hospital dan universiti malah ingin meluaskan lagi aktiviti yang melibatkan komuniti setempat.

Merancang dalam perolehan peralatan perubatan yang wajar dan berusaha memastikan peralatan tersebut memberi nilai perolehan yang setimpal.



Jabatan Perubatan Pemulihan



1. LATAR BELAKANG

Pemulihan adalah lanjutan daripada model perubatan yang berfokuskan kepada pengupayaan individu. Asas-asas ini datang daripada model biopsikososial dan rangka kerja *International Classification and Functioning (ICF)* oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Ia merangkumi semua amalan-amalan perubatan yang bertujuan untuk mencegah dan meminimalkan komplikasi perubatan serta hilang upaya seseorang individu, di samping meningkatkan interaksi sosial dan penyertaan di peringkat masyarakat.

Kemajuan teknologi dalam bidang perubatan semasa telah mengurangkan kadar mortaliti akibat penyakit mahupun kecederaan. Tahap morbiditi seseorang individu bersifat kompleks justeru memerlukan penyiasatan, penyelidikan dan kerjasama pelbagai pihak serta intervensi tertentu.

Di sinilah Pakar Perubatan Pemulihan memainkan peranan penting. Bidang Perubatan Pemulihan bertujuan untuk meningkatkan dan memaksimumkan keupayaan seseorang dari segi fizikal, psikologi, sosial, vokasional dan potensi pendidikan, selaras dengan kekurangan fisiologi atau anatomi serta halangan sekitar. Ia merupakan bidang kepakaran perubatan yang berfokuskan kepada pesakit serta kerjasama berpasukan yang bermatlamat untuk mengoptimumkan kualiti hidup serta peranan seseorang menerusi penerapan prinsip-prinsip dan juga teknik pemulihan yang betul.

Jabatan Perubatan Pemulihan beroperasi di dua lokasi iaitu Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM (HASA) Puncak Alam dan Pusat Pakar Perubatan UiTM (PPUiTM), Sungai Buloh.

Waktu Operasi di Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM (HASA) Puncak Alam

Hari	Perkhidmatan	Masa
Isnin - Jumaat	Fisioterapi / Terapi Cara Kerja / Terapi Pertuturan dan Bahasa	8.00 pagi - 5.00 petang
Klinik Perubatan Pemulihan		
Isnin	<i>Pediatrics Rehab Clinic</i>	9.00 pagi – 1.00 tengah hari (minggu 1 dan 3)
	<i>Diabetic Foot Care Service</i>	2.00 petang - 4.00 petang
Selasa	<i>Spinal Cord Injury Clinic</i>	9.00 pagi – 1.00 tengah hari
Rabu	<i>Amputee / Musculoskeletal Clinic</i>	9.00 pagi – 1.00 tengah hari
	<i>Prosthetics and Orthotics Clinic</i>	2.00 petang - 4.00 petang
	<i>Return to Work Clinic</i>	2.00 petang- 4.00 petang (minggu ke 2)
Khamis	<i>Neuromedical / Neurosurgical Clinic</i>	9.00 pagi – 1.00 tengah hari
	<i>Procedure Clinic</i>	2.00 petang - 4.00 petang

Waktu Operasi di Pusat Pakar Perubatan UiTM (PPUiTM), Sungai Buloh

Hari	Perkhidmatan	Masa
Isnin	<i>Cardiac Rehabilitation Programme</i>	8.00 pagi - 5.00 petang
Selasa	<i>MSK Rehab Therapy</i>	8.00 pagi – 1.00 tengah hari
	<i>Heart Failure Rehab Programme</i>	2.00 petang – 5 petang
Rabu	<i>Cardiac Rehab Programme</i>	8.00 pagi – 1.00 tengah hari 2.00 petang – 5.00 petang
Khamis	<i>Heart Failure Rehab Programme</i>	8.00 pagi – 1.00 tengah hari
Jumaat	<i>MSK Rehab Therapy</i>	8.00 pagi - 5.00 petang
Klinik Perubatan Pemulihan		
Isnin	<i>Cardiac Rehab Clinic</i>	8.00 pagi – 1.00 tengah hari
Khamis	<i>Heart Failure Rehab Clinic</i>	2.00 petang – 5.00 petang

2. OBJEKTIF JABATAN

Menyediakan perkhidmatan pemulihan pelbagai disiplin yang berkualiti tinggi, selamat, dan berkesan.



Menjadi pusat utama bagi latihan akademik dalam melahirkan kakitangan kesihatan profesional terlatih dalam bidang Perubatan Pemulihan.



Menerajui penyelidikan dan inovasi termaju dalam menyediakan intervensi dan rawatan pemulihan yang terkini.



Untuk memastikan pematuhan kepada keperluan kawal selia berpandukan Persatuan Kualiti Kesihatan Malaysia.



3. SKOP PERKHIDMATAN

3.1 Klinik Pakar

Menawarkan perkhidmatan pesakit dalam dan luar untuk para pesakit yang memerlukan penilaian doktor pakar. Antara kes yang dirujuk kepada klinik adalah seperti berikut:

- *Spinal Cord Injury*
- *Diabetic Foot Care*
- *Neuromed / Neurosurgery*
- *Amputee / MSK*
- *Pediatric / Wheelchair*
- *Prosthetics & Orthotic*
- *Return to work.*
- *Procedural*
- *Pain*

3.2 Unit Fisioterapi

Unit ini menawarkan perkhidmatan seperti:

Musculoskeletal Rehabilitation

Menyediakan program pemulihan yang holistik menerusi penilaian fizikal dan rawatan yang sistematik bagi membantu proses pemulihan selepas kecederaan dan pendidikan pencegahan kecederaan berulang.

Spinal Cord Injury Rehabilitation

Program rawatan yang sistematik dan menyeluruh bagi membantu proses pemulihan pesakit kecederaan saraf tunjang.

Neurorehabilitation

Program pemulihan yang holistik menerusi penilaian fizikal dan rawatan yang sistematik bagi membantu proses pemulihan berkaitan dengan kecederaan saraf.

Cardio-respiratory Rehabilitation

Menyediakan program pemulihan yang menyeluruh menerusi penilaian fizikal dan kecergasan, serta rawatan yang sistematik bagi membantu proses pemulihan dan peningkatan kecergasan selepas pembedahan atau kecederaan.

Pediatrics Rehabilitation

Menyediakan program pemulihan yang holistik serta sesuai dengan umur pesakit menerusi penilaian fizikal dan kemampuan fungsi dalam kalangan kanak-kanak serta diikuti dengan proses rawatan yang sistematik bagi membantu proses pemulihan dan tumbesaran pesakit dengan cara yang berkesan.

3.3 Unit Terapi Cara Kerja

Unit Terapi Carakerja menggalakkan kesihatan dan kesejahteraan dengan menyokong individu untuk kembali ke fungsi harian dan melakukan aktiviti yang bermakna dari hari ke hari melibatkan penjagaan diri, masa lapang dan produktiviti. Kami menyediakan penjagaan untuk individu yang mengalami kekurangan fizikal, kecacatan kognitif atau psikologi dari pelbagai peringkat umur dari lahir hingga golongan tua. Perkhidmatan kami termasuk:

- *Neurological Rehabilitation*
- *Sensory Integration Therapy*
- *Return to Work Rehabilitation*
- *Burns Rehabilitation*
- *Hand and Upper Limb Rehabilitation*
- *Splinting*
- *Pre-Driving Assessment & Training*
- *Wheelchair Assessment & Training*
- *Caregiver Training & Education*

3.4 Unit Pemulihan Pertuturan

Unit ini menawarkan perkhidmatan pesakit dalam dan luar untuk para pesakit yang memerlukan penilaian dan terapi berkaitan masalah pertuturan, bahasa, suara, pemakanan dan nutrisi. Di samping itu, unit ini turut menawarkan perkhidmatan penilaian dan terapi secara maya untuk pesakit luar. Antara kes yang sering dirujuk kepada unit ini ialah:

- Kanak-kanak autisme dengan masalah kelewatan perkembangan bahasa dan pertuturan.
- Bayi dan kanak-kanak dengan masalah penyusuan dan memilih makanan.
- Pesakit strok dengan masalah komunikasi (Aphasia, Apraxia, Dysarthria) dan pemakanan (Dysphagia).
- Orang dewasa dengan masalah atau perubahan kualiti suara.

3.5 Unit Prostetik & Ortotik

Unit ini menawarkan perkhidmatan seperti:

- *Total Contact Casting*
- *Shoes Raise*
- *Ankle Foot Orthosis*
- *Spring Leaf Orthosis*
- *Total Contact Insole*
- *Hinged Ankle Foot Orthosis*
- *Orthosis repair*

4. PENCAPAIAN, ANUGERAH DAN INOVASI

Bil.	Pencapaian/ Anugerah	Tarikh Terima	Peringkat
1.	<i>Silver Medal: Active Chest Expansion Device (MedInnovation Virtual International, Medical Innovation Competition 2022 (IMIC2022))</i>	29 Jul 2022	Antarabangsa
2.	<i>Gold Award: Customized 3D Printed Prosthesis for Post Amputation and Limb Deficiency in Rehabilitation Medicine (iidex2022)</i>	21 - 25 Nov 2022	UiTM

5. STATISTIK JABATAN

5.1 Statistik Perjawatan

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan
1.	Pensyarah & Pakar Klinikal	VK7	1
2.	Pensyarah & Pakar Klinikal	DU56	4
3.	Pensyarah & Pakar Klinikal	DU54	1
4.	Pensyarah & Pakar Klinikal	DU53	1
5.	Pensyarah Pelatih & Pakar Klinikal	DU51P	1
6.	Pegawai Perubatan	UD48	1
6.	Pegawai Perubatan	UD43	3
7.	Pensyarah/ Penasihat Fisioterapi	DM54	1
8.	Pegawai Pemulihan Perubatan	U44	3
9.	Pegawai Pemulihan Perubatan	U41	12
10.	Jurupulih Perubatan Anggota	U32	3
11.	Jurupulih Perubatan Anggota	U29	12
12.	Jurupulih Perubatan Carakerja	U29	8
13.	Ketua Jururawat	U32	2
14.	Jururawat	U29	4
15.	PPK	U11	3
16.	Juruteknik Perubatan	U19	3
17.	Pegawai Sains	C41	1
18.	Kerani Kontrak	N19	1
JUMLAH			65

5.2 Statistik Perkhidmatan

BULAN/ FASILITI	PESAKIT DALAM		PESAKIT LUAR		JUMLAH
	HASA PUNCAK ALAM	PPUiTM SG. BULOH	HASA PUNCAK ALAM	PPUiTM SG. BULOH	
JAN	759	340	1306	391	2,796
FEB	665	256	1154	252	2,327
MAC	948	237	1307	360	2,852
APR	838	320	1246	290	2,694
MEI	844	288	1131	308	2,571
JUN	1001	316	1384	471	3,172
JUL	924	237	1134	516	2,811
OGOS	1195	347	1533	564	3,639
SEP	1215	239	1565	489	3,508
OKT	1016	238	1539	420	3,213
NOV	1117	194	1531	417	3,259
DIS	1029	286	1491	332	3,138
JUMLAH	11,551	3,298	16,321	4,810	35,980

6. AKTIVITI DAN PROGRAM JABATAN

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1.	Ambang Ramadan	1 Apr 2022	Jabatan Perubatan Pemulihan HASA
2.	Autism – Let's Know Me	1 Apr 2022	Jabatan Perubatan Pemulihan HASA
3.	Clinicopathological Conference (CPC) Rehab – Community Integration	13 Apr 2022	Auditorium HASA
4.	Program Pecutan Lailatul Qadr	20 Apr 2022	Jabatan Perubatan Pemulihan HASA
5.	Internal Mock MSQH Audit	20 Mei 2022	Jabatan Perubatan Pemulihan HASA
6.	Sambutan Syawal	27 Mei 2022	Jabatan Perubatan Pemulihan HASA
6.	Lumbosacral Dysfunction Workshop	6 Jul 2022	Clinical Simulation Centre, HASA
7.	Bengkel Penjagaan Pesakit Terlarat	14 - 15 Jul 2022	Jabatan Perubatan Pemulihan HASA
8.	Kursus Pemurnian Klasifikasi Para Sukma MSN 2022	21 - 23 Jul 2022	Hotel De'Palma, Shah Alam
9.	Managing Dysphagia for Beginners	3 Ogos 2022	Jabatan Perubatan Pemulihan HASA
10.	Traumatic Brain & Spine Injury Workshop	17 - 18 Ogos 2022	Jabatan Perubatan Pemulihan HASA
11.	Parent – Child Interaction Program	24 Ogos 2022	Jabatan Perubatan Pemulihan HASA
12.	13 th Annual Malaysian Rehabilitation Medicine Conference	2 - 3 Sept 2022	Kota Bharu, Kelantan
13.	Family – Centered Care in Aphasia	14 Sept 2022	Jabatan Perubatan Pemulihan HASA
14.	Clinicopathological Conference (CPC) Rehab – A Locked-in Story	19 Okt 2022	Auditorium, HASA
15.	Occupational Revolution with Elderly People	27 Okt 2022	Jabatan Perubatan Pemulihan HUiTM
16.	Stroke Outreach Program	1 Nov 2022	Jabatan Perubatan Pemulihan HUiTM
17.	UiTM Practicum – Practical Guide to Insulin Therapy	7 Nov 2022	Jabatan Perubatan Pemulihan HUiTM
18.	Robotic Technology in Rehabilitation (Ngopi with the Korean)	3 Nov 2022	Conference Room, HUiTM
19.	Stroke Fun Game	5 Nov 2022	Jabatan Perubatan Pemulihan HUiTM
20.	Pameran Hari Kerjaya	24 Nov 2022	Fakulti Perubatan, CTC, Sg. Buloh
21.	Cardiac Rehabilitation Programme (CRP) Phase 3	21 Dis 2022	Fakulti Perubatan, CTC, Sg. Buloh

GALERI AKTIVITI



7. PERANCANGAN DAN HALA TUJU JABATAN

Memperkuh perancangan perkhidmatan rehabilitasi kepada pesakit di bawah jaminan PERKESO hasil MoU dengan pihak PERKESO dengan HASA.



Pakar Perubatan, *Physiotherapist*, *Occupational Therapist*, *Speech Therapist*, Jururawat.

Jabatan Psikiatri



1. LATAR BELAKANG

Jabatan Psikiatri berfungsi untuk memberi perkhidmatan kepada pesakit yang mempunyai masalah kesihatan mental, gangguan psikologi dan penyakit psikiatri di PPUiTM Selayang dan PPUiTM Sg. Buloh. Kami juga berkhidmat sebagai pakar di Hospital Selayang dan Hospital Sg. Buloh dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Pada 5 April 2021, Unit Kesihatan Mental, Jabatan Psikiatri, mula memberi perkhidmatan di Anjung Platinum, Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA), UiTM Puncak Alam.

Di samping perkhidmatan klinikal, Jabatan Psikiatri juga menyediakan aktiviti pembelajaran perubatan psikiatri, psikologi dan kesihatan mental. Ia juga menjadi pusat pembangunan kerjaya dalam bidang psikiatri dan psikologi selain berfungsi sebagai nukleus untuk penyelidikan dan inovasi. Perkhidmatan kesihatan mental di HASA adalah selaras dengan perkhidmatan kesihatan mental kebangsaan dan antarabangsa. Ia menjadi pusat perkhidmatan klinikal dan pendidikan psikiatri, psikologi dan kesihatan mental yang mematuhi:

- Akta Kesihatan Mental 2001
- Peraturan Kesihatan Mental 2010
- Dasar Operasi Perkhidmatan Psikiatrik dan Kesihatan Mental
- Kriteria Akreditasi oleh Jawatankuasa Kesepakatan Psikiatri

Tahun 2021 merupakan tempoh transisi perkhidmatan psikiatri, psikologi dan kesihatan mental. Jabatan Psikiatri beroperasi di empat lokasi iaitu:

HASA, Puncak Alam	Unit Kesihatan Mental, Jabatan Psikiatri, Anjung Platinum, HASA
PPUiTM Sungai Buloh	Klinik Pakar Psikiatri dan Psikologi Klinikal, PPUiTM Sungai Buloh.
PPUiTM Selayang	Klinik Pakar Psikiatri dan Psikologi Klinikal, PPUiTM Selayang.
Wad dan Klinik Psikiatri Hospital Selayang	Wad dan Klinik Psikiatri, Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental, Hospital Selayang.

Demi meningkatkan perkhidmatan Jabatan Psikiatri di Hospital Al-Sultan Abdullah, pada tahun 2022, perkhidmatan psikiatri dan psikologi fokus kepada hanya dua pusat perkhidmatan:

HASA, Puncak Alam	Rawatan pesakit luar dan dalam (Wad 3A), Jabatan Psikiatri, Anjung Platinum, HASA
Wad Psikiatri Hospital Selayang	Wad Psikiatri, Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental, Hospital Selayang.

2. OBJEKTIF

2.1 Objektif Kualiti Jabatan

KPI	Pencapaian KPI Jan - Dis 2022 (%)
Perkhidmatan Psikiatri	
Kes bukan segera kurang enam minggu	48
Waktu menunggu kurang 90 min (dari kaunter pendaftaran ke kaunter psikiatri)	97.8
Perkhidmatan Psikologi Klinikal	
Kes Penilaian Psikologi (Jan - Jun 2022)	78.26
Kes Penilaian Psikologi (Jul - Dis 2022)	95
Kes Intervensi Psikologi (Jan - Jun 2022)	86
Kes Intervensi Psikologi (Jul - Dis 2022)	47.83

2.2 Objektif Jabatan

Menjadi pusat pembelajaran dan latihan berterusan untuk para profesional dalam bidang kesihatan mental, masalah psikologi dan penyakit psikiatri.



Menyediakan rawatan holistik untuk individu yang mempunyai masalah kesihatan mental, masalah psikologi dan penyakit psikiatri.



Meningkatkan aktiviti akademik, intervensi inovatif dan penyelidikan seiring penyampaian berkesan perkhidmatan kesihatan mental, masalah psikologi dan penyakit psikiatri.



3. SKOP PERKHIDMATAN

3.1 Klinik di Unit Kesihatan Mental, HASA bagi Rawatan Pesakit Luar

- 3.1.1 Klinik Psikiatri Umum
- 3.1.2 Klinik Subkepakaran Psikiatri:
 - Klinik Kesihatan Mental Wanita dan Perinatal
 - Klinik Kesihatan Mental Kanak-kanak dan Remaja
 - Klinik Psikogeriatric
 - Klinik Psikiatri Ketagihan
- 3.1.3 Klinik Psikologi Klinikal Umum
- 3.1.4 Klinik Psikologi Klinikal Khusus



3.2 Rawatan Pesakit Dalam

- 3.2.1 Wad Psikiatri 3A, HASA
- 3.2.2 Wad Psikiatri, Hospital Selayang

3.3 Rawatan Pesakit Rujukan.

- 3.3.1 Rujukan dari Jabatan kecemasan dan wad-wad lain di HASA
- 3.3.2 Rujukan dari Jabatan kecemasan dan wad-wad lain di Hospital Selayang

4. PENCAPAIAN, ANUGERAH DAN INOVASI

Bil.	Pencapaian/ Anugerah	Tarikh Terima	Peringkat
1.	Penghargaan sebagai Pelatih Bulan Sabit Merah Cawangan UiTM Selangor bagi Projek "Adorable Mind Emotional First Aid and Mental Health Skill" dari 1 November 2021 – 1 Disember 2022 anjuran Bulan Sabit Merah dan Telekom Malaysia. Profesor Madya Dr. Salmi Razali	2022	UCS, Puncak Alam
2.	Pingat Perak <i>Virtual Asia Innovation Show</i> . Projek bertajuk <i>The Unplanned Transition: Innovative Synchronous Technology to Facilitate Teaching and Learning among Medical Students Posted to the Department of Psychiatry</i> . Dr. Saw Jo Anne, Profesor Dr. Suthahar Ariratnam, Dr. Nor Hidayah Jaris, Dr. Mohd Zuhairi Zainuddin dan Puan Siti Aminah Omar	2022	Pingat Perak
3	Penerbitan Buku PROSPEK 3.0 Semua Pakar, Psikologis Klinikal, Ketua Jururawat dan Pensyarah di Jabatan Psikiatri	2022	HASA
4.	Pingat Gangsa the <i>Virtual International e-Content Development Competition (eCONDev) 2022</i> untuk MOOC bertajuk "Introduction to Breathing and Relaxation Techniques." Dr. Saw Jo Anne, Prof Madya Dr. Azlina Wati Nikmat, Dr. Sakinah Idris dan Puan Siti Aminah Omar	2022	Pingat Gangsa

5. STATISTIK JABATAN

5.1 Statistik Perjawatan


Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan
1	Ketua Pusat Perkhidmatan & Profesor Madya	DU56	1
Pensyarah Psikiatri			
2	Profesor Madya	VK7TG	1
3	Profesor Madya	DU56	2
4	Pensyarah	DU56TG	1
5	Pensyarah	DU54TG	3
6	Pensyarah	DU52	1
7	Pensyarah Pelatih	DU51	1
Pensyarah Psikologi Klinikal			
8	Profesor Madya	DM54	1
9	Pensyarah	DM52	1
10	Pensyarah	DM 45	2
Pegawai Perubatan			
11	Pegawai Perubatan Servis	UD 43/44	4
Jururawat dan Pembantu Perawatan Kesihatan			
12	Ketua Jururawat	U32	1
13	Jururawat	U29	13
14	Pembantu Perawatan Kesihatan	U11	5
Kerani			
15	Kerani (Kontrak)	N19	1
JUMLAH			38

5.2 Statistik Perkhidmatan


5.2.1 Jumlah Rawatan Pesakit Luar di Unit Kesihatan Mental, HASA (Jan – Dis 2022)

UNIT KESIHATAN MENTAL	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
KLINIK PSIKIATRI KETAGIHAN	4	1	1	3	0	5	0	2	1	4	5	1
KLINIK PSIKOGERIATRI	10	11	8	4	0	7	11	8	11	11	0	0
NEUROPSI	5	2	2	2	0	0	0	0	0	0	0	0
PERINATAL MENTAL HEALTH	2	5	4	2	5	4	3	8	3	8	12	9
KLINIK SUBKEPAKARAN PSIKIATRI	108	26	49	38	102	168	130	63	48	130	189	243
KLINIK SUBKEPAKARAN PSIKIATRI (VIRTUAL)	14	15	8	11	1	15	4	1	0	9	8	14
KLINIK PSIKIATRI UMUM	337	165	104	84	83	250	148	218	237	252	292	229
PSIKIATRI UMUM (VIRTUAL)	14	67	132	47	9	3	11	11	9	5	4	3
KLINIK MEMORI	1	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
KANAK-KANAK & REMAJA		1	6	8	4	13	11	22	28	50	44	37
PEMBIMBING RAKAN SEBAYA					9	6	0	0	0	0	0	0
KAUNSELING								6	8	12	13	16
JUMLAH	495	294	315	199	213	471	318	339	345	481	567	552

5.2.2 Jumlah Rawatan Pesakit Dalam di Wad 3A, HASA (Feb – Dis 2022)



5.2.3 Jumlah Rawatan Pesakit Rujukan (Feb – Nov 2022)



6. AKTIVITI DAN PROGRAM JABATAN

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1.	Majlis Bacaan Yasin bagi Pembukaan Wad Psikiatri 3A.	3 Feb 2022	Wad Psikiatri 3A, HASA
2.	Modul Terapi STAR (<i>Shine Through Any Roadblocks</i>) – CBT secara dalam talian.	19 Feb 2022	Jabatan Psikiatri, HASA
3.	Kursus Pencegahan dan Menangani Keganasan di Hospital oleh Pasukan SHIELD, Jabatan Psikiatri dan Pasukan Alpha, Hospital Selayang.	7 Jun 2022	Bilik Persidangan, HASA
4.	PROSPEK 3.0: Webinar Krisis Kesihatan Mental.	18 Jun 2022	Jabatan Psikiatri, HASA
5.	Seni Minda Seni Catan Interaktif bersama pesakit psikiatri	19 Ogos 2022	Jabatan Psikiatri, HASA
6.	Bengkel <i>Cognitive Remediation Therapy</i> (ReMind)	23 - 24 Ogos 2022	Bilik Persidangan, HASA
7.	Program for the Education and Enrichment of Relational Skills (PEERS) – Autism in Adult	29 Ogos 2022	Jabatan Psikiatri, HASA
8.	<i>World Suicide Prevention Day</i>	9 Sept 2022	Auditorium, HASA
9.	Program Khidmat Masyarakat	1 Okt 2022	Kampung Orang Asli Batu 16 Gombak
10.	<i>World Mental Health Day 2022</i> secara dalam talian.	13 Okt 2022	Jabatan Psikiatri, HASA
11.	Akreditasi Perkhidmatan Psikiatri dan Perkhidmatan Neuromedikal.	7 Dis 2022	Jabatan Psikiatri, HASA

7. PERANCANGAN DAN HALA TUJU JABATAN

Menambah jumlah katil pesakit dalam daripada enam katil beroperasi kepada 10 katil pada hujung tahun 2023. Ini akan melibatkan penambahan kakitangan termasuk pakar, pegawai perubatan, penolong pegawai perubatan, jururawat dan pembantu perawatan kesihatan.



Menyediakan rawatan sokongan dan rehabilitasi untuk pelajar-pelajar yang mendapatkan rawatan secara menyeluruh termasuk intervensi primer, sekunder dan tertiar. Intervensi primer adalah dengan menyediakan maklumat tentang kesihatan mental dan perkhidmatan yang diberi untuk pelajar di UiTM. Intervensi sekunder termasuk rawatan awal penyakit mental pelajar secara menyeluruh. Intervensi tertiar adalah rehabilitasi melalui program sokongan akademik.

Meningkatkan Jangka Masa sangkutan akademik pelajar Pascasiswazah Psikiatri dari tiga bulan kepada enam bulan pada penghujung tahun 2023. Ini memerlukan peningkatan kepelbagaian kes-kes penyakit mental yang dirawat di klinik dan wad psikiatri seperti yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Kepakaran Psikiatri.



Menambah program inovasi dalam menyampaikan maklumat berkaitan kaunseling dan psikoterapi kepada pesakit.

GALERI AKTIVITI



Jabatan Perubatan Kesihatan Awam



1. LATAR BELAKANG

Jabatan Perubatan Kesihatan Awam Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) UiTM telah ditubuhkan pada tahun 2021 bagi menangani isu-isu berkaitan Kesihatan Awam termasuk keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam kalangan kakitangan hospital serta kesihatan persekitaran di HASA.

Matlamat jabatan adalah untuk memastikan kakitangan hospital dan pelanggan berada dalam persekitaran yang selamat, bersih, dan kondusif selaras dengan peruntukan akta, etika dan peraturan yang ditetapkan seperti Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, Akta

Makanan 1983, Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975, dan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Terdapat dua (2) unit utama di bawah Jabatan Perubatan Kesihatan Awam HASA iaitu Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Unit Kesihatan Persekitaran. Jabatan ini terletak di Pejabat Pentadbiran Aras 5, Blok A Hospital Al-Sultan Abdullah dan beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang, Isnin hingga Jumaat.

2. OBJEKTIF JABATAN

Memastikan Keselamatan dan Kesihatan pekerja dilindungi melalui pelaksanaan aktiviti Pengenalpastian *Hazard*, Penilaian Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC) yang berkesan di HASA, UiTM.



Memastikan tindakan diambil bagi semua insiden keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang dilaporkan kepada jabatan adalah 100%.



Memastikan pematuhan akta dan peraturan-peraturan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta kesihatan persekitaran dengan menjalankan audit-audit berkaitan.



Memastikan sekurang-kurangnya 50% isu yang dikenalpasti ketika audit keselamatan dan kesihatan persekitaran adalah diambil tindakan.



3. SKOP PERKHIDMATAN

Perkhidmatan Jabatan Perubatan Kesihatan Awam merangkumi:

3.1. Kesihatan Pekerja

- 3.1.1. Perkhidmatan Klinik Perubatan Pekerjaan (*Occupational Medicine Clinic*).
- 3.1.2. Pengurusan Program Survelan Kesihatan dan Perubatan.
- 3.1.3. Perkhidmatan Vaksinasi Hepatitis B untuk kakitangan HASA.
- 3.1.4. Program kesedaran kesihatan pekerja iaitu Program SOHELP (*Systematic Occupational Health Enhancement Level Programme*) yang memfokuskan kepada *Hazard* Kimia, Ergonomik dan Bunyi Bising.
- 3.1.5. Penyiasatan kes-kes keracunan pekerja, penyakit pekerjaan dan bahaya (*hazard*) tempat kerja.
- 3.1.6. Laporan kes keracunan pekerja dan penyakit pekerjaan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Kementerian Sumber Manusia Malaysia.

3.2. Keselamatan Pekerja

- 3.2.1. Pengurusan penyiasatan insiden Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di HASA.
- 3.2.2. Pengurusan pelaporan kes kemalangan dan kejadian berbahaya kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Kementerian Sumber Manusia Malaysia.
- 3.2.3. Pengurusan aktiviti Pengenalpastian *Hazard*, Penilaian Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC) di HASA.
- 3.2.4. Pengurusan aktiviti Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di HASA.
- 3.2.5. Program Induksi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.



3.3. Kesihatan Persekitaran

- 3.3.1. Pengurusan Keselamatan dan Kualiti Makanan
 - Pemeriksaan premis makanan berasaskan risiko secara berkala.
 - Pemeriksaan dan pengredan premis makanan mengikut Gred A, B dan C.
 - Latihan pengendalian makanan kepada semua pengendali makanan.
 - Pemeriksaan dapur sajian dan dapur pusat bagi premis makanan.
 - Pemeriksaan bazar ramadan di HASA.
 - Menyiasat aduan berkaitan keselamatan makanan.
- 3.3.2. Pengurusan dan kawalan vektor
 - Pemeriksaan tempat pembiakan Aedes / tinjauan Aedes.
 - Memantau aktiviti semburan kabus dan *ovitrap*.
 - Menyiasat aduan berkaitan kawalan vektor.
 - Memantau pelaksanaan Program Bebas Lipas, Lalat dan Tikus (LILATI) di Kawasan hospital.
- 3.3.3. Pemantauan larangan merokok di HASA.
- 3.3.4. Pemantauan dalam sistem e-notifikasi penyakit berjangkit di HASA.
- 3.3.5. Pemantauan kualiti udara di HASA.
- 3.3.6. Pemantauan pengurusan sisa klinikal, sisa domestik dan bahan kitar semula di HASA.
- 3.3.7. Program induksi Kesihatan Persekitaran.

4. STATISTIK JABATAN

4.1. Statistik Perjawatan

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan
1.	Ketua Jabatan	DU56 (Prof Madya)	1
2.	Timbalan Ketua Jabatan	DU56 (Prof Madya)	1
3.	Ketua Unit Kesihatan Persekitaran	VK7TG	1
4.	Ketua Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	DU52	1
5.	Pegawai Perubatan	UD43/ UD47	2
6.	Pegawai Sains	C41	1
7.	Jururawat	U29	1
8.	Penolong Pegawai Sains	C29	2
9.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	U29	2
10.	Pembantu Tadbir (Tetap)	N19	1
11.	Pembantu Tadbir (Kontrak)	N19	1
JUMLAH			14

4.2. Statistik Perkhidmatan Klinik Perubatan Pekerja

Bil.	Perkhidmatan	Perkara	Bilangan Pesakit
1.	Klinik Perubatan Pekerja (Umum)	Penyakit Pekerjaan (yang telah disahkan atau disyaki menghidap penyakit pekerjaan)	6
		Jangkitan Virus Bawaan Darah	2
		Jangkitan Tuberkulosis Laten	4
2.	Survelan Perubatan dan Saringan Kesihatan	<i>Employee Empowerment, Wellbeing and Assistance Program (EEWAP)</i>	46
		Saringan kesihatan ahli <i>Emergency Response Team (ERT)</i>	82
		Survelan Kesihatan (Farmasi dan Radiologi)	13
3.	Kecederaan Alatan Tajam	Kecederaan Alatan tajam	13
JUMLAH KES			166

4.3. Statistik Saringan *Employee Empowerment, Wellbeing and Assistance Program* EEWAP (Soal selidik dalam talian)



TELAH MENJAWAB

220

BELUM MENJAWAB

1,314

4.4. Statistik Program Vaksinasi untuk Staf



BELUM LENGKAP VAKSINASI


514

TELAH LENGKAP VAKSINASI

639

4.5. Statistik Insiden Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (KKP)

4.5.1. Jumlah Keseluruhan Insiden KKP 2022



4.5.2. Insiden Kemalangan



LAIN-LAIN

3

PERALATAN TAJAM (NSI)

9

4.6. Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

BIL.	JABATAN / UNIT	TARIKH AUDIT
1.	Jabatan Farmasi	
2.	Jabatan Patologi Forensik	25 Jul 2022
3.	Jabatan Makmal Diagnostik Klinikal	
4.	Pusat Perubatan Nefrologi	27 Jul 2022
5.	Jabatan Anestesiologi	12 Ogos 2022
6.	Jabatan O&G	22 Ogos 2022
7.	Jabatan Radiologi	29 Ogos 2022
8.	Jabatan Perubatan Pemulihan	7 Sep 2022
9.	Unit Endoskopi & Rawatan Harian	5 Okt 2022
10.	Jabatan Pembedahan Plastik	11 Okt 2022
11.	Jabatan Kejururawatan	13 Okt 2022
12.	Jabatan Psikiatri	19 Okt 2022
13.	Jabatan Perubatan (Unit Respiratori)	21 Okt 2022
14.	Jabatan Otorinolaringologi	26 Okt 2022
15.	Pusat Perkhidmatan Onkologi	9 Nov 2022
16.	Unit Kawalan Infeksi	10 Nov 2022
17.	Jabatan Dietetik & Sajian	24 Nov 2022
18.	Keselamatan Jalan Raya	30 Nov 2022

4.7. Statistik Semakan bagi Premis Makanan

Bil.	Perkara	Tarikh Tindakan
1.	Pemeriksaan Premis Makanan Berasaskan Risiko	08 Jun 2022
		24 Ogos 2022
		15 Dis 2022
2.	Pemeriksaan dan Penggredan Premis Makanan	24 Ogos 2022

4.8. Statistik Pemantauan Kawalan Vektor dan Serangga

Perkara	Kekerapan
Pemeriksaan Aedes Survey	12 kali setahun
Pemantauan Aktiviti Semburan Kabus	12 kali setahun

4.9. Statistik Aduan Kawalan Serangga

Bulan	Kekerapan	Tindakan
Januari	0	-
Februari	1	Selesai
Mac	0	-
April	1	Selesai
Mei	3	Selesai
Jun	3	Selesai
Julai	1	Selesai
Ogos	3	Selesai
September	1	Selesai
Oktober	3	Selesai
November	2	Selesai
Disember	5	Selesai

4.10. Statistik Penguatkuasaan Rokok

Perkara	Kekerapan	Tarikh Tindakan
Pemantauan Larangan Merokok di Kawasan HASA, UiTM	E nam kali setahun bermula Julai 2022	08 Jul 2022
		03 Ogos 2022
		28 Sep 2022
		25 Okt 2022
		22 Nov 2022
		21 Dis 2022

5. PENCAPAIAN, ANUGERAH DAN INOVASI

Bil.	Pencapaian/Anugerah	Tarikh Terima	Peringkat
1.	Anugerah Insan iDART Bulan Ogos Nor Rasidah Ibro	Ogos 2022	HASA
2.	Anugerah Insan iDART Bulan September Norfaizah Jatlee	Sept 2022	HASA
3.	Anugerah Insan iDART Bulan Oktober Dr. Nur Izyan Muhammad Ramdan	Okt 2022	HASA


6. AKTIVITI DAN PROGRAM JABATAN

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1.	Latihan Pengendalian Makanan	13 Mac 2022	Auditorium, HASA
2.	Latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan: <i>Safe Sharps Handling</i>	15 Mac 2022	Auditorium, HASA
3.	Lawatan Penanda Aras ke Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Hospital Sungai Buloh	24 Mac 2022	Hospital Sungai Buloh
4.	Sambutan Hari Keselamatan dan Kesihatan Sedunia 2022 Peringkat Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM dengan tema <i>Cultivating OSH Culture in Hospital & Workplace Settings</i>	28 April 2022	Dalam talian (Webex)
5.	Sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2022 Peringkat Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM & Pra-Pelancaran Polisi Hospital Bebas Tembakau HASA	1 Jun 2022	Auditorium, HASA
6.	Lawatan ke Pharmaniaga – Perkongsian pengalaman Pharmaniaga berkaitan perjalanan mendapatkan pensijilan ISO 45001:2018 - <i>Occupational Health and Safety</i> dan lawatan gudang logistik Pharmaniaga	8 Jun 2022	Pharmaniaga Logistics, Shah Alam
7.	<i>User Training: Incident Reporting System</i>	9 & 10 Jun 2022	Bilik Komputer, Jabatan Infostruktur, HASA
8.	Lawatan Penanda Aras ke Institut Jantung Negara (<i>Support Services, Security and Safety Department</i>)	13 Jun 2022	Institut Jantung Negara
9.	Lawatan ke Pusat Rehabilitasi PERKESO untuk melihat dan memahami <i>Return to Work Program</i> yang disediakan oleh PERKESO	15 Jun 2022	Pusat Rehabilitasi PERKESO, Melaka
10.	Ceramah Kesedaran Bahaya Merokok	17 Jun 2022	Dalam talian (Webex)
11.	Bengkel Pemantapan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM & UiTM Cawangan Selangor	24 Jun 2022	Auditorium, HASA
12.	Pelancaran Kempen Pembudayaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) HASA	24 Jun 2022	Auditorium, HASA
13.	Program Latihan SOHELP DIY (Ergonomik)	28 Jun 2022	Auditorium, HASA
14.	Program Latihan SOHELP DIY (Bahan Kimia)	30 Jun 2022	Auditorium, HASA
15.	Program Latihan SOHELP DIY (Bunyi Bising) & Peralatan Perlindungan Diri (PPE)	5 Jul 2022	Bilik Persidangan, HASA
16.	Verifikasi Pertama Program SOHELP DIY oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)	27 Jul 2022	Bilik Perbincangan, HASA
17.	Pemeriksaan dan Penggredan Premis Makanan	24 Ogos 2022	HASA
18.	Latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan: <i>OSH Incident Reporting</i>	25 Ogos 2022	Dalam talian (Webex)
19.	Lawatan ke Makmal Diagnostik Klinikal dan Jabatan Forensik bagi Jawatankuasa Bahan Berbahaya dan Sisa Kitar Semula	07 September 2022	Jabatan Makmal Diagnostik Klinikal dan Jabatan Forensik, HASA
20.	Bengkel Klinik Berhenti Merokok HASA	20 & 21 Sep 2022	Bilik Persidangan, HASA
21.	Latihan Pengurusan Bahan Berbahaya	23 Sep 2022	Bilik Persidangan, HASA
22.	Pemeriksaan premis dapur di Jabatan Dietetik	27 Sep 2022	Jabatan Dietetik, HASA
23.	Penampalan papan tanda sementara larangan merokok	28 Sep 2022	HASA
24.	Seminar Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan dan Agenda Nasional Malaysia Sihat dengan kerjasama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	17 Nov 2022	National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH), Bangi, Selangor
25.	Program Kualiti Udara Dalam	6 Dis 2022	Bilik Persidangan, HASA

GALERI AKTIVITI



7. PERANCANGAN DAN HALA TUJU JABATAN



Jabatan Makmal Diagnostik Klinikal



1. LATAR BELAKANG

Jabatan Makmal Diagnostik Klinikal (CDL) memulakan operasi di Pusat Latihan Klinikal (*Clinical Training Centre - CTC*), Fakulti Perubatan, UiTM Kampus Sungai Buloh pada tahun 2010 dan dikenali sebagai Pusat Patologi Diagnostik dan Makmal Penyelidikan (CPDRL). Ketika itu, CPDRL diklusterkan di bawah Rumpun Makmal Perubatan. Setelah sistem kluster dimansuhkan, Jabatan Patologi dan Jabatan Mikrobiologi Perubatan & Parasitologi telah ditubuhkan bersama dengan servis makmal yang berkaitan.

Selaras dengan penubuhan Hospital Pengajar UiTM pada Disember 2020, semua servis makmal perubatan telah digabungkan semula dan dinamakan sebagai Jabatan Makmal Diagnostik Klinikal (CDL).

Jabatan ini berfungsi menyediakan servis makmal perubatan di bawah satu identiti. CDL juga menyediakan servis makmal patologi kepada PPUiTM Sungai Buloh, PPUiTM Selayang dan institusi luar. Walau bagaimanapun, perkhidmatan yang ditawarkan di PPUiTM Selayang telah ditamatkan pada April 2022. Selain itu, CDL menawarkan servis diagnostik, penyelidikan, dan perundingan dalam pelbagai disiplin iaitu Patologi Anatómik (Histopatologi & Sitopatologi), Hematologi & Perubatan Transfusi, Patologi Kimia, dan Mikrobiologi Perubatan & Parasitologi.

CDL telah mendapat pengiktirafan akreditasi MS ISO 15189:2007 oleh Jabatan Standards Malaysia sejak tahun 2014 dan sekarang telah diakreditasi dengan MS ISO 15189:2014.

2. OBJEKTIF KUALITI JABATAN

PENCAPAIAN KPI di PPUiTM

KPI	Sasaran	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Masa Pusingan Makmal (LTAT) untuk Pengiraan Darah Penuh (FBC) segera dalam masa 45 minit > 90%	> 90%	97.1	94.2	99.0	97.1	98.8	97.0	97.8	95.3	96.4	97.8	98.9	100
Kadar penolakan spesimen < 1%	<1%	1.9	1.7	1.4	1.8	1.5	1.6	1.7	1.2	1.2	1.4	1.3	1.0
Nisbah 'Crossmatch' kepada Transfusi (CT) ≤ 2	≤2	1.55	1.45	1.43	1.80	1.68	1.64	1.5	1.86	1.83	1.40	1.18	1.57
Kadar luput sel merah ≤ 2.5%	≤2.5%	6.3	2.6	0	4.7	8.5	0	3.8	12.5	6.0	6.3	12.0	5.2

PENCAPAIAN KPI di HASA

KPI	Sasaran	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Masa Pusingan Makmal (LTAT) untuk Pengiraan Darah Penuh (FBC) segera dalam masa 45 minit > 90%	> 90%	90.8	96.7	94.1	92.5	92.6	93.1	92.2	94	92.7	95.2	91.4	95.4
Kadar penolakan spesimen < 1%	<1%	2.2	1.7	1.5	2.2	1.9	2.1	2.6	2.5	2.1	2.2	2.0	2.1
Nisbah 'Crossmatch' kepada Transfusi (CT) ≤ 2	≤2	1.6	1.7	1.6	1.5	1.6	1.8	1.6	1.3	1.6	1.4	1.4	1.3
Kadar luput sel merah ≤ 2.5%	≤2.5%	11.4	18.6	6.25	24.7	5.2	5	1.8	2	2.2	2.2	3.9	5.0

3. SKOP PERKHIDMATAN

CDL menawarkan servis diagnostik berdasarkan empat (4) disiplin makmal perubatan yang utama seperti berikut:

3.1 Patologi Anatomik



Menyediakan servis diagnostik, pengajaran klinikal, penyelidikan, dan perundingan ke atas tisu dan sel pesakit melibatkan dua sub-bidang iaitu histopatologi dan sitopatologi.

3.1.1 Histopatologi

Pemeriksaan makroskopik dan mikroskopik ke atas spesimen tisu dengan tafsiran diagnosis. Pecahan spesimen terdiri daripada *surgical pathology* seperti biopsi, *excision*, *resection*, dan lain-lain untuk *Formalin-Fixed Tissue*. Juga menyediakan servis hirisan sejuk beku atau *Intraoperative Frozen Section*. Bagi proses diagnosis, ujian pewarnaan disediakan seperti:

- *Haematoxylin & Eosin*, serta ujian tambahan seperti *histochemical staining (special stain)*,
- *Immunohistochemistry staining (IHC)*, dan
- *Immunofluorescence staining (IF)*.

3.1.2 Sitopatologi

Servis diagnostik dan penyaringan berdasarkan morfologi sel. Secara dasarnya terbahagi kepada dua iaitu:

Gynaecology Cytopathology

Melibatkan penyaringan kanser serviks melalui prosedur pap smear.

Non- Gynaecology Cytopathology

Melibatkan prosedur penyaringan ke atas semua cecair badan yang lain seperti:

- *Peritoneal*
- *Pericardial*
- Urin
- Cecair kelenjar tiroid
- Lain-lain kaedah pengambilan spesimen meliputi FNAC, EBUS dan lain-lain.

3.2 Patologi Kimia



Menyediakan servis diagnostik, khidmat perundingan / konsultasi, latihan klinikal dan teknikal termasuk penyelidikan dalam Patologi Kimia dan bekerjasama dengan disiplin klinikal lain dalam bidang penyelidikan yang berkaitan.

3.2.1 Patologi Kimia Am

Menjalankan ujian-ujian am dan rutin melibatkan patologi kimia dalam badan pesakit melalui analisis spesimen bendalir badan yang mempunyai Short Turn-Around-Time. Antaranya ialah:

- *Blood Gases*
- *Cardiac Markers*
- *Clinical Chemistry*
- *Body Fluids Biochemistry*
- *Urine FEME*

3.2.2 Patologi Kimia Khusus

Menjalankan ujian-ujian patologi kimia yang khusus dan kompleks mengikut keperluan pengujian bagi tujuan rawatan dan pengurusan pesakit. Antaranya HbA1c, hormon, paras PCM, NT-proBNP dan lain-lain.

3.2.3 Pemantauan Dadah Terapeutik

Menjalankan ujian-ujian pemantauan dadah terapeutik ke atas spesimen pesakit bagi tujuan rawatan dan pemantauan. Antaranya ujian *Vancomycin* dan lain-lain.

3.3 Hematologi & Perubatan Transfusi



Menyediakan perkhidmatan diagnostik dan saringan serta pengajaran / latihan klinikal dan teknikal, penyelidikan dan runding cara bagi ujian-ujian berkaitan masalah penyakit darah dan perubatan transfusi.

3.3.1 Hematologi Rutin

Menjalankan ujian-ujian rutin diagnostik dan saringan analisis darah. Menjalankan ujian diagnostik dan saringan bagi kes masalah pembekuan darah dan pendarahan.

3.3.2 Hematologi Khusus

Menjalankan ujian-ujian diagnostik lanjutan melibatkan masalah sel darah merah dan sel darah putih serta masalah pembekuan darah dan pendarahan.

3.3.3 Perubatan Transfusi

Menjalankan ujian-ujian rutin diagnostik perubatan transfusi dan menyediakan bekalan produk darah untuk kes-kes perubatan, elektif dan kecemasan.

3.3.4 Imunohematologi Khusus

Menjalankan ujian-ujian diagnostik lanjutan untuk kes-kes antibodi positif dan menyediakan bekalan darah khas untuk kes-kes perubatan, elektif dan kecemasan.

3.4 Mikrobiologi Perubatan & Parasitologi



Menyediakan perkhidmatan diagnostik, penyelidikan, pengajaran klinikal, dan perundingan melibatkan jangkitan kuman pada pesakit melibatkan bidang:

3.4.1 Bakteriologi

Pengendalian ujian Kultur dan Sensitiviti untuk semua sampel termasuk darah dan lain-lain cecair badan. Proses pengkulturan melibatkan sampel pesakit yang diletakkan pada media yang bersesuaian untuk membiakkan bakteria dalam keadaan terkawal. Sensitiviti pula adalah ujian terhadap bakteria untuk mengetahui jenis antibiotik yang sesuai untuk digunakan.

3.4.2 Serologi/Virologi

Pengendalian ujian untuk diagnosis jangkitan yang disebabkan oleh virus seperti:

- HIV;
- Hepatitis B;
- Hepatitis C;
- Bakteria seperti *Treponema Pallidum*.

Ujian melibatkan pengesanan antibodi dan antigen menggunakan sampel serum dari pesakit.

3.4.3 Mikologi

Pengendalian ujian yang melibatkan jangkitan fungus seperti kulat dan yis. Proses kultur pada media khas. Proses mikroskopi dijalankan untuk tujuan identifikasi.

3.4.4 Mikobakteriologi

Pengendalian ujian yang melibatkan proses identifikasi jangkitan *Mycobacterium tuberculosis*. Ujian calitan pada slaid kaca, melibatkan sampel respiratori dan lain-lain bahagian pada tubuh badan.

3.4.5 Parasitologi

Pengendalian ujian yang melibatkan jangkitan parasit seperti protozoa, cacing dan malaria. Menggunakan sampel tinja dan darah. Ujian calitan akan dilakukan pada slaid kaca untuk proses identifikasi.

3.4.6 Imunologi

Pengendalian ujian untuk mengesan jangkitan yang disebabkan oleh patogen melalui pengesanan antibodi/ antigen. Termasuk ujian mengesan fungsi sistem imun tubuh, alergi dan penyakit autoimun.

3.4.7 Molekular

Pengendalian ujian yang melibatkan proses pengekstrakan dan pengesanan DNA/RNA bagi tujuan mengenal pasti jenis jangkitan bakteria, virus atau fungus secara khusus.

4. PENCAPAIAN, ANUGERAH DAN INOVASI

Bil.	Pencapaian/Anugerah	Tarikh Terima	Peringkat
1.	Akreditasi MS ISO 15189	2014-kini	Kebangsaan
2.	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022 Ts. Muhammad Idham bin Mohamed Nurul Aini Abu Bakar Merlinda @ Merlinda Lim Mustapha Lim Norleza Mat Kail Mohd Fakhry Rosland Abdul Halim Damat Norhafizah Yahya Siti Suhailah Rahim	23 Jun 2023	UiTM
3.	Anugerah Insan iDART HASA Bulan Ogos 2022 Dr. Mardiana Abdul Aziz	Sept 2022	HASA
4.	Anugerah Insan iDART HASA Bulan Oktober 2022 Ts. Muhammad Idham bin Mohamed	Nov 2022	HASA
5.	Anugerah Insan iDART HASA Bulan November 2022 Nurul Alia binti Adnan	Dis 2022	HASA

5. STATISTIK JABATAN

5.1 Statistik Perjawatan

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan
1.	Pakar Perunding Kanan Patologi (Anatomik/ Kimia/ Hematologi & Transfusi/ Mikrobiologi)	VK7	4
2.	Pakar Perunding Patologi (Anatomik/ Kimia/ Hematologi & Transfusi/ Mikrobiologi)	DU56	22
3.	Pakar Patologi (Anatomik/ Kimia/ Hematologi & Transfusi/ Mikrobiologi/ Genetik)	DU54	3
4.	Pakar Patologi (Anatomik/ Kimia/ Hematologi & Transfusi/ Mikrobiologi)	DU51	2
5.	Pegawai Sains Kanan	C44	5
6.	Pegawai Sains	C41	9
7.	Juruteknologi Makmal Perubatan Tertinggi	U36	1
8.	Juruteknologi Makmal Perubatan Kanan	U32	11
9.	Juruteknologi Makmal Perubatan	U29	54
10.	Juruteknologi Makmal Perubatan (Kontrak)	U29	14
11.	Kerani (Kontrak)	N19	2
12.	Pembantu Makmal	C17	1
13.	Pembantu Perawatan Kesihatan	U11	6
JUMLAH			134

5.2 Statistik Perkhidmatan

Bulan/ Fasiliti	HASA, Puncak Alam	PPUiTM Sg. Buloh	Jumlah
Jan	38651	559	39,210
Feb	37769	577	38,346
Mac	50904	686	51,590
Apr	44589	539	45,128
Mei	47873	526	48,399
Jun	61243	727	61,970
Jul	62843	727	63,570
Ogos	69586	759	70,345
Sep	64508	582	65,090
Okt	71669	545	72,214
Nov	72661	529	73,190
Dis	23275	416	23,691
Jumlah	645,571	7,172	652,743

6. AKTIVITI DAN PROGRAM JABATAN

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1.	Audit Dalaman MS ISO 15189	Sesi Audit 2022	CDL HASA & CDL PPUiTM Sg. Buloh
2.	Audit Luar MS ISO15189	Sesi Audit 2022	CDL HASA & CDL PPUiTM Sg. Buloh
3.	Latihan Industri (Diploma Teknologi Makmal Perubatan UiTM)	2022	CDL HASA & CDL PPUiTM Sg. Buloh
4.	Latihan Industri (Diploma Teknologi Makmal Perubatan UniSZA)	2022	CDL HASA & CDL PPUiTM Sg. Buloh
5.	Latihan Industri (Ijazah Sarjana Muda Analisis Kimia Forensik UiTM)	2022	CDL HASA & CDL PPUiTM Sg. Buloh
6.	Latihan Industri (Ijazah Sarjana Muda Teknologi Makmal Perubatan UiTM)	2022	CDL HASA & CDL PPUiTM Sg. Buloh
7.	Latihan Industri (Ijazah Sarjana Muda Biologi UiTM)	2022	CDL HASA & CDL PPUiTM Sg. Buloh
8.	Semakan dokumen kualiti MS ISO 15189 dan MSQH (QP/WI)	2022	Dalam talian
9.	<i>Continuous Medical Education</i> bulanan oleh setiap unit di CDL mengikut giliran (AP/CP/HTM/MMP)	2022	Dalam talian/Bersemuka
10.	Jamuan Raya CDL	28 Mei 2022	HASA
11.	<i>Customer Education Series</i> (CES) 2022	22 Jul 2022	Dalam talian
12.	Lawatan HUMS	18 Ogos 2022	CDL HASA & CDL PPUiTM Sg. Buloh
13.	Lawatan Pegawai Sains HUMS	24 Nov 2022	CDL HASA
14.	Kakitangan jabatan menyertai Misi Sukarelawan Banjir HASA	23-25 Dis 2022	Durian Mentangau dan Dungun, Terengganu

GALERI AKTIVITI



7. PERANCANGAN DAN HALA TUJU JABATAN

Perancangan Jangka Masa Pendek

- Memperluaskan skop perkhidmatan diagnostik termasuk Imunologi Transplan dan Patologi Genetik.
- Menghantar kakitangan Jabatan untuk menghadiri kursus dan latihan berkaitan seperti latihan sangkutan, pos basik, subkepakaran dan pascasiswazah bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran.
- Menambahbaik servis klinikal melalui sesi perkongsian ilmu: *Clinical Education Series* (CES) Jabatan Makmal Diagnostik Klinikal.
- Unjuran pertambahan staf klinikal/bukan klinikal di Jabatan Makmal Diagnostik Klinikal bagi kelancaran proses klinikal dan pentadbiran.
- Memperbaiki mutu dokumentasi dan sebaran maklumat dalam Jabatan Makmal Diagnostik Klinikal bagi persediaan audit luar MSQH pada 2023.
- Mengemaskini semula KPI Jabatan Makmal Diagnostik Klinikal terutamanya yang melibatkan penerimaan dan penolakan spesimen, dan cara kerja servis makmal supaya relevan dengan operasi semasa dan terkini di HASA.
- Menerima calon atau pelajar dari agensi dan institusi awam dan swasta untuk menjalani program latihan singkat dan kursus di Jabatan Makmal Diagnostik Klinikal.



Perancangan Jangka Masa Panjang

- Menawarkan ujian-ujian khusus dan kompleks untuk dijalankan di Jabatan Makmal Diagnostik Klinikal.
- Menjadi pusat rujukan bagi ujian-ujian khusus dan kompleks dalam Makmal Patologi.
- Menjadi pusat rujukan bagi projek penyelidikan melibatkan bidang Makmal Patologi.
- Melibatkan jabatan dalam projek usahasama dalam perkhidmatan patologi bersama institusi dalam dan luar negara.



Jabatan Patologi Forensik



1. LATAR BELAKANG

Jabatan Patologi Forensik, Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA), UiTM Puncak Alam memulakan perkhidmatan mortuari dan pengurusan jenazah pada 1 Jun 2021. Perkhidmatan bedah siasat pula bermula pada 1 November 2021, terhadap kepada kes-kes rujukan di mana jenazah yang memerlukan bedah siasat ini merupakan kes positif COVID-19. Jabatan ini terletak bersebelahan dengan bangunan utama hospital dan dilengkapi dengan semua kemudahan yang diperlukan bagi membolehkan jabatan menyediakan perkhidmatan forensik yang optimum dan bersedia menjadi pusat latihan kepakaran. Jabatan Forensik mempunyai dua bilik bedah siasat bertekanan negatif dan 18 peti sejuk untuk penyimpanan jenazah. Jabatan Forensik turut menyediakan bilik-bilik persiapan jenazah muslim dan bukan muslim bagi memudahkan waris menguruskan kematian ahli keluarga.

Perkhidmatan utama Jabatan Forensik adalah perkhidmatan mortuari secara 24 jam bagi penerimaan dan penyerahan jenazah.

Mengikut perancangan jabatan, perkhidmatan forensik akan dibuka sepenuhnya pada awal tahun 2024. Dengan ini, jabatan akan menerima kes-kes *brought-in-dead* (BID) yang dibawa oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi melakukan bedah siasat *medico-legal*, yang merangkumi kes laporan kematian mengejut dan juga kes berunsur jenayah.

Kesemua kakitangan Jabatan Forensik telah menjalani latihan dan kursus yang diperlukan di Jabatan Perubatan Forensik, Kementerian Kesihatan Malaysia.

2. OBJEKTIF KUALITI JABATAN

Memastikan tempoh masa penyerahan jenazah selepas pendaftaran jenazah di Jabatan Forensik bagi kes bukan medico-legal kepada pihak yang menuntut adalah tidak lebih dari tiga jam. Peratusan KPI yang ditetapkan mengikut piawaian *Malaysian Society for Quality in Health* (MSQH) adalah $\geq 80\%$ daripada jumlah kematian bagi setiap enam bulan (KPI 1).



Memastikan peratusan jenazah yang diserahkan oleh Jabatan Forensik kepada pihak yang menuntut jenazah yang betul adalah lebih $\geq 99\%$ bagi setiap enam bulan (KPI 2).



KPI	Sasaran	Jan - Jun	Jul - Dis
KPI 1	$\geq 80\%$	86.54%	89.41%
KPI 2	$\geq 99\%$	100%	100%

3. SKOP PERKHIDMATAN



Pengurusan mortuari

- Pengurusan jenazah secara 24 jam bagi pesakit yang meninggal dunia di hospital dan jenazah yang dibawa mati
- Penerimaan jenazah
- Penyimpanan jenazah
- Penyerahan jenazah
- Pengurusan dokumentasi kematian
- Pengurusan jenazah atau anggota badan yang tidak dituntut
- Pengurusan jenazah berisiko tinggi
- Pengurusan kematian disebabkan bencana besar atau wabak penyakit berjangkit

4. PENCAPAIAN, ANUGERAH DAN INOVASI

Bil.	Pencapaian / Anugerah	Tarikh Terima	Peringkat
1.	Anugerah Insan iDART HASA Bulan Ogos 2022 Cik Siti Shahera binti Saniman	15 Sept 2022	HASA
2.	Anugerah Insan iDART HASA Bulan November 2022 Encik Mohamad Hamizan bin Othman	22 Dis 2022	HASA
3.	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022 Mohamad Hamizan bin Othman	23 Jun 2023	UiTM

5. STATISTIK JABATAN

5.1 Statistik Perjawatan

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan
1.	Pakar Perunding Patologi Forensik	DU56	1
2.	Pegawai Sains	C41	1
3.	Penolong Pegawai Perubatan	U29	4
4.	Pembantu Perawatan Kesihatan	U11	3
Jumlah			9

5.2 Statistik Perkhidmatan

Jumlah kematian bulanan bagi kes biasa (bukan jangkitan COVID-19) dan kes jangkitan COVID-19 di PPUiTM Sungai Buloh dari bulan Januari 2022 sehingga Disember 2022

Bulan	Jan		Feb		Mac		April		Mei		Jun		Julai		Ogos		Sep		Okt		Nov		Dis	
Jenis kes	C	NC	C	NC	C	NC	C	NC	C	NC	C	NC	C	NC	C	NC	C	NC	C	NC	C	NC	C	NC
Jumlah kes	0	4	1	5	0	3	0	2	0	7	0	1	0	11	0	4	0	4	0	4	0	6	0	7

*C = kes kematian COVID-19 *NC = kes kematian biasa

Jumlah kematian bulanan bagi kes biasa (bukan jangkitan COVID-19) dan kes jangkitan COVID-19 di HASA, UiTM bermula dari bulan Januari 2022 sehingga Disember 2022

Bulan	Jan		Feb		Mac		April		Mei		Jun		Julai		Ogos		Sep		Okt		Nov		Dis	
Jenis kes	C	NC	C	NC	C	NC	C	NC	C	NC	C	NC	C	NC	C	NC	C	NC	C	NC	C	NC	C	NC
Jumlah kes	0	2	0	10	1	15	0	7	0	6	0	11	1	12	0	14	1	13	1	12	4	18	0	17

*C = kes kematian COVID-19 *NC = kes kematian biasa

Jumlah kematian kes biasa dan jangkitan COVID-19 di bawah kategori *dead-in-department* (DID) dan *brought-in-dead* (BID) di PPUiTM, Sungai Buloh dari bulan Januari 2022 sehingga Disember 2022

Kategori kes	DID	BID	TOTAL
COVID-19	1	0	1
Biasa	57	1	58

Jumlah kematian kes biasa dan jangkitan COVID-19 di bawah kategori *dead-in-department* (DID) dan *brought-in-dead* (BID) di HASA, UiTM dari bulan Januari 2022 sehingga Disember 2022

Kategori kes	DID	BID	TOTAL
COVID-19	6	2	8
Biasa	129	8	137

Jumlah kes rujukan bedah siasat COVID-19 yang dijalankan di Jabatan Forensik HASA, UiTM bermula dari bulan Januari 2022 sehingga Disember 2022

Bulan	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	TOTAL
Jumlah kes	1	1	5	8	2	1	3	2	2	0	1	1	27

6. AKTIVITI DAN PROGRAM JABATAN

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1.	Sukarelawan Program KPT Prihatin Komuniti Sejahtera (KRIS)	3 - 6 Mac 2022	Pasir Gudang, Johor
2.	Audit Dalaman MSQH Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM	18 Mei 2022	Jabatan Patologi Forensik, HASA
3.	Sukarelawan Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) & Hari Denggi ASEAN anjuran Pejabat Kesihatan Daerah Petaling	25 Mei 2022	Elmina Rainforest Learning Centre, Shah Alam, Selangor
4.	Latihan Pemeriksaan Antropologi Forensik untuk kakitangan Jabatan Forensik	5 Jul 2022	Bilik Bedah Siasat, Jabatan Patologi Forensik, HASA.
5.	Audit dan Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan oleh Jabatan Perubatan Kesihatan Awam	25 Jul 2022	Jabatan Patologi Forensik, HASA
6.	Sukarelawan Program CSR Nutri-C anjuran Fakulti Perubatan	16 - 17 Sept 2022	Kg. Bengoi, Jerantut, Pahang
7.	Lawatan dari Unit Forensik, Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM (HUKM)	7 Okt 2022	Jabatan Patologi Forensik, HASA
8.	Lawatan dari pelajar latihan industri Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	27 Okt 2022	Jabatan Patologi Forensik, HASA
9.	Lawatan dari pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Fotomedia Kreatif UiTM Puncak Alam	15 - 16 Nov 2022	Jabatan Patologi Forensik, HASA
10.	Karnival Kerjaya Hari Terbuka Fakulti Perubatan UiTM	23 Nov 2022	Fakulti Perubatan Kampus Sg. Buloh
11.	Bengkel Pengendalian Spesimen Mediko-legal	25 Nov 2022	Jabatan Patologi Forensik, HASA
12.	<i>Junior Scientist Day - Crime Scene Investigation 2022 (JSD-CSI)</i>	13 - 14 Dis 2022	<i>Institute of Medical Molecular Biotechnology (IMMB), Sg. Buloh</i>

7. PERANCANGAN DAN HALA TUJU JABATAN

Pembukaan perkhidmatan forensik yang merangkumi pemeriksaan bedah siasat mediko-legal dan siasatan tempat kematian atau kejadian jenayah mulai awal tahun 2024.

Menghantar kakitangan jabatan untuk menghadiri kursus dan latihan berkaitan seperti latihan sangkutan, diploma lanjutan, subkepakaran dan pascasiswazah bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran.



Menerima calon atau pelajar dari agensi dan institusi awam dan swasta untuk menjalani program latihan singkat termasuk latihan industri di jabatan.



Memohon akreditasi sebagai Pusat Latihan Pascasiswazah bagi program kepakaran Sarjana Patologi (Patologi Forensik) UiTM.



Menjalin kerjasama bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar fakulti yang berasaskan sains forensik.

GALERI AKTIVITI



Jabatan Etika dan Undang-Undang Perubatan



1. LATAR BELAKANG

Jabatan Etika dan Undang-Undang Perubatan (MELD) di Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) telah ditubuhkan pada September 2022 dengan pelantikan Dr. Aimi Nadia sebagai Ketua Jabatan selari dengan Jabatan Etika dan Undang-Undang Perubatan di Fakulti Perubatan UiTM. Lokasi jabatan ini bertempat di Aras 4, Bangunan Akademik Fakulti Perubatan UiTM Sg. Buloh. Jabatan ini beroperasi pada waktu pejabat 8.00 pagi – 5.00 petang setiap Isnin hingga Jumaat.

2. OBJEKTIF KUALITI JABATAN

Memberi sokongan dari segi perkhidmatan perundingan berkaitan etika perubatan klinikal dan etika penyelidikan.



Menganjurkan kursus dan bengkel berkaitan etika perubatan klinikal dan etika penyelidikan di peringkat nasional dan antarabangsa.



Merupakan platform bagi penyelidikan pelbagai disiplin berkaitan projek penyelidikan di dalam bidang etika klinikal dan juga etika penyelidikan.



Mewujudkan kolaborasi bersama badan-badan berkaitan di peringkat nasional dan antarabangsa bagi menubuhkan jaringan.



3. SKOP PERKHIDMATAN

Memberi perkhidmatan perundingan etika perubatan klinikal di HASA.




4. STATISTIK JABATAN

4.1 Statistik Perjawatan

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan
1.	Pensyarah Perubatan	DU54	4
2.	Pensyarah Perubatan	DU51	2
Jumlah			6

4.2 Statistik Perkhidmatan

Statistik Bilangan Kes Rujukan 2022 di HASA



5. AKTIVITI DAN PROGRAM JABATAN

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1.	Selangor Medicolegal and Clinical Ethics Conference 2022. Kerjasama antara JKNS dan Hospital Ampang.	24 Mei 2022 & 25 Mei 2022	Dalam talian (400 peserta) Fizikal (50 peserta)
2.	Talk by the Medical Protection Society (MPS) for Medical Students & Doctors	24 Ogos 2022	Auditorium 2, HASA (250 peserta)

GALERI AKTIVITI



6. PERANCANGAN DAN HALA TUJU JABATAN

Menyediakan borang rujukan dan maklum balas digital dalam sistem UniMeds mulai awal tahun 2023 supaya simpanan rekod lebih teratur dan proses rujukan lebih mudah.



Mengadakan Bengkel Etika Klinikal pada tahun 2023 bagi meningkatkan kesedaran staf terhadap kewujudan MELD dan CECS bagi membantu penjagaan pesakit.

Menganjurkan konferensi yang pertama secara terbuka kepada staf UiTM pada September 2023 seperti UiTM *International Conference on Clinical Ethics* (UICCE).



Memanjangkan perkhidmatan perundingan etika penyelidikan yang telah dijalankan di fakulti kepada staf HASA pada tahun 2023.

Pusat Perkhidmatan Onkologi



1. LATAR BELAKANG

Unit Onkologi, Pusat Perubatan Pakar UiTM (PPUiTM), Sungai Buloh telah ditubuhkan seawal tahun 2008. Namun pada ketika itu, PPUiTM Sungai Buloh masih belum mempunyai fasiliti lengkap bagi pesakit kanser menjalani rawatan kemoterapi dan radioterapi. Justeru itu, pesakit kanser PPUiTM telah dirujuk ke institusi luar untuk rawatan manakala pakar Onkologi PPUiTM pula dipinjamkan untuk bertugas di Unit Onkologi, Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan Hospital Canselor Tunku Muhriz (HCTM). Pada 7 Februari 2022, Pusat Perkhidmatan Onkologi telah dibuka secara rasmi dan beroperasi di Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM, Puncak Alam.

Pusat Perkhidmatan Onkologi terbahagi kepada dua perkhidmatan utama iaitu klinik pakar dan pusat rawatan harian.

Oleh kerana kekurangan kakitangan, Klinik Pakar Pusat Perkhidmatan Onkologi beroperasi hanya pada hari Isnin dan Selasa setiap minggu manakala rawatan kemoterapi dan bersasar akan berjalan pada setiap hari Rabu dan Khamis. Pesakit yang memerlukan kemasukan ke wad bagi menjalani rawatan kemoterapi perlu dirujuk ke Unit Onkologi hospital di sekitar Lembah Klang atas sebab kekurangan jururawat berkepakaran di Pusat Perkhidmatan Onkologi, HASA. Sehingga akhir tahun 2022, Pusat Perkhidmatan Onkologi menawarkan perkhidmatan rawatan kemoterapi dan bersasar, transfusi darah, hidrasi intravena serta rawatan nebuliser bagi pesakit kanser di Unit Rawatan Harian Onkologi, HASA, Puncak Alam.

Pusat Perkhidmatan Onkologi juga dalam fasa memulakan percubaan klinikal (*clinical trial*) peringkat antarabangsa pada suku pertama tahun 2023.



2. OBJEKTIF KUALITI JABATAN

Masa menunggu di Klinik Onkologi adalah 90 minit atau kurang (KPI 1).



Rawatan kemoterapi akan bermula kurang dari dua minggu selepas pesakit menandatangani borang keizinan rawatan (KPI 2).



Peratus pesakit mendapat extravasasi semasa rawatan kemoterapi adalah kurang dari 0.5% (KPI 3).



Kekerapan mesyuarat *mortaliti* dan *morbidity* ialah enam bulan sekali (KPI 4).



Tiada kesalahan preskripsi ubatan kemoterapi (KPI 5).



KPI	Sasaran	Jan-Mac	Apr-Jun	Jul-Sep	Okt-Dis
KPI1	≥70%	100%	100%	94.74%	100%
		Jan-Jun		Jul-Dis	
KPI2	≥70%	88.1%		82.8%	
		Jan-Jun		Jul-Dis	
KPI3	≤0.5%	0%		0%	
		Jan-Jun		Jul-Dis	
KPI4	≥1	1%		N/A	
		Jan	Feb-Mac	Apr-Mei	Jun-Dis
KPI5	0%		0%	0%	0%

3. SKOP PERKHIDMATAN

3.1 Klinik pesakit luar

- Konsultasi untuk pesakit yang telah didiagnos sebagai pesakit kanser.
- Merujuk pesakit ke institusi luar bagi yang memerlukan rawatan radioterapi.

3.2 Konsultasi pesakit di wad



3.3 Pusat rawatan harian kemoterapi

- Pemberian rawatan kemoterapi, rawatan sasaran dan imunoterapi di Unit Rawatan Harian Onkologi, Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM, Puncak Alam.
- Merawat pesakit kanser di Unit Rawatan Harian Onkologi yang tidak memerlukan kemasukan ke wad.

4. PENCAPAIAN, ANUGERAH DAN INOVASI

4.1 Pencapaian dan Anugerah

Bil.	Pencapaian/ Anugerah	Tarikh Terima	Peringkat
1.	Tempat kedua skor tertinggi wanita bagi Kejohanan Bowling UiTM Cawangan Selangor 2022. Jururawat Wan Latifah binti Wan Ahmad	Mac 2022	HASA
2.	Tempat ketiga bagi Kejohanan Badminton Tertutup HASA. Jururawat Wan Latifah binti Wan Ahmad	Julai 2022	HASA
3.	Pingat Perak di ECONDEV 2022 MOOC Module: <i>Thyroid Cancer for Medical Student</i>	Ogos 2022	UiTM
4.	Anugerah Insan iDART HASA bagi bulan September 2022 Jururawat Nurafezza Aliah	26 Okt 2022	HASA
5.	Penerima <i>International Cancer Foundation (ICF) Registration Scholarship</i>	Disember 2022	Antarabangsa

4.2 Penerbitan

Bil.	Tajuk	Tarikh	Peringkat
1.	<i>Cancer Research and Management: Outcomes of Patients with EGFR-Mutant Advanced NSCLC in a Developing Country in Southeast Asia</i> How SH, Liam CK, Zainal Abidin MA, Hasbullah HH, Tho LM, Ho GF, Muhamad Nor I, Pang YK, Ho KF, Thiagarajan M, Ariffin R.	Jan 2022	Antarabangsa
2.	<i>Clinical Otolaryngology: Nasopharyngeal carcinoma in adolescent patients: A Case Series</i> Sathasivam HP, Chew SY, Kim WR, Saw CL, Tan LP, TADA TD, Adam NA, Hasbullah HH, WF WS, Tan TY, Lum CL.	Feb 2022	Antarabangsa
3.	<i>Thoracic Cancer: Programmed death-ligand 1 expression and use of immune checkpoint inhibitors among patients with advanced non-small-cell lung cancer in a resource-limited country</i> How SH, Tho LM, Liam CK, Hasbullah HH, Ho GF, Muhammad Nor I, Poh ME, Ho KF, Thiagarajan M, Samsudin A, Omar A.	Jun 2022	Antarabangsa
4.	Pembentangan Poster di <i>2nd International Asian Oncology Society Conference</i> , Seoul, Korea. <i>Knowledge, Attitude and Practice of Chemotherapy Induced Febrile Neutropenia among Junior Doctors at Non-Oncological Centres in Malaysia: A Preliminary Survey</i> Harissa H Hasbullah, Aniza Abd Aziz, Mohd Faizal Abdullah, Intan Zulaikha Zamani, Izhar A A Ghani, M Isa M Arif, Rafidah Karim, Lee Hong Moi.	Jun 2022	Antarabangsa
5.	MOOC module: Thyroid cancer for Medical Students	Okt 2022	UiTM
6.	Pembentangan Poster di <i>33rd Annual Scientific Congress of Malaysian Oncological Society 2022</i> . <i>Improving cancer care in East Coast Peninsular Malaysia: Management of Chemotherapy Induced Neutropenia among Junior Doctors at Non-Oncological Centres in Terengganu</i> Harissa H Hasbullah, Aniza Abd Aziz, Mohd Faizal Abdullah, Intan Zulaikha Zamani, Izhar A A Ghani, M Isa M Arif, Rafidah Karim, Lee Hong Moi.	Nov 2022	Kebangsaan

5. STATISTIK JABATAN

5.1 Statistik Perjawatan

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan
1.	Pakar Perubatan	DU54	1
2.	Jururawat	U29	4
3.	Pembantu Perawatan Kesihatan	U11	1
Jumlah			6

5.2 Statistik Perkhidmatan

Jumlah Pesakit yang Dirawat di Pusat Perkhidmatan Onkologi Sepanjang Tahun 2022

	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
Klinik Onkologi	12	10	21	29	36	40	50	40	51	73	91
Unit Rawatan Harian Onkologi	-	4	7	16	24	19	24	38	38	50	34
Jumlah	12	14	28	45	60	59	74	78	89	123	125

6. AKTIVITI DAN PROGRAM JABATAN

6.1 Panel dan Penceramah Jemputan

Bil.	Nama Program	Tarikh	Peringkat
1.	<i>CULTIVATE, a holistic view for all chest trainees in understanding lung cancer, organised by Malaysian Thoracic Society in collaboration with Astra Zanece</i> Chemotherapy and Radiotherapy in Lung Cancer Dr. Harissa Husainy Hasbullah	Jan 2022	Kebangsaan
2.	<i>Ulaskan Thoracic Cancer Journal</i> Serum Immunogloblins Might be Useful Predictors of Immune-related Adverse Events after Immune Checkpoint Inhibitor Usage in Lung Cancer Dr. Harissa Husainy Hasbullah	Apr 2022	Antarabangsa
3.	<i>Echo Training Clinical Practice Guidelines (CPG) Management of Breast Cancer (3rd Edition)</i> Update on Radiotherapy in Breast Cancer Dr. Harissa Husainy Hasbullah	Okt 2022	Kebangsaan
4.	<i>Ulaskan Thoracic Cancer Journal</i> Circulating Tumor Cells PD-L1 Expression Detection and Correlation of Therapeutic Efficacy of Immune Checkpoint Inhibition in Advanced Non-small Cell Lung Cancer Dr. Harissa Husainy Hasbullah	Sept 2022	Antarabangsa
5.	<i>33rd Annual Scientific Congress of Malaysian Oncological Society 2022</i> Updates in Management of Biliary Tract Cancer Dr. Harissa Husainy Hasbullah	Nov 2022	Kebangsaan
6.	<i>Malaysian Congress of Radiology</i> Reporting in Cancer Imaging: The Pivotal Role in Decision-making and Cancer Outcomes Dr. Harissa Husainy Hasbullah	Dis 2022	Kebangsaan

6.2 Penyelidikan

Bil.	Tajuk projek penyelidikan	Tarikh	Peringkat
1.	<i>Investigation of the role of CD8+ and its chemokine in radio-resistant breast cancer cell to gamma-ray irradiation using the 3D culture system</i>	2019-2023	Geran Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)
2.	<i>Elucidating the mechanism of radio-resistance in EMT6 Mouse Mammary carcinoma to gamma-ray irradiation in mouse bearing tumour model</i>	2020-2023	Geran LESTARI UiTM
3.	<i>A phase III Randomised Open-label Sponsor-blinded multi centre study of durvalumab in combination with tre-melumab +/- lenvatinib given concurrently with transarterial chemoembolisation (TACE) compared with TACE alone in patients with locoregional hepatocellular carcinoma (EMERALD - 3)</i>	2022-2027	Geran Penyelidikan Industri

6.3 Aktiviti dan program jabatan

Bil.	Nama Program	Tarikh	Peringkat
1.	Perasmian Pusat Perkhidmatan Onkologi Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM, Puncak Alam	7 Feb 2022	Pusat Perkhidmatan Onkologi, HASA
2.	Perkongsian Pendidikan Kejururawatan (<i>Continuous Nursing Education</i>) dari Syarikat B. Braun Malaysia berkaitan alatan dan peralatan untuk rawatan kemoterapi	Feb 2022	Pusat Perkhidmatan Onkologi, HASA
3.	Lawatan dari Persatuan Kanser Kanwork untuk perbincangan kerjasama bersama Pusat Perkhidmatan Onkologi, HASA.	Sep 2022	Pusat Perkhidmatan Onkologi, HASA
4.	Kempen Kesedaran Kanser Payudara bersama komuniti <i>Pink October</i>	14 Okt 2022	Masjid Puncak Alam, Bandar Puncak Alam
5.	<i>33rd Annual Scientific Congress of Malaysian Oncological Society 2022</i> 1. Nurafezza binti Aliah 2. Wan Latifah binti Wan Ahmad	4-6 Nov 2022	Hotel Le Meriden, Kuala Lumpur

7. PERANCANGAN DAN HALA TUJU JABATAN

Pembukaan wad onkologi untuk membolehkan semua pesakit onkologi yang memerlukan rawatan sebagai pesakit dalaman dapat dirawat di satu wad khusus.



Penambahan kakitangan Pusat Perkhidmatan Onkologi iaitu pakar, pegawai perubatan dan jururawat yang berkemahiran untuk memastikan operasi dan perkhidmatan Pusat Perkhidmatan Onkologi dapat dijalankan dengan lancar dan cemerlang.

Pemberian rawatan kimoterapi di wad.



Penambahan kajian klinikal di Pusat Perkhidmatan Onkologi.

GALERI AKTIVITI



Pusat Perkhidmatan Nefrologi



1. LATAR BELAKANG

Unit Nefrologi telah ditubuhkan pada bulan September 2015 di *Clinical Training Centre* UiTM Kampus Sungai Buloh. Unit ini asalnya ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan kepada pesakit buah pinggang termasuk Penyakit Renal Peringkat Akhir (ESRD), Kecederaan Buah Pinggang Akut (AKI) dan keadaan lain yang memerlukan rawatan dialisis. Perkhidmatan yang disediakan termasuk kemudahan hemodialisis yang bersih dan moden serta kemudahan dialisis peritoneal.

Unit Nefrologi ini telah berkembang dengan bermulanya operasi Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM di Puncak Alam. Unit baru ini menyediakan perkhidmatan hemodialisis, peritoneal dialisis dan juga pemindahan buah pinggang. Sejak Julai 2021, unit ini telah menerima pesakit bagi rawatan hemodialisis.

2. OBJEKTIF KUALITI JABATAN

- Peratusan pesakit yang menerima preskripsi Kt/V lebih dari 1.3 (KPI 1).
- Untuk memastikan pesakit menerima HD yang mencukupi ($Kt/V > 1.2$) (KPI 2).
- Untuk memastikan kadar pengurangan urea (URR) pesakit > 65% (KPI 3).
- Untuk memastikan pesakit mencapai tahap Hb 10-12 g/dL (KPI 4).
- Peratusan pesakit yang mencapai *low transferrin saturation* (TSAT) adalah lebih daripada 20% (KPI 5).

KPI	TARGET	MAC	JUN	SEPT	DEC
KPI 1	>95	100%	72.73%	75%	66.67%
KPI 2	>85	60%	72.73%	75%	73.33%
KPI 3	>85	100%	90.91%	91.67%	73.33%
KPI 4	>70	90%	81.82%	75%	53.33%
KPI 5	>80	80%	100%	100%	73.33%

3. SKOP PERKHIDMATAN

3.1 Perkhidmatan Hemodialisis

- Rawatan hemodialisis pesakit akut
- Rawatan hemodialisis pesakit kronik *End Stage Renal Disease* (ESRD)
- Rawatan komplikasi pesakit hemodialisis
- Rawatan susulan pesakit kronik
- Kaunseling dan nasihat kepada pesakit hemodialisis

3.2 Perkhidmatan Peritoneal Dialisis

- Persediaan pesakit yang akan menjalani pembedahan *Tenckhoff catheter insertion*
- Kaunseling dan nasihat kepada pesakit *peritoneal dialysis*
- Rawatan komplikasi *peritoneal dialysis*
- Rawatan susulan pesakit kronik

3.3 Sokongan Nefrologi di Wad dan *Intensive Care Unit* (ICU)

- Rondaan wad setiap hari
- Rawatan dialisis untuk pesakit di ICU

3.4 Klinik

- Klinik hemodialisis dan *peritoneal dialysis*
- Klinik *Chronic Kidney Disease* (CKD)
- Klinik Transplan dan *Glomerulonephritis*

3.5 Prosedur

- *Renal biopsy*
- Pembedahan pemasangan kateter dialisis
- Pengambilan darah rutin

4. PENCAPAIAN, ANUGERAH DAN INOVASI

Bil.	Pencapaian/ Anugerah	Tarikh Terima	Peringkat
1.	Penganjur <i>Inter-University World Kidney Day</i>	14 Mac 2022	Kebangsaan

5. STATISTIK JABATAN

5.1 Perjawatan Jabatan

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan
1.	Pakar Perubatan Nefrologi	DU56	1
2.	Pakar Perubatan Nefrologi	DU54	1
3.	Pakar Perubatan	DU51	2
4.	Ketua Jururawat	U32	1
5.	Jururawat	U29	10
6.	Penolong Pegawai Perubatan	U29	1
7.	Pembantu Perawatan Kesihatan	U19	1
Jumlah			17

5.2 Statistik Perkhidmatan

Statistik Bulanan Jumlah Pesakit Pusat Perkhidmatan Nefrologi di HASA, UiTM, Puncak Alam bagi Tahun 2022

Bil.	Bulan	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jumlah
Inpatient														
1.	Hemodialisis	24	30	28	31	48	74	55	93	141	98	67	120	809
2.	Dialisis Peritoneal	-	-	-	-	-	-	2	6	12	10	5	16	51
3.	Prosedur	4	3	3	1	7	7	6	10	12	7	12	21	93
	Jumlah	28	33	31	32	55	81	63	109	165	115	84	157	953
Outpatient														
1.	Hemodialisis	120	102	121	140	155	172	169	170	163	201	208	149	1,870
2.	Dialisis Peritoneal	-	-	-	-	-	-	-	4	5	6	13	23	51
3.	Prosedur	2	1	2	1	-	-	-	-	-	3	3	26	38
4.	Klinik										3	5	4	12
	Jumlah	122	103	123	141	155	172	169	174	168	213	229	202	1,971
Jumlah														
1.	Hemodialisis (IP + OP)	144	132	149	171	203	246	224	263	304	299	275	269	2,679
2.	Dialisis Peritoneal (IP + OP)	-	-	-	-	-	-	2	10	17	16	18	39	102
3.	Prosedur (IP + OP)	6	4	8	2	7	7	6	10	12	10	15	47	134
4.	Klinik (OP)										3	5	4	12
	Jumlah	150	136	157	173	210	253	232	283	333	328	313	359	2,927

Statistik Bulanan Hemodialisis HASA bagi Tahun 2022

Bil.	Pesakit/Bulan	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jumlah
1.	<i>Hemodialysis inPatient</i>	24	30	28	31	48	74	55	93	141	98	67	120	809
2.	<i>Critical Care Patient</i>	9	4	19	1	13	22	11	37	23	26	17	22	204
3.	<i>Hemodialysis OutPatient</i>	120	102	121	140	155	172	169	170	163	201	184	149	1846
4.	<i>Lodger from Patient</i>						9	11	9	18	9	4	17	77
5.	<i>Review Patient</i>													
6.	<i>3 Monthly Review</i>	8			10			12			15			45
7.	<i>IJC Insertion</i>	6	3	2	3	6	7	6	10	7	9	4	7	70
8.	<i>Renal Biopsy</i>			1		1	3	1		2	1	1	1	11
9.	<i>Perm Cath Insertion</i>													
10.	<i>Removal of IJC</i>	1		1			7	6	10			3	3	
11.	<i>Removal of Perm Cath</i>									1	1		2	4
12.	<i>RRT Counselling</i>				1				1			2	1	5
13.	<i>Code Blue</i>							1						1
14.	<i>Blood Review</i>									1	1			2

Statistik Bulanan Dialisis Peritoneal HASA bagi Tahun 2022

Bil.	Pesakit/Bulan	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jumlah
1.	<i>Clinic</i>								1	3	2	1	4	11
2.	<i>Blood Taking</i>									1	1	1	5	8
3.	<i>Training Patient</i>								2	2	-	-	1	5
4.	<i>Flushing</i>									2	1	1	1	5
5.	<i>Spike Antibiotic</i>									1	2		10	13
6.	<i>Peritonitis</i>											1	2	3
7.	<i>Exit Site Infection</i>								1		1	1	1	4
8.	<i>Transfer Set Exchange</i>										1			1
9.	<i>Kt/V</i>												2	2
10.	<i>Exchange Capd</i>									1	1		7	9
11.	<i>Peritoneal Dialysis Inpatient</i>							2		1	2	1	3	9
12.	<i>Cooper Sulphate</i>													
13.	<i>Insertion Tenckhoff</i>							2	3			2		7
14.	<i>Removal Tenckhoff</i>												2	2

Statistik Bulanan Hemodialisis PPUiTM bagi Tahun 2022

Bil.	Pesakit/Bulan	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jumlah
1.	<i>Hemodialysis Inpatient</i>	24	15	8	36	37	43	7	12	29	16	28	17	272
2.	<i>Critical Care Patient</i>	19	23	24	13	16	19	7	7	5	3	19	6	161
3.	<i>Hemodialysis Outpatient</i>	94	111	150	136	134	147	145	150	138	153	152	174	1684
4.	<i>Blood Taking</i>		2	11	-	2	10	2	3	13	4	3	8	58
5.	<i>Review Patient</i>	2	1	2	-	-	2	-	-	-	1	-	1	9
6.	<i>3 Monthly Review</i>	-	-	4	6	-	5		-	-	12	-	-	27
7.	<i>Removal of Perm Cath</i>	1	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	1	3
8.	<i>RRT Counselling</i>	1	2	1	-	-	-	-	-	-	1	1	-	6
9.	<i>Code Blue</i>	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah														2220

Statistik Bulanan Dialisis Peritoneal PPUiTM bagi Tahun 2022

Bil.	Pesakit/Bulan	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jumlah
1.	<i>Clinic</i>	14	5	9	13	9	12	7	11	18	6	8	8	120
2.	<i>Blood Taking</i>	3	9	6	10	3	5	9	10	8	5	4	5	77
3.	<i>Training Patient</i>	1	1	1	1	3	2	1	2	0	0	0	2	14
4.	<i>Spike Antibiotic</i>	2	1	1	0	1	0	1	0	2	1	1	4	14
5.	<i>Peritonitis</i>	2	1	1	0	1	0	1	0	2	1	1	4	14
6.	<i>Exit Site Infection</i>	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	1
7.	<i>Transfer Set Exchange</i>	4	5	1	2	2	1	6	3	3	2	3	0	32
8.	<i>Kt/V</i>	3	7	6	4	3	5	5	7	8	3	3	5	59
9.	<i>Peritoneal Dialysis Inpatient</i>	0	0	0	1	0	1	0	3	0	0	2	1	8
10.	<i>Cooper Sulphate</i>	0	0	0	0	0	0	3	0	3	0	1	1	8
11.	<i>Tenckhoff Insertion Under UPSC</i>	0	0	0	1	1	0	1	0	0	0	0	0	3

Statistik Bulanan Dialisis Peritoneal PPUiTM bagi Tahun 2022

Bil.	Pesakit/Bulan	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jumlah
1.	<i>Insertion Tenckhoff</i>	2	0	2	3	1	1	1	1	0	0	1	1	13
2.	<i>Removal Tenckhoff</i>	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	1	2	4
3.	<i>Deceased</i>	0	0	0	0	0	2	0	0	0	0	0	2	4

6. AKTIVITI DAN PROGRAM JABATAN

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1.	<i>Clinical Audit – Catheter Care</i>	1 Sep 2022 - 1 Okt 2022	Unit Hemodialisis, HASA

7. PERANCANGAN DAN HALA TUJU JABATAN

Mencapai piawaian yang telah ditetapkan oleh MSQH.



Menjadi pusat latihan untuk hemodialisis bagi program *post basic renal*.

Memastikan pesakit mendapat rawatan yang berkualiti dan terbaik.



Pusat Perkhidmatan Pergigian



1. LATAR BELAKANG

Pusat Perkhidmatan Pergigian Hospital Al-Sultan Abdullah menyediakan perkhidmatan pergigian, kepakaran dan sokongan kepada para pesakit kecemasan dan elektif.

Antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah khidmat Pakar Bedah Mulut dan Maksilofasial, Pakar Pergigian Kanak, Pakar Pergigian Keperluan Khas dan Rawatan Pergigian Am.

Selain daripada terlibat dengan perkhidmatan klinikal, pusat perkhidmatan ini juga terlibat secara aktif dengan program latihan kepakaran pergigian di mana ketika ini, operasi perkhidmatan bermula pada hari Isnin hingga Jumaat dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

2. OBJEKTIF KUALITI JABATAN


Kes kecemasan mesti dilihat oleh panggilan pertama / Pegawai Pergigian atas panggilan dalam tempoh 30 minit selepas rujukan.




Rujukan pesakit dalam daripada mana-mana disiplin mesti dilihat dalam masa 24 jam.



Emergency cases must be seen by first call/dental officer on call within 0 minutes prior to referral



Impatient referral from any disciplines must be seen within 24 hours (2022)



3. SKOP PERKHIDMATAN

Pusat perkhidmatan pergigian Hospital Al-Sultan Abdullah menyediakan perkhidmatan berdasarkan rujukan daripada jabatan kecemasan dan rujukan daripada pesakit dalaman. Selain itu, unit ini turut menyediakan perkhidmatan di Dewan Bedah HASA. Antara rawatan yang diberikan adalah seperti berikut mengikut kepakaran yang sedia ada:

3.1 Bedah Mulut dan Maksilofasial

- Dentoalveolar surgeri
- Maksilofasial trauma
- Pembedahan orthognatik
- Oral dan Maksilofasial onkologi
- Sumbing bibir dan langit
- Pembedahan kraniofasial
- Implan pergigian dan maksilofasial
- Patologi mulut



3.2 Pergigian Kanak-Kanak

- Rawatan Pergigian Komprehensif
- Hipnosis dan Pengurusan Tingkah Laku
- Trauma Pergigian Pediatrik

3.3 Pergigian Keperluan Khas

- Rawatan pergigian untuk kanak-kanak berkeperluan khas dan orang kurang upaya (OKU)
- Rawatan pergigian geriatrik


5. STATISTIK JABATAN

5.1 Statistik Perjawatan

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan
1.	Ketua Unit, Pensyarah Kanan / Pakar Bedah Mulut dan Maksilofasial	DUG56	1
2.	Pakar Bedah Mulut dan Maksilofasial	DUG54/56	9
3.	Pakar Pergigian Kanak-kanak	DUG54/56	4
4.	Pakar Pergigian Keperluan Khas	DUG56	2
5.	Pegawai Pergigian	UG41	3
6.	Pembantu Pembedahan Pergigian	U19	3
Jumlah			22


5.2 Statistik Perkhidmatan

316
PESAKIT



Jumlah Pesakit Dalam Pergigian HASA, Puncak Alam 2022

167
PESAKIT



6. AKTIVITI & PROGRAM JABATAN

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1.	CBD Course	22 Jun 2022	Fakulti Pergigian, Sg. Buloh
2.	Venipuncture and Phlebotomy	22 Jun 2022	Fakulti Pergigian, Sg. Buloh
3.	Kejohanan Badminton Piala Pengarah Hospital UiTM 2022	3 Julai 2022	UiTM, Puncak Alam


GALERI AKTIVITI



7. PERANCANGAN DAN HALA TUJU JABATAN

Perancangan Jangka Masa Pendek

- Meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit.
- Mewujudkan klinik konsultasi pergigian di Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM.



Perancangan Jangka Masa Panjang

- Mewujudkan sebuah Pusat Perkhidmatan Pergigian yang berfungsi secara menyeluruh di Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM.

Pusat Perkhidmatan Kardiologi



1. LATAR BELAKANG

Unit Kardiologi di bawah naungan Fakulti Perubatan, UiTM bermula dengan Profesor Emeritus Dato' Dr. Khalid Yusof pada tahun 2003 sebagai Dekan Fakulti Perubatan serta Pakar Perunding Kanan Kardiologi. Perkhidmatan pada mulanya disampaikan melalui rawatan pesakit dalam dan luar terutamanya daripada integrasi dengan Jabatan Perubatan Hospital Selayang dan Hospital Sungai Buloh.

Perkhidmatan Kardiologi berkembang dengan pembukaan Klinik Pakar, Fakulti Perubatan UiTM di Kampus Selayang pada tahun 2010 dan diikuti oleh *Clinical Training Centre* (CTC), Fakulti Perubatan UiTM di Kampus Sungai Buloh.

Perkhidmatan Kardiologi di Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM di Puncak Alam telah bermula pada bulan Julai tahun 2021. Berikut merupakan lokasi klinik, makmal dan unit di bawah Pusat Perkhidmatan Kardiologi: Waktu pengoperasian semua kawasan klinikal pesakit dalam adalah 24 jam.

Klinik Kardiologi

Klinik 1, Tingkat Bawah, Bangunan Klinikal. Pusat Pakar Perubatan UiTM, Sungai Buloh. Waktu operasi klinik pesakit luar adalah dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Makmal Jantung Non-Invasif (NICL)

Tingkat 2, Bangunan Klinikal, Pusat Pakar Perubatan UiTM, Sungai Buloh. Waktu operasi Makmal Jantung Non-Invasif adalah dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Makmal Kateterisasi Jantung

Tingkat 4, Bangunan Klinikal, Pusat Pakar Perubatan UiTM, Sungai Buloh. Waktu operasi Makmal Kateterisasi Jantung adalah 24 jam.

Pusat Diagnostik Non-Invasif (NIDC)

Tingkat 3, Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM, Puncak Alam. Waktu operasi Pusat Diagnostik Non-Invasif (NIDC), adalah dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

2. OBJEKTIF JABATAN

2.1 Objektif Kualiti Jabatan

	KPI								
	Percentage of Normal Angiogram	Major complication during diagnostic coronary angiogram			Major Complication during Coronary Angioplasty			Primary PCI in Hospital Door to Balloon <90 minutes	Primary PCI Transfer hospital <120 minutes
		Death	AMI	Stroke	Death	AMI	Stroke		
	TARGET								
	< 5%	<1%			<1%	0	0	>90%	>90%
Jan	25%	0	0	0	0	0	0	0	0
Feb	9.2%	0	0	0	0	0	0	0	0
Mac	6.4%	0	0	0	0	0	0	0	100%(1)
Apr	10.2%	0	0	0	0	0	0	0	100%(2)
Mei	14.8%	0	0	0	0	0	0	0	100%(1)
Jun	16.8%	0	0	0	0	0	0	0	100%(1)
Jul	16.8%	0	0	0	0	0	0	0	0
Ogos	3.1%	0	0	0	3%(1)	0	0	0	100%(3)
Sep	2.4%	0	0	0	4%(1)	4%(1)	0	0(1)	100%(2)
Okt	7.9(5)%	0	0	0	0	0	0	0	100%(3)
Nov	4.1(4)%	0	0	0	0	0	0	0	0
Dis	6.6(4)%	0	0	0	0	0	0	0	100%(1)

2.2 Objektif Jabatan

Menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan sebagai menyokong misi Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM untuk menjadi pusat penjagaan kesihatan akademik yang terulung.



Memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti, terbaik dan holistik kepada semua.



Menjalankan penyelidikan yang terkini dan relevan.



Menginovasi perkhidmatan penjagaan kesihatan yang efektif dan mampan dari segi kewangan.



3. SKOP PERKHIDMATAN

3.1 Pusat Pakar Perubatan UiTM, Sungai Buloh

3.1.1 Klinik Pesakit Luar

3.1.2 Klinik Post PCI

3.1.3 Klinik Heart Failure

3.1.4 Klinik Valves

3.1.5 Makmal Jantung Invasif:

- Coronary Angiogram
- Percutaneous coronary intervention
- Right Heart Study
- Intravascular ultrasound (IVUS)
- Permanent Pacemaker (PPM)
- Temporary Pacemaker (TPM)
- Intra-Aortic Balloon Pump (IABP)
- Fractional flow reserve (FFR)
- Cardiac resynchronization therapy-defibrillator (CRTD)
- Implantable Cardioverter Defibrillator (ICD)
- Percutaneous transluminal angioplasty (PTA)
- Percutaneous ASD closure

3.1.6 Makmal Jantung Non-invasive:

- Ambulatory Blood Pressure Monitoring (ABPM)
- Ankle Brachial Index (ABI)
- Dobutamine Stress Echo (DSE)
- Electrocardiogram (ECG)
- Transthoracic Echocardiogram (TTE/ECHO)
- Event Recorder
